

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGGAL KETIGA
Third Session
MESYUARAT PERTAMA
First Meeting

Jilid III

Bil. 15

Hari Khamis

5 Jun 1997

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

(Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perkhidmatan Bersama
(Pegawai Hal-Ehwal Islam) 1997

(Ruangan)

Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi
Nasional 1997

(Ruangan)

Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) 1997

(Ruangan)

Rang Undang-undang Lembaga Letrik Sabah (Pindaan) 1997

(Ruangan)

Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
(Pindaan) 1997

(Ruangan)

Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 1997

(Ruangan)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat Dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat

(Ruangan)

Kepimpinan Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad Sebagai
Perdana Menteri Malaysia.

- *Y.B. Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail*

(Ruangan)

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEMBILAN
Mesyuarat Pertama
Penggal Yang Ketiga
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Michael Bong Thiam Joon, A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Tuan Charern Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong, P.J.K. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

“ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N.
(Johor)

- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)
- “ Datuk Maidum P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Michael Chen Wing Sun (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Othman bin Yunus, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Dilantik)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)
- “ Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)
- “ Datuk Rahim bin Baba, D.M.S.M, A.M.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)

- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)

- “ Tuan Tan Son Lee, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Dato’ Haji Zainal bin Md. Deros, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin, P.P.N., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan M. Zeevill @ Shanmugan a/l R.M.S. Mutaya, A.M.N., P.J.K. (Selangor)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara:	Abdullah bin Abdul Wahab
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha:	Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha:	Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

DEWAN NEGARA

Khamis, 5 Jun 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

SKIM INSURANS PERLINDUNGAN KELUARGA - MEMPERKENALKAN

1. **Tuan M.G. Pandithan** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk memperkenalkan insurans automatik atau insurans kewajipan bagi semua rakyat Malaysia. Dengan adanya skim perlindungan seperti ini dapat menjamin wanita-wanita serta anak tanggungannya meneruskan penghidupan seperti biasa di dalam masa ketiadaan mangsa kemalangannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini tidak ada rancangan oleh kerajaan untuk memperkenalkan insurans automatik atau insurans kewajipan bagi semua rakyat Malaysia.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya memang tidak bersetuju bagi setengah-setengah negara yang disebut negara kebajikan sehingga ada di antara orang-orang yang tidak bekerja ditanggung oleh pihak kerajaan, tetapi dari segi kebajikan penduduk-penduduk di negara yang berkenaan, orang-orang yang tidak bernasib baik mendapat pembelaan. Saya difahamkan negara-negara ini menggunakan dalam bentuk insurans untuk menentukan supaya masalah sosial di negara mereka dapat diatasi. Walaupun Yang Berhormat menjawab tadi negara tidak ada cadangan, adakah kita akan menjalankan kajian dalam soal ini di mana masalah-masalah sosial ditanggung oleh masyarakat dapat diberi perhatian oleh negara?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, telahan Yang Berhormat itu betul. Sekarang ini kita sedang mengkaji masalah ini. Apa yang diperkatakan, kalau misalnya pegawai-pegawai kerajaan ataupun kepada pekerja-pekerja, kita ada KWSP dan kita ada PERKESO, tetapi untuk orang yang bekerja sendiri, kampung dan sebagainya, sepertimana Yang Berhormat katakan tadi, kalau untuk saraan hidup dia kita ada Jabatan Kebajikan Masyarakat, tetapi untuk insurans kita belum ada lagi dan kerajaan sedang meneliti perkara ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, tidakkah kerajaan bercadang untuk hendak memasukkan pakej insurans ini kepada pegawai-pegawai kerajaan ataupun kakitangan awam sekali dengan pakej gaji itu. Jadi, makna kata secara tidak langsung, automatik masuk juga, kita calculate, dengan izin, supaya masuk sekali dalam pakej itu. Ini adalah lebih praktikal dan memberi insentif kepada pekerja-pekerja.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, insurans selalunya yang kita katakan sebagai social knack ataupun kita katakan waktu kecemasan dan sebagainya. Untuk pegawai-pegawai kerajaan kalau sedang menjalankan tugas, berlaku kemalangan, kematian dan sebagainya, ini soalan pertama oleh Yang Berhormat Tuan Pandithan tadi, kepada anak isteri, kita ada KWSP dan kita ada pencen. Kepada orang-orang yang bekerja dengan majikan, kita ada PERKESO dan juga kepada pekerja-pekerja asing yang bekerja di negara kita secara sah, kita ada insurans yang berkenaan. Jadi, untuk insurans yang diperkatakan oleh Yang Berhormat itu kita sedang mengkaji.

Tuan Yang di-Pertua: Insurans tidak riba?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Takaful.

KONTRAKTOR BUMIPUTERA BERWIBAWA - JUMLAH

2. **Puan Hajah Habshah binti Haji Osman** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah terkini kontraktor bumiputera yang diiktiraf "berwibawa". Apakah insentif dan sokongan yang diberi oleh kerajaan kepada mereka. Berapakah pula kontraktor berwibawa ini dilucutkan taraf ini semenjak gelaran ini diperkenalkan dan mengapa.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kontraktor bumiputera yang menghadiri kursus khasnya program kontraktor binaan bumiputera berwibawa dan diberi sijil sebagai kontraktor berwibawa ialah sebanyak 297 orang. Daripada jumlah tersebut, 14 kontraktor telah dikeluarkan daripada senarai asal dan pada masa ini jumlah kontraktor yang berwibawa yang tersenarai ialah sebanyak 283.

Di antara sebab-sebab kontraktor terlibat dikeluarkan ialah melanggar syarat-syarat kelayakan dan perlantikan di bawah program berkenaan seperti kehilangan taraf bumiputera, pengurusan syarikat dan pelaksanaan projek diurus oleh bukan bumiputera, projek di'sub'kan kepada pihak lain dan prestasi syarikat tidak memuaskan.

Sokongan dan bantuan kerajaan kepada kontraktor bumiputera berwibawa berupa pemberian kontrak pembinaan secara rundingan dan tender terhad di kalangan kontraktor berwibawa. Melalui penawaran kontrak tersebut akan dapat membantu kontraktor terlibat berkembang maju dan seterusnya bersaing di pasaran terbuka dan di luar negara. Di samping itu, kementerian, jabatan dan agensi yang terlibat dengan pelaksanaan program ini iaitu Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pembangunan Usahawan, Jabatan Kerja Raya, Pusat Khidmat Kontraktor dan Kementerian Kewangan memberi khidmat nasihat dan bimbingan kepada kontraktor berkenaan supaya mereka dapat mencapai tahap berdaya maju, berdaya tahan, berdaya saing di pasaran terbuka.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kriteria yang diberi kepada kontraktor yang bergelar 'berwibawa' dan berapa ramaikah yang berwibawa ini dapat menjalankan perniagaan di luar negeri seperti negara Afrika Selatan, di Vietnam dan lain-lain negeri?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya rasakan pertamanya kita kena faham dan untuk pengetahuan Yang Berhormat, apa takrif 'kontraktor berwibawa', iaitu di bawah program ini bermaksud

kontraktor yang berdaya maju, berdaya saing dan berdaya tahan tadi dalam usaha untuk mencapai matlamat dasar ekonomi kita dan juga terlibat secara langsung dalam pengurusan ataupun pelaksanaan projek, telah membuktikan kebolehan sebagai kontraktor melalui rekod dan prestasi mereka yang baik, menunjukkan kesungguhan kecimpungan dalam bidang kontraknya dan syarikat bumiputera ini ada yang dikatakan tulen. Di bawah program ini bermaksud syarikat yang ditubuhkan di Malaysia di mana lembaga dan ahli pengarahnya terdiri 100% bumiputera, ekuitinya pun 100% dimiliki oleh bumiputera, majoriti ahli pengurusannya terdiri daripada bumiputera dan pengurusan syarikat dikuasai oleh bumiputera. Jadi, untuk menjadi syarikat kontraktor bumiputera sekurang-kurangnya ada 3 tahun berdaftar dan mempunyai prestasi yang layak dan cemerlang.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Berapakah kontraktor di luar negeri?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Oh ya, mengenai berapa ramai kontraktor yang membuat kerja-kerja kontrak di luar negara, saya tidak ada datanya di sini, saya akan beri secara bertulis secepat lagi.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah jumlah kontraktor bumiputera di Sarawak yang diiktirafkan 'berwibawa'?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Terima kasih, Yang Berhormat. Sepertimana yang saya katakan tadi, kita ada seramai 283 dan saya baru tadi menghubungi pegawai saya untuk mendapatkan data dan metriknya sekali, selepas itu saya akan beri sebentar lagi.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, seperti kita sedia maklum kontraktor berwibawa ini menikmati pelbagai kemudahan dan keistimewaan dan sudah tentu bilangannya agak terhad dari setahun ke setahun. Berapa lamakah sesuatu kontraktor berwibawa itu akan diiktiraf sebagai 'kontraktor berwibawa'? Apakah langkah-langkah kerajaan untuk memberi peluang kepada kontraktor lain mendapat taraf 'kontraktor berwibawa'? Apakah asas pertimbangan untuk mengagihkan projek kepada mereka yang dianggap 'berwibawa'?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Terima kasih, Yang Berhormat. Banyak soalnya, sekali gus. Pertamanya, kontraktor berwibawa yang kita katakan tadi, apabila mereka telah mempunyai 3 tahun track record dan dia boleh dimasukkan dalam 'kontraktor berwibawa' sekiranya dia telah pun menjalani kursus dan tamat tempoh kursus itu. Kalau seorang kontraktor bumiputera misalnya, walaupun dia kelas A tetapi dia tidak menjalani kursus yang diberi, maka dia bukan merupakan kontraktor yang berwibawa.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Saya tidak tanya tentang itu. Berapa lama kontrak-kontrak boleh diberi kemudahan hendak menikmati sebagai taraf berwibawa itu? Apa syarat-syarat hendak jadi kontraktor, berapa lama?

Tuan Yang di-Pertua: 3 tahun.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Makna kata, kalau sepanjang masa.....

Tuan Yang di-Pertua: 3 tahun tadi?

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tidak. Itu 3 tahun setelah jadi kontraktor, sudah cukup syarat baru dimasukkan sebagai 'kontraktor berwibawa'. Setelah dia jadi wibawa, selama mana lagi dia hendak wibawa sebab wibawa ini dapat kemudahan keistimewaan projek.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Ya. Yang pertamanya, asas untuk menjadi kontraktor berwibawa, tadi saya mukadimah. Jadi mukadimahnya, sebagai seorang kontraktor sudah 3 tahun, menjalani projek yang bagus, track recordnya bagus dan menjalani kursus, baru dimasukkan kepada 'kontraktor berwibawa'. Sekarang ini masalahnya berapa lama pula sebagai kontraktor berwibawa untuk dijadikan kontraktor berwibawa.

Dalam perbincangan kita tempoh hari kita mengatakan bahawa kita tidak mahu selama-lamanya oleh kerana kontraktor bumiputera ini kalau tidak masuk menjadi kontraktor berwibawa, dia boleh mendapat projek-projek di pihak swasta. Tetapi selalunya apa yang berlaku, apabila dia masuk jadi kontraktor berwibawa, dia tidak ada lagi hendak mencari kontrak swasta tetapi mengharapkan kontrak-kontrak kerajaan sahaja. Jadi, kita mesti ada time limit supaya anak itu dididik, sudah boleh merangkak, sudah boleh berjalan, sudah boleh berlari, selepas itu kita lepaskan kepada mereka.

Jadi apa rancangan kerajaan, kalau kontraktor yang tinggi ini, kontraktor kelas A misalnya sebagai contoh, apabila kita pupuk dan bimbing mereka dan mereka telah berjaya, apabila dia masuk sahaja kepada public listed company, listing di BSKL maka dengan itu gugurlah taraf dia sebagai kontraktor berwibawa. Itu tahap dia, peringkat dia.

Kepada kontraktor-kontraktor lain, seperti saya katakan tadi walaupun dia kelas A dan sebagainya, hendak masuk kontraktor berwibawa, kena menjalani kursus, itu syaratnya. Macam orang kahwin jugalah, bila hendak kahwin walaupun dia sudah hafiz misalnya, tetapi syaratnya dia kena ambil kursus dan dapat certificate. Apabila dapat certificate, disahkan, baru dia boleh berkahwin. Kalau dia dapat certificate, disahkan, baru dia menjadi kontraktor berwibawa. Apabila dia masuk listing, baru kita lepaskan dia daripada didikan kita.

PEMBUANGAN BAYI - PERLINDUNGAN DAN KESELAMATAN

3. **Tuan Haji Abdillah bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan untuk menjaga keselamatan dan juga maklumat tentang anak-anak yang dibuang oleh ibu bapa mereka setelah dilahirkan dari tekanan jiwa apabila mereka sudah dewasa dan mengetahui perkara yang sebenar.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat, kejadian pembuangan bayi bukanlah satu gejala yang baru timbul. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah

menyedari masalah ini lebih lagi dari masa yang lepas sejak tahun 1980-an. Hanya baru ini masalah sosial ini telah mendapat publisiti yang meluas daripada pihak media.

Bagi kanak-kanak yang dibuang, langkah yang diambil oleh kementerian menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat ialah untuk menyelamatkan dan memberi perlindungan kepada kanak-kanak terbuang itu. Bayi ini diberi perlindungan di rumah kanak-kanak di bawah seksyen 22(1)(e) Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991. Jabatan Kebajikan masyarakat adalah bertanggungjawab untuk menyerahkan bayi-bayi sebagai anak angkat kepada pasangan suami-isteri yang telah memohon untuk mendapatkan anak angkat dari Institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat. Bagi bayi yang mempunyai status terbuang, memang tidak diketahui latar belakang ibu bapa bapanya. Jabatan Kebajikan Masyarakat bertanggungjawab memilih bakal ibu bapa yang mempunyai perwatakan lemah-lembut, sayangkan anak, bertanggungjawab, mempunyai pendapatan yang stabil dan akan memberi segala keperluan asas, fizikal dan emosi kepada bayi yang dipertanggungjawabkan kepada mereka.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagi gadis-gadis yang terjebak dengan keadaan immoral, di mana secara sendiri ataupun ada yang setengahnya telah pun terpaksa - sekiranya mereka mengandung, dan mereka ini telah tidak diterima oleh keluarga dan masyarakat, adakah institusi-institusi ataupun tempat-tempat perlindungan yang disediakan oleh pihak kementerian untuk menempatkan mereka ini ataupun mereka ini disalurkan oleh NGO-NGO yang menerima aduan daripada mereka yang tidak mempunyai tempat untuk mengadu?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, semua masalah yang dihadapi oleh seseorang bakal ibu, iaitu seseorang wanita yang mengandung, semua masalah tersebut kalau diberitahu kepada pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat, memang semua akan diberi kaunseling, tunjuk ajar dan sebagainya. Jadi, segala masalah macam ini memang diambil tindakan mengikut apa yang patut, apa yang perlu kepada ibu yang mengandung.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah sebabnya kebanyakan buang bayi ini dilakukan oleh umat Islam yang didedahkan dalam surat khabar. Tidakkah ada lain-lain kaum yang melakukan demikian, dan apakah langkah kementerian tersebut untuk membendung keadaan ini supaya jangan berlaku berleluasa dalam negara kita kepada gadis-gadis yang membuang bayi?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini timbul oleh kerana tindakan ataupun siasatan yang dijalankan oleh pegawai Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat selepas kerajaan menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet Mengenai Masalah Sosial. Jadi, apabila di dalam taklimat yang diberi oleh Dato' Ketua Setiausaha Kementerian kepada Kabinet dan kepada jabatan ataupun kepada negeri-negeri yang minta taklimat. Jadi, oleh kerana itu, perkara ini telah timbul daripada soalan-soalan yang mendengar

taklimat. Jadi, ertinya terpaksa disebut dan dijawab oleh pegawai tersebut kerana mahu melihat perkara yang sebenar.

Jadi, sungguhpun satu komuniti lebih banyak dari yang lain, komuniti yang lain ataupun kaum-kaum yang lain pun ada terlibat. Ertinya, semua kaum di dalam negara kita terlibat semua.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dahulu pihak kementerian ada mencadangkan untuk mewujudkan bank bayi untuk sebagai salah satu cara untuk menyelesaikan masalah pembuangan bayi. Dan difahamkan bahawa rancangan ini telah tidak diterima. Apakah rancangan alternatif pihak kementerian untuk mengatasi masalah ini, dan setakat ini, hingga hari ini berapakah sebenarnya lagi yang dalam rekod kementerian, jumlah bayi-bayi yang telah dibuang?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, memang betul apa yang disebut oleh Yang Berhormat itu perkara bank bayi ini tidak dijalankan. Tetapi sungguhpun begitu, segala masalah bayi yang dibuang ataupun yang belum dibuang, kalau mereka berjumpa dengan pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat, semua tindakan ini akan diambil mengikut apa yang patut. Ertinya, semua diambil tindakan supaya bayi itu dapat selamat. Itu yang pertama.

Yang kedua, jumlah bayi yang dibuang, tahun 1995 - 57 orang, dan tahun 1996 - 55 orang.

CUKAI PENDAPATAN YANG TERHUTANG - TINDAKAN UNDANG-UNDANG TERHADAP PEMBAYAR CUKAI

4. **Tuan Tan Son Lee** minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan yang diambil tindakan undang-undang kerana tidak membayar cukai pendapatan dan sebab-sebab.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 1996, sebanyak 10,559 kes guaman sivil telah difailkan di mahkamah untuk mengutip cukai yang terhutang. Dari jumlah ini sebanyak RM 9,033 kes adalah kes-kes individu yang melibatkan cukai sebanyak RM190.7 juta, sementara bakinya sebanyak 1,496 kes adalah kes syarikat yang melibatkan cukai sebanyak RM133.2 juta.

Tindakan undang-undang diambil ke atas pembayar cukai ini kerana mereka masih gagal menjelaskan cukai pendapatan selepas penalti tambahan dikenakan dan keputusan penghakiman telah diperolehi.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kementerian bercadang untuk mengecualikan secara total orang-orang Islam daripada membayar cukai pendapatan setelah mereka membayar zakat fitrah?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah dibangkitkan pada hari-hari yang lepas bahawa orang-orang Islam boleh dikecualikan daripada cukai pendapatan sekiranya mereka menampilkan resit-resit berkenaan. Jadi, yang saya katakan dahulu untuk memberikan secara total kerana zakat ini

ialah zakat fitrah, zakat harta dan zakat korporat, jadi seperti yang telah saya jawabkan hari itu bahawa perkara ini agak sulit kalau kita membuat secara total.

Tuan Tan Swee Heung: Tuan Yang di-Pertua, adakah benar ada syarikat yang di'listed' di KLSE berhutang cukai pendapatan, dan apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan, dan mengapa ada syarikat yang akan di'listed', tetapi sebelum di'listed', cukai belum dibayar, mengapa?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, kita melihat cukai pendapatan ini dari segi orang perseorangan, individu yang membayar cukai pendapatan dan juga syarikat-syarikat. Tetapi kita tidak melihat bahawa mengikut secara teliti bahawa syarikat ini akan pergi ke BSKL untuk di'list'kan atau tidak. Perkara ini terpaksa kita tengok, kalau misalnya kita hendak ketahui sama ada syarikat-syarikat berkenaan sudah membayar cukai, baru boleh dapat listing, ini kita kena kerjasama dengan BSKL dan Security Commission.

Tetapi buat ketika ini apa yang dilakukan oleh lembaga ialah memperlihatkan bahawa tiap-tiap orang itu bila cukup masanya, membayar cukai, dan syarikat bila cukup masanya, kena membayar cukai. Sama ada dia hendak pergi listing atau tidak, tidak di bawah preview lembaga.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Kita tahu bahawa pengutipan cukai pendapatan melalui tindakan undang-undang adalah memakan masa yang lama. Soalan saya ialah adakah pihak kementerian mempunyai mekanisme alternatif untuk mengutip cukai pendapatan supaya boleh dikutip dengan jangka masa yang pendek dan juga adakah pihak Kementerian Kewangan sebenar-sebenarnya dapat mengenal pasti semua pihak yang sepatutnya membayar cukai pendapatan, kerana kadangkala ada yang mengelak pembayaran cukai pendapatan, dan apa caranya?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Masalah pemantauan dan control mekanisme, Tuan Yang di-Pertua, yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Puan Kamalia, pertamanya jika seseorang itu ingin mengelak cukai, lari daripada negara ini misalnya, apa yang dibuat oleh pihak lembaga ialah memberitahu Imigresen, dan apabila seorang itu hendak keluar misalnya, ada dalam komputer sama ada mereka sudah bayar cukai atau tidak, atau melarikan cukai atau tidak. Maka dengan itu, mereka boleh ditahan dan pasport mereka boleh ditahan. Dengan itu mereka tidak dapat keluar negeri. Kalau mereka misalnya terlepas, apabila mereka balik misalnya, mereka akan dikenakan cukai. Tidak ada tempoh masa di mana seorang itu tidak membayar cukai misalnya selepas 10 tahun tidak payah bayar cukai, tidak ada. Jadi, seorang itu kalau dia pergi ke Adelaide misalnya, lepas itu duduk di sana 10-11 tahun, apabila dia balik, dia tidak membayar cukai, dia rasa hendak makan kuetiaw di Chow Kit Road, bila dia balik kita tangkap mereka.

Yang keduanya ialah mengenai tiap-tiap orang apabila dia tidak membayar cukai, kita ada mekanisme-mekanisme yang membolehkan kita mendapat tahu bahawa melalui lembaga sekarang ini, kita telah pun mengadakan komputer on-line supaya tiap-tiap orang dapat membayar cukai. Tetapi kepada mereka yang mengelak seperti yang menjual kepala ikan dan sebagainya, pihak lembaga ada mempunyai pegawai-pegawai yang berkenaan untuk menyasat dan sebagainya. Tiap-tiap orang bila diberi borang dikehendaki memulangkan balik sama ada dia di dalam bracket untuk membayar cukai ataupun tidak. Ini adalah satu peraturan.

Tuan Tan Swee Heung: Minta penjelasan sahaja. Sebelum satu syarikat di'listed', adakah kerajaan ada satu kriteria, sebelum dia bayar cukai pendapatan tidak boleh di'listed', adakah satu kriteria? Itu sahaja.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa menyemakanya dan saya akan beri secara bertulis.

HAKISAN PANTAI - TINDAKAN

5. **Dato' Haji Ahmad bin Ismail** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah dan tindakan kementerian terhadap 65 kawasan pantai sepanjang 228 kilometer yang dikategorikan sebagai mengalami hakisan serius yang boleh menjejaskan nilai ekonomi dalam tempoh antara lima hingga sepuluh tahun.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, memang benar sebanyak 65 kawasan di Semenanjung telah dikesani sebagai mengalami hakisan. Tetapi masalah tersebut belum sampai ke tahap kritikal dan impaknya kepada kegiatan ekonomi tidak serius. Namun pengesanan dan penilaian terhadap status dan impak hakisan di kawasan-kawasan ini dijalankan dari masa ke semasa oleh Jabatan Pengairan dan Saliran.

Sekiranya keadaan hakisan menjadi kritikal tindakan untuk memberhentikan keunduran garisan pantai dan bagi melindungi kemudahan/harga yang diancam akan diambil dengan kaedah pembinaan struktur-struktur pengawalan hakisan seperti lapis-lindung (revetment), 'groyne' pemecah ombak serta kerja-kerja penambakan/pemulihan di kawasan-kawasan pantai (beach nourishment). Kaedah atau jenis struktur pengawalan hakisan yang dibina adalah tertakluk kepada kesesuaian teknikal dan keadaan sesuatu kawasan berkenaan.

Di samping itu, langkah-langkah jangka panjang yang lebih efektif akan diambil untuk mencegah hakisan pantai dan bagi menjamin pembangunan yang mapan serta pemeliharaan alam sekitar. Di antara lain, kaedah-kaedah 'non-structural' ini meliputi:

- (a) penyelarasan perancangan dan pengawalan ke atas aktiviti-aktiviti dan cadangan-cadangan pembangunan di kawasan pantai secara bersepadu;

- (b) pengawalan pembangunan dan jenis kegunaan tanah di sepanjang pesisir pantai;
- (c) mengekalkan hutan paya bakau dan menanam semula pokok bakau di kawasan-kawasan pantai. Tumbuhan ini dapat mencegah hakisan pantai; dan
- (d) pemastian atau pembangunan di kawasan pesisir pantai tidak akan menimbulkan kesan-kesan buruk seperti hakisan pantai di kawasan sekelilingnya.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah dapat tahu negeri mana atau pantai di sebelah mana sama ada pantai di sebelah timur atau pantai barat yang banyak hakisan? Dan kita tahu sekarang ini ada negeri-negeri yang menambak laut untuk mendirikan bangunan. Bolehkah langkah ini kalau kita tahu kawasan hakisan ini, kita buat tambak laut untuk buat projek bangunan?

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, kawasan yang paling banyak mengalami hakisan ini mengikut catatan yang ada ialah:

Negeri	Jumlah Hakisan
(i) Kelantan	- 75.4%
(ii) Selangor	- 72.4%
(iii) Perlis	- 71.5%
(iv) Perak	- 61%
(v) Wilayah Persekutuan Labuan	- 51.9%

Jumlah yang terhakis di seluruh negara ialah 1,400.3 kilometer yang melibatkan 215 kawasan atau kira-kira 29.1%.

Jadi, kita banyak teknik sebagaimana yang telah terangkan, tetapi kita terpaksa membuat kajian apakah hakisan itu akibat gelombang besar, kalau akibat gelombang

besar, maka benteng ombak atau pemecah ombak mesti dibina. Atau hakisan itu dari bawah, maka mungkin breakwater yang tenggelam untuk menahan daripada erosi itu berlaku dari bawah. Jadi, kalau pemecah ombak, belanjanya kira-kira lebih dari RM5 juta untuk satu kilometer. Kalau di bawah itu kira-kira RM3 juta satu kilometer. Andaikanlah yang serius sekarang ini kita telah pun mengambil tindakan iaitu kepada 232.7 kilometer.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya amat tertarik hati dengan pihak kerajaan yang menjalankan kempen-kempen untuk menanam pokok-pokok. Saya difahamkan tiga juta pokok hendak ditanam di seluruh negara terdiri dari pokok hutanlah. Tetapi dari segi hakisan ini adakah pihak kerajaan bercadang selain daripada menanam semula hutan bakau ini, pokok-pokok rhu yang banyak telah kena tebang di tepi pantai ini, jadi setiap order pembangunan dari segi pelancongan, kita syaratkan mereka ini untuk menanam pokok-pokok rhu di tepi pantai. Jadi, supaya ianya menguatkan lagi dari segi pegangan tanah itu kepada muka bumi.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan ini, adakah pihak kerajaan juga bercadang kerana di sungai pun banyak hakisan untuk menanam dan berkempen secara besar-besaran, kita menanam pokok-pokok buluh di sepanjang Sungai Pahang misalnya, kerana ianya sekarang ini telah pun menghakiskan jalan-jalan raya di tepi sungai. Kerana pokok buluh, pokok pine dan pokok rhu ini ada kegunaannya pada masa-masa tertentu.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato'. Pokok rhu ini sebenarnya, tidak dapat menahan daripada hakisan laut. Banyak kawasan laut yang terumbang termasuk pokok rhu ke dalam laut. Sebab hakisan itu dia datang berdasarkan 'under current'nya, tetapi pokok rhu boleh tahan di pinggir-pinggir sungai. Untuk menahan sungai boleh!

Begitu juga pokok buluh amat berkesan di pinggir-pinggir sungai, tetapi sebagaimana yang saya sebutkan tadi, pokok bakau amat berkesan di sebelah pantai barat kerana pantai barat ini 'river mouth'nya jauh masuk ke dalam dan dia banyak lumpur dan sesuai boleh memegang lumpur-lumpurnya.

Jadi, untuk 'open sea' macam Terengganu, Kelantan dan Pahang, ia memerlukan sesuatu kajian yang pemecah ombak ataupun penahan daripada 'erosion' tadi berdasarkan 'under current'. Kita buat di atas elok-elok, dia korek di bawah itu, sepuluh kaki di bawah. Itu yang menelan belanja yang besar.

HAL EHWAL ISLAM - PENYERAGAMAN PENTADBIRAN DI NEGERI-NEGERI

6. Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) apakah bentuk usaha dan penyelarasan yang telah dijalankan oleh kerajaan untuk menyeragamkan pelaksanaan hal ehwal agama Islam di negeri-negeri dalam Malaysia; dan
- (b) sejauh mana kumpulan syi'ah telah menular masuk ke kampus-kampus universiti dan meresapi pemikiran orang awam.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin

Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan sejak dahulu lagi telah berusaha menyelaraskan dan menyeragamkan pentadbiran hal ehwal Islam melalui pelbagai pendekatan mengikut mana yang sesuai tanpa menyentuh bidang kuasa negeri-negeri. Langkah terkini yang sedang diambil ialah dengan menjadikan Perkhidmatan Hal Ehwal Islam sebagai Perkhidmatan Bersama bagi semua jabatan agama negeri-negeri atau negeri-negeri yang berkaitan dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Mengikut konsep ini, Pegawai-pegawai Hal Ehwal Islam boleh ditempatkan di mana-mana negeri yang berkaitan mengikut kesesuaian mereka. Mereka akan mendapat latihan yang sama. Melalui pendekatan ini, penyelarasan dalam pentadbiran hal ehwal Islam akan lebih mudah tercapai.

- (b) Kerajaan tidak dapat menentukan jumlah mereka yang terlibat dengan kumpulan syiah di kampus-kampus universiti. Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa berusaha mengatasi perkara ini dengan cara-cara tertentu, sebagaimana kerajaan menangani masalah ajaran-ajaran menyeleweng yang lain.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, tadi Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen ada menyebut, Kerajaan Persekutuan tidak akan menyentuh bidang kuasa kerajaan-kerajaan negeri dalam usaha hendak menyelaraskan pentadbiran hal ehwal Islam ini.

Saya ingin tahu, apakah bidang-bidang tertentu di bawah bidang kuasa kerajaan negeri yang tidak boleh disentuh oleh Kerajaan Pusat dalam usaha penyelarasan ini?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti negeri-negeri, memang kita tidak terlibat, sebab setiap negeri ada Mufti masing-masing, kadangkala Mufti ini akan mengeluarkan fatwa daripada negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 7.

USAHAWAN BUMIPUTERA - PENGLIBATAN DALAM BIANG 'TRADING'

7. Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan kebenaran komen yang menyatakan bahawa usahawan Melayu amat kurang di dalam bidang 'trading'. Minta menyatakan jumlah usahawan di dalam bidang perdagangan yang telah menerima bantuan daripada kementerian. Minta jelaskan perancangan selanjutnya bagi meningkatkan penyertaan usahawan muda termasuklah wanita muda di dalam bidang ini dan apakah kemudahan yang ada sekarang dan kemudahan di dalam perancangan.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, penglibatan usahawan bumiputera dalam bidang 'trading' masih berkurangan dan perlu dipertingkatkan. Berdasarkan Kajian Perdagangan Pengeedaran di Malaysia oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada tahun 1995 menunjukkan bahawa daripada 150,519 pertubuhan borong dan runcit, bumiputera memiliki hanya 31.6% berbanding dengan kaum Cina 58.4% dan India 4.1% dan selebihnya 3.8% dimiliki oleh rakyat asing dan syarikat awam.

Di samping itu berdasarkan Kajian Penglibatan Usahawan Bumiputera di Kompleks Perniagaan dan Rumah Kedai di Bandar-bandar Utama Semenanjung Malaysia oleh UDA pada tahun 1995 juga menunjukkan bahawa anggaran bagi keseluruhan penyertaan peniaga bumiputera di kawasan kajian yang menjalankan perniagaan di kompleks perniagaan, rumah kedai dan bangunan lain adalah dianggarkan hampir 10.4% berbanding lot niaga bukan bumiputera sebanyak 89.6%.

Dalam pada itu bagi meningkatkan penglibatan usahawan wanita dalam program-program yang dilaksanakan, Kementerian Pembangunan Usahawan menggalakkan rangkaian antara persatuan-persatuan wanita. Persekutuan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Dalam Perniagaan Malaysia ditubuhkan dengan tujuan untuk menyatukan pelbagai persatuan, kelab dan pertubuhan wanita ke arah memantapkan lagi kegiatan

mereka. Kementerian juga telah menubuhkan satu unit khas untuk membantu usahawan wanita.

Dalam Rancangan Malaysia Keenam, MARA telah membantu melalui kemudahan kredit yang ada pada MARA kepada 2,097 usahawan di dalam bidang Perniagaan Borong dan Peruncitan. Di dalam bidang yang sama juga melalui program francais seramai 207 usahawan telah dilahirkan, melalui program mentor seramai 23 usahawan telah dilahirkan dan juga melalui Program Pembiayaan SEFF seramai 54 usahawan.

Kementerian percaya untuk meningkatkan penyertaan bumiputera dalam bidang keusahawanan, kaum bumiputera harus membudayakan nilai-nilai keusahawanan itu sendiri, sebab itulah kementerian menganjurkan program-program untuk menanam budaya keusahawanan sejak dari bangku sekolah lagi melalui Program Usahawan Muda di sekolah-sekolah.

Di samping itu, kementerian akan terus mempertingkatkan program-program latihan, kemudahan-kemudahan pembiayaan, pembinaan premis perniagaan dan khidmat nasihat untuk meningkatkan lagi penyertaan kaum-kaum muda dan wanita dalam bidang Borong dan Peruncitan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, kita dapati kerajaan mempunyai banyak agensi dalam usaha hendak membantu usahawan-usahawan bumiputera ini terutama golongan pertengahan supaya terus boleh melibatkan diri dalam bidang pembangunan ekonomi. Tetapi yang menjadi hairan sekali, mengapakah kebanyakan usahawan-usahawan ini tidak sustainable, dengan izin. Apakah punca-punca yang sebenar yang dikenal pasti oleh pihak kementerian dan apakah langkah-langkah praktikal yang akan dibuat dalam usaha hendak melahirkan usahawan yang boleh berterusan, boleh bersaing?

Tuan Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya katakan tadi, asas untuk menjadi seorang usahawan ialah nilai keusahawanan itu sendiri. Itulah daripada kajian-kajian yang telah dibuat oleh kementerian, oleh kerana tidak ada nilai-nilai keusahawanan, tidak ada ketahanan jiwa, tidak ada daya tahan, daya maju, daya saing, itulah membuat kaum bumiputera tidak sustainable, yang mana telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Dalam pada itu, untuk memastikan program-program itu berjaya, kementerian memastikan yang proses pemilihan itu dibuat secara ketat dan hanya mereka yang mempunyai nilai-nilai keusahawanan yang tulen sahaja diberi tempat untuk mengambil bahagian di dalam program-program yang telah dikemukakan oleh kementerian.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada kementerian dan terima kasih yang telah menubuhkan bahagian wanita di dalam kementerian untuk memajukan usahawan-usahawan wanita.

Saya ada dua soalan, pertama, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapakah bilangan wanita daripada vendor 207 dan juga program mentor - 23 yang disebutkan tadi?

Yang kedua, dalam program vendor kementerian, saya melihat bahawa bayaran royalti kepada pemberi-pemberi francais yang dikenakan kepada usahawan-usahawan yang ingin melibatkan diri dalam perniagaan ditetapkan begitu tinggi, ada RM15,000 atau RM30,000 dan ada yang hampir mencecah RM100,000.

Pada pandangan saya, bayaran ini kalau saya tidak silap adalah bayaran hangus. Adakah pihak kementerian berpendapat bahawa dengan mewujudkan francais seperti ini akan benar-benar dapat membantu usahawan-usahawan yang akan memulakan

perniagaan dan masuk dalam bidang yang baru dan tidak pula merupakan keuntungan bagi pihak-pihak yang memberi francais kepada peniaga-peniaga yang baru.

Tuan Idris bin Jusoh: Terima kasih Yang Berhormat Puan Mastika. Sebenarnya saya tidak mempunyai angka yang tepat, saya akan kemukakan kepada Yang Berhormat berkenaan dengan penyertaan usahawan wanita dalam bidang francais. Berhubung dengan royalti francais yang tinggi, kementerian memandang berat tentang perkara ini dan sebenarnya bayaran ini ditetapkan oleh pihak franchiser sendiri ataupun pihak master franchisee sendiri. Sebab itulah kementerian sedang cuba membangunkan produk-produk baru di mana kita ingin menetapkan dan memastikan supaya bayaran itu dapat dikurangkan sedikit.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, dari data yang telah dinyatakan oleh pihak kementerian kita dapati bahawa bidang 'trading' ini merupakan satu bidang yang dimonopoli oleh satu kaum bukan bumiputera dan persaingannya tentu sekalilah sangat tinggi, soalan saya ialah adakah pihak kementerian menjalankan atau bercadang untuk menjalankan kajian untuk mewujudkan peluang-peluang ataupun mewujudkan opportunities yang baru untuk membolehkan kaum bumiputera ini lebih giat dalam bidang 'trading' ini?

Tuan Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, kementerian dari masa ke semasa ingin memastikan supaya penyertaan bumiputera dalam bidang-bidang 'trading' ini akan dapat dipertingkatkan. Ini juga diambil kira dalam kita menggubalkan program membangunkan kelas menengah bumiputera yang sedang dijalankan oleh kementerian masa kini. Di antara cara-cara yang telah diambil oleh kementerian ialah memastikan yang premis-premis itu dapat disewakan kepada golongan bumiputera tetapi ini tidak boleh diberi jika tidak ada 'takers', tidak ada usahawan-usahawan bumiputera yang mampu untuk mengambil premis-premis tersebut. Sebab itulah dalam jangka masa panjangnya, sebagaimana yang saya katakan tadi budaya keusahawanan itu harus diterapkan kepada usahawan-usahawan bumiputera supaya mereka mampu untuk bersaing bersama dengan usahawan-usahawan dari bangsa-bangsa lain.

GUNUNG MULU DI SARAWAK - USAHA MENARIK PELANCONG

8. **Dato Ting Check Sii** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan pelancongan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengindahkan dan mempopularkan lagi Gunung Mulu di Sarawak supaya ia dapat benar-benar menjadi satu tarikan bagi pelancong-pelancong asing ke Sarawak nanti.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Teng Gaik Kwan]: Tuan Yang di-Pertua, Taman Negara Mulu di Sarawak adalah merupakan satu kawasan yang kaya dengan flora dan fauna yang unik serta sistem gua batu kapur yang luas dan menakjubkan sememangnya merupakan salah satu produk pelancongan yang menarik dan penting bagi industri pelancongan negeri Sarawak khususnya dan negara amnya.

Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh kerajaan bagi menarik lebih ramai pelancong terutama pelancong asing ke Taman Negara Mulu adalah termasuk usaha-usaha penyediaan dan peningkatan kemudahan dan infrastruktur pelancongan seperti pembinaan chalet/hostel, perlindungan harian, jambatan gantung, jeti, memperbaiki denai-denai hutan, menyediakan 'plankwalk' di atas bahagian paya, membuat kajian dan seterusnya membangunkan 'headhunters trail', menyediakan sebuah pusat perkhidmatan pelawat di Mentawai dan mengadakan lebih banyak papan-papan tanda di tempat-tempat yang sesuai. Di samping itu, kerajaan juga bercadang untuk memanjang dan memperluaskan Lapangan Terbang Mulu bagi membolehkan kapal terbang yang lebih besar mendarat seperti Dash 8-300 yang mempunyai kapasiti lima puluh orang penumpang serta memperbesarkan bangunan Terminal Lapangan Terbang Mulu.

Dari segi promosi, usaha-usaha juga dipertingkatkan untuk mengagihkan risalah mengenai Taman Negara Mulu sebagai sebuah produk 'eco-tourism', menggalakkan syarikat-syarikat pelancongan dan pengembaraan tempatan memperkenalkan 'special packages' yang baru; serta mengadakan aktiviti-aktiviti khas seperti 'Mountain Bike Race' di peringkat antarabangsa di Mulu.

PENGANUGERAHAN RAJA FAISAL DAN NEHRU

9. **Dato Haji Zainal bin Md Deros** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Anugerah Raja Faisal dan Anugerah Nehru yang beliau terima itu akan menimbulkan irihati kepada mereka yang berfikiran sempit sama ada dari golongan agama atau golongan politik dalam atau luar negara.

Datuk Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, penganugerahan Raja Faisal oleh Kerajaan Arab Saudi dan Anugerah Nehru oleh Kerajaan India merupakan satu pengiktirafan oleh negara-negara yang berkenaan ke atas sumbangan cemerlang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada masyarakat antarabangsa dari segi ekonomi, agama, politik dan sosial. Anugerah-anugerah ini hanya diberikan kepada pemimpin-pemimpin terkemuka dunia yang telah diakui dan diiktiraf dari segi sumbangan yang bermakna kepada masyarakat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, penganugerahan itu adalah kerana kejayaan rakyat dan negara, rakyat yang sentiasa memberi sokongan kepadanya dan negara yang terus maju di pelbagai bidang. Kita haruslah terima hakikat bahawa bukanlah mudah bagi seseorang rakyat Malaysia atau rakyat mana-mana negara untuk mendapat pengiktirafan yang sebegitu tinggi. Oleh itu, kita sebagai rakyat Malaysia mestilah berbangga dengan pencapaian cemerlang tersebut. Ramai di antara Ahli-ahli Parlimen, bahkan Ahli-ahli Parlimen dari parti Pembangkang pun mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri di atas penganugerahan itu. Kita mengharapkan supaya penerimaan ini menjadikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan negara kita

Malaysia akan lebih terkenal lagi di muka dunia dan kita menganggarkan tidak ada mana-mana pihak yang mempunyai perasaan iri hati di atas anugerah ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, seperti yang kita sedia maklum anugerah ini bukan sahaja daripada Raja Faisal dan Anugerah Nehru, bahkan ada dua, tiga negara lagi termasuklah negara Afrika Selatan yang memberi anugerah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dan saya ingin mendapat maklumat sama ada kerajaan bercadang untuk merakamkan secara tetap sama ada diletakkan di satu tempat yang boleh dihayati dan diikuti oleh anak cucu kita? Saya ingat kita rakamkan di batu di Museum atau di mana-mana anugerah-anugerah kepada Perdana Menteri.

Datuk Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, memang saya bersetuju bukan sahaja dua buah negara ini memberi anugerah termasuklah di Afrika Selatan dan juga dari Kuwait, Mubarak Al-Kabir iaitu anugerah tertinggi daripada Amir Kuwait dan juga Ahmad Al-Fatah dari Bahrain iaitu anugerah kedua tertinggi daripada Amir Bahrain. Di atas cadangan Yang Berhormat hendak menempatkan satu tempat mengenai anugerah ini, satu cadangan yang baik. Ini terpulanglah di atas persetujuan pihak yang menerima anugerah di masa-masa akan datang. Terima kasih.

**PROGRAM BANTUAN RAKYAT TERMISKIN -
BANTUAN MEMPERBAIKI/MEMBINA RUMAH**

10. **Puan Hajah Selemiah binti Hashim** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatukan di bawah program bantuan rakyat termiskin bagi mendapatkan bantuan memperbaiki dan membina rumah:

- (a) adakah program ini masih diteruskan; dan
- (b) berapakah jumlah keluarga termiskin yang mendapat bantuan mengikut negeri-negeri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Program Pemulihan Rumah masih diteruskan sehingga kini.
- (b) Jumlah keluarga termiskin yang telah menerima bantuan di bawah Program Pemulihan Rumah daripada tahun 1991 hingga 1996 ialah 39,326 keluarga. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

<u>Negeri</u>	<u>Bilangan Keluarga</u>
Johor	2,279
Kedah	5,349
Kelantan	4,194
Melaka	1,064
Negeri Sembilan	1,348

Pahang	2,979
Perak	4,585
Perlis	763
Pulau Pinang	1,651
Selangor	2,130
Terengganu	5,660
Sabah	5,095
Sarawak	2,112
Labuan	117

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah rumah-rumah panjang itu dianggap sebagai rumah yang elok dan tidak diklasifikasikan sebagai orang miskin ataupun di sebaliknya?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, apabila kita memberi bantuan di bawah program pemulihan rumah, program ini adalah diberi berasas kepada kajian iaitu bukan kepada rumah panjang ataupun apa-apa bentuk rumah panjang tetapi untuk keluarga yang termasuk di dalam tafsiran rakyat termiskin. Jadi, dalam satu kajian kita buat dan kita akan menentukan sama ada keluarga itu memerlukan rumah atau tidak, jadi kalau dalam banciaan kita, ianya diperlu, ianya akan diberi bantuan. Rumah-rumah panjang di negeri Sarawak ada juga rumah panjang itu begitu cantik termasuk beberapa rumah panjang di kawasan Yang Berhormat sendiri. Ada juga rumah panjang itu perlu dibina semula dan perlu diberi bantuan. Jadi, kita telah buat kajian untuk negeri Sarawak dan kita mendapati ada lebih 8,000 keluarga yang memerlukan bantuan sama ada bina semula rumah ataupun membaiki rumah untuk rakyat keluarga termiskin.

Tuan Haji Abdul Majid bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian akan menambah lagi atau menyambung lagi bantuan kepada orang miskin yang sedemikian dan bagaimana bantuan rumah-rumah yang di tepi sungai - rumah di dalam air, adakah mendapat bantuan kemiskinan?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sama ada kita akan menyambung. Seperti Yang Berhormat sedia maklum kita telah buat kajian dan telah memastikan jumlah keluarga termiskin di seluruh negara. Jadi, mengikut banciaan kita untuk membina baru di seluruh negara masih memerlukan 23,291 keluarga yang perlu dibantu dan untuk baikpulih 23,760 keluarga yang perlu dibantu. Maka, kita akan meneruskan memberi bantuan kepada yang telah dikenalpasti. Kalau ada dalam kawasan Yang Berhormat yang belum dikenalpasti yang sekiranya memerlukan bantuan sama ada mereka ini tinggal di tepi sungai ataupun di kampung-kampung tradisional, sila majukan nama kepada pegawai daerah supaya ia dibuat kajian. Jadi, sama ada dia boleh dibantu atau tidak terpulung kepada sama ada dia layak diiktiraf sebagai keluarga rakyat termiskin.

MESIN RADIOTERAPI

11. **Puan Faridah binti Abu Hassan** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapa banyak hospital kerajaan yang dilengkapi dengan mesin 'radioterapi' untuk penyakit kanser; dan
- (b) nyatakan hospital-hospital kerajaan yang dilengkapi dengan mesin 'radioterapi' dan di negeri-negeri mana; dan adakah kerajaan bercadang untuk menyediakan perkhidmatan mesin 'radioterapi' di semua hospital-hospital kerajaan memandangkan negara sedang menujuke arah sebuah negara industri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini terdapat tiga buah hospital kerajaan yang disediakan dengan kemudahan radioterapi iaitu Hospital Kuala Lumpur dan Hospital Kuching di bawah Kementerian Kesihatan, dan Hospital Kubang Krian Kota Bharu di bawah Kementerian Pendidikan. Di samping itu, Kementerian Kesihatan akan menubuhkan sebuah lagi pusat rawatan radioterapi di negeri Johor dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan kos dianggarkan lebih kurang RM8 juta.

Kementerian Kesihatan tidak bercadang untuk mengadakan kemudahan radioterapi di semua hospital di seluruh negara kerana ini tidaklah cost-effective. Penyediaan perkhidmatan radioterapi memerlukan peralatan yang amat mahal serta tenaga anggota yang mahir yang mana bilangannya adalah terhad. Oleh itu kemudahan ini cuma dapat disediakan secara regional.

Walau bagaimanapun, rawatan kanser secara pengubatan kemoterapi dan pembedahan memang sudah disediakan di semua hospital negeri dan hospital-hospital daerah yang besar di seluruh negara.

Bagi kawasan-kawasan yang tidak mempunyai kemudahan radioterapi, Kementerian Kesihatan memperolehi perkhidmatan ini dari sektor swasta, contohnya Hospital Mount Miriam Pulau Pinang bagi pesakit-pesakit dari negeri-negeri di utara dan Pusat Perubatan Sabah untuk pesakit-pesakit di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 24 akan dijilid dalam buku berasingan]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

3.32 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua,

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua sekali urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan:

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua sekali urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan, dikemukakan kepada Majlis untuk diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua sekali urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERKHIDMATAN BERSAMA (PEGAWAI HAL-EHWAL ISLAM) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, 'Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang'. [4 Jun 1997]

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman sambung, sungguhpun kita baru sahaja meluluskan usul supaya kita tidak akan tangguh sehingga habis segala urusan hari ini,

tetapi saya telah difahamkan bahawa ramai daripada Ahli Yang Berhormat, terutamanya luar daripada Kuala Lumpur hendak balik cepat. *[Ketawa]* Jadi, barangkali tidak ramai yang akan mengambil bahagian, kalau ambil pun barangkali masa yang singkat sekali. Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman sila sambung ucapan, ini dua minit lagi ya? *[Ketawa]*

3.34 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menyambung perbahasan Rang Undang-undang Perkhidmatan Bersama (Pegawai Hal-Ehwal Islam) 1997. Sungguhpun hari ini saya demam sedikit, tetapi kerana pentingnya rang undang-undang ini, saya memberanikan diri jugalah untuk hendak meneruskan perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari semalam kita menyatakan bahawasanya sungguhpun negara maju dari segi pembangunan ekonomi, amatlah perlu bagi kita meningkatkan dari segi kerohanian supaya pembangunan ekonomi itu dapat ditafsirkan dan dicerminkan mengikut lunas-lunas suci agama kita.

Saya mencadangkan supaya Pegawai Hal-Ehwal Islam di peringkat negeri-negeri yang mempunyai hubungkait dan kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan supaya dapat mencerminkan keadaan yang kita tuntut itu di mana pegawai-pegawai di peringkat negeri dan juga di peringkat daerah mestilah mempunyai tahap-tahap yang berwibawa yang dicerminkan dari segi struktur pengurusan peringkat masing-masing.

Saya sebutkan pada hari semalam di mana negeri Perlis sendiri misalnya mempunyai seorang Exco iaitu dilantik daripada Mufti Negeri Perlis itu sendiri. Saya juga cadangkan di peringkat daerah misalnya, kalau sekiranya Tuan Kadi yang kini di peringkat jauh di bawah, pegawai daerah ataupun penolong pegawai daerah, ingin kita nyatakan di sini bahawa memandangkan keadaan dan keperluan masa kini, Tuan Kadi itu sendiri mempunyai dari segi kelulusan yang lebih luas yang dapat dipertimbangkan supaya ianya selaras dengan sekurang-kurangnya peringkat pegawai daerah di daerah itu sendiri. Kerana kita dapati tugas dan tanggungjawab seorang Pegawai Hal-Ehwal Islam dalam keadaan hari ini dengan bertimbun-timbun dan cabaran-cabaran sosial, kegiatan-kegiatan maksiat yang mungkin berlaku di atas desakan-desakan cabaran semasa memerlukan pegawai-pegawai yang bertauliah.

Kalau sekiranya di peringkat daerah, Tuan Kadi misalnya mungkin terpaksa kita dedahkan dari segi aspek kaunseling atau mungkin juga dari segi aspek psychiatry kerana kita dapati untuk hendak membendung masalah-masalah sosial yang terpesong daripada ajaran suci agama kita, kita dapati anak-anak muda ini terpaksa menerima asuhan dari masa ke semasa, kaunseling dari semasa ke semasa yang ada hubungkaitnya dengan agama kita. Kalau sekiranya mereka ini remaja, berkemungkinan di peringkat Kementerian Belia dan Sukan mempunyai seorang yang berpengalaman dari segi agama dan juga mempunyai pengalaman dari segi kaunseling, jadi kita kaitkan bersama-sama.

Begitulah juga apabila kita hendak mengatakan dari segi peningkatan peranan masjid-masjid. Negeri Kedah misalnya mungkin meningkatkan peranan masjid bukan sahaja untuk kita bersembahyang waktu tetapi merangkumi aspek-aspek sosial yang lain, maka kita perlu menentukan masjid-masjid ini bukan sahaja bersih dan wangi, bukan sahaja penuh dengan kehijauan bunga-bunga dan sebagainya tetapi mempunyai aktiviti-aktiviti yang diatur sejajar dengan keperluan negara yang canggih sekarang ini.

Untuk itu, berkemungkinan di peringkat daerah selain daripada Tuan Kadi misalnya, kita memerlukan seorang controller, seorang pengawal masjid untuk menentukan masjid daerah masing-masing ini dapat memainkan peranan yang lebih efektif seperti yang dituntut sekarang ini. Untuk hendak menentukan tahap pegawai-pegawai ini sampai ke peringkat itu, maka perlulah Pegawai Hal-Ehwal Islam ini bukan sahaja diperbanyakkan dari segi kuantiti, tetapi mempunyai kualiti yang bersesuaian dengan keadaan semasa.

Saya terbaca dalam surat khabar hari ini, Tuan Yang di-Pertua, di mana kerajaan Afghanistan merayu kepada kerajaan kita untuk memainkan peranan dari segi penyelesaian masalah mereka, antara Taleban dengan kerajaan Afghanistan, mereka datang ke sini kerana Bangsa-Bangsa Bersatu sudah tidak berupaya hendak menyelesaikan masalah. OIC sendiri, Badan Antarabangsa Islam tidak dapat memainkan peranan untuk mengurangkan atau meredakan keadaan ketegangan antara Taleban dengan Afghanistan. Mereka datang ke Malaysia kerana dia tahu pucuk pimpinan kita, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sendiri telah memainkan peranan begitu hebat, bukan sahaja di peringkat negara-negara Islam, negara-negara membangun, negara-negara Selatan, tetapi di peringkat antarabangsa terkemuka dengan keperwirannya. Jadi, untuk mencerminkan supaya peranan yang dimainkan oleh Perdana Menteri kita di peringkat antarabangsa sebegitu rupa yang diperlukan oleh negara-negara yang memerlukan, terutama negara-negara Islam, kita hendak bawa keadaan yang sedemikian rupa ke peringkat negeri dan daerah.

Jadi, saya syorkanlah kepada jabatan yang berkaitan dengan Pegawai Hal-Ehwal Islam ini mencanggihkan lagi, kalau kita perlu Internet misalnya, untuk menyelesaikan masalah remaja, bila dia petik sahaja suisnya dia tahu ada masalah ini, masalah itu, seterusnya mereka mendapat jawapan daripada Internet yang kita letakkan di masjid-masjid, tidak payah pergi ke pejabat Kadi lagi kerana masjid ini merupakan tempat tumpuan. Kalau ikut zaman Nabi dahulu di situlah tempat kahwin, tempat hendak bermesyuarah dari segi ekonomi, peperangan dan sebagainya. Kita kembali kepada peranan masjid ke arah itu, kita letakkan Internet, kita letakkan segala kecanggihan supaya ianya menjadi pusat untuk kita menyelesaikan masalah yang semakin meningkat.

Saya tidak hendak bercakap panjang lebih daripada itu, kerana kita tahu ramai lagi antara kita yang akan membahaskan bukan sahaja rang undang-undang ini tetapi rang undang-undang yang lain. Saya sekali lagi lah menyokong Rang Undang-undang Perkhidmatan Bersama (Pegawai Hal-Ehwal Islam) 1997. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Rahim.

3.41 ptg.

Datuk Rahim bin Baba: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya membahas dan juga memberikan pandangan dan juga menyokong Rang Undang-undang Perkhidmatan Bersama (Pegawai Hal-Ehwal Islam) 1997 ini, izinkan saya menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada semua ahli Dewan, saya telah pun duduk di Dewan ini selama hampir 6 tahun, cuma 3 bulan lagi akan cukup 6 tahun dan saya dapati setiap kali kita mengadakan mesyuarat di Dewan ini selalunya kita menghadapi soal masa. Tadi Tuan Yang di-Pertua sendiri pun telah berkata kalau boleh biarlah bercakap pendek supaya segera kita menyudahkan perkara-perkara yang akan dibincangkan kerana ada enam lagi rang undang-undang akan dibincangkan pada hari ini.

Saya berharap pada masa yang akan datang supaya pentadbiran Parlimen dapat menjadualkan dengan sebaik-baiknya supaya kita semua dapat berbincang di Dewan ini dengan fikiran dan hati yang terbuka dapat membuat persiapan kerana saya telah dimaklumkan ramai daripada kawan-kawan kadangkala sudah pun menyiapkan ucapan-ucapan, sudah pun membuat research, tetapi tidak dapat peluang untuk memberikan pandangan-pandangan. Kepada saya, kalau perlu, kita sambung pun waktu Dewan ini, sambunglah. Kepada saya, sampai jam 12.00 malam pun saya sanggup tunggu kerana ini merupakan satu tanggungjawab yang telah pun diberikan oleh pihak kerajaan kepada kita. Kalau hendak sambung 2-3 hari lagi pun, kalau kerajaan tidak hendak bayar elaun pun saya sanggup, [*Tepuk*] kerana ini merupakan sebagai satu tanggungjawab.

Saya berkata demikian kerana saya dapati sebagai orang yang lama di Dewan ini, kadangkala kita berkejar-kejar dengan masa. Jadi, saya berharap kepada pihak pentadbiran Parlimen pada masa akan datang, akan dapat memanjangkan lagi mesyuarat Dewan Negara ini. Kalau Dewan Rakyat boleh sambung 4 hari dan saya dapati Dewan Negara pun mempunyai mereka yang sanggup untuk memberikan pandangan-pandangan dan juga hujah-hujah untuk kepentingan negara dan juga untuk kepentingan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan ucapan ini, saya juga ingin mengambil kesempatan selaku seorang yang telah lama berkhidmat di Dewan ini untuk mengucapkan selamat berpisah kepada sahabat saya, Yang Berhormat Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong yang akan menamatkan perkhidmatannya pada 15 Jun yang akan datang, dan juga kepada Yang Berhormat Dato' Haji Zainal bin Md. Deros dan juga kepada Yang Berhormat Tuan M. Zeevill, kemungkinan Yang Berhormat Tuan M. Zeevill akan disambung, itu terpulung kepada keputusan pucuk pimpinan parti. Kepada mereka ini saya ingin melahirkan ucapan terima kasih dan juga penghargaan bagi pihak keseluruhan ahli-ahli Dewan di atas sumbangan yang tidak terhingga yang telah pun diberikan oleh mereka kepada Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya benar-benar rasa terpenggil kali ini untuk mengambil bahagian, untuk memberikan pandangan dan seterusnya menyokong Rang Undang-undang Perkhidmatan Bersama (Pegawai Hal-Ehwal Islam) 1997 seperti yang telah pun dibentangkan sendiri oleh Menteri di-Jabatan Perdana Menteri pada hari semalam. Meskipun masa pembentangan rang undang-undang ini, Yang Berhormat Menteri telah pun menyatakan bahawa soal yang bersangkutan dengan agama Islam masih tidak terusik, iaitu ianya masih di bawah bidang kuasa kerajaan-kerajaan negeri, khususnya di bawah bidang kuasa sultan ataupun raja sesebuah negeri. Tetapi bagi saya, apa yang tersurat tidak semestinya melambangkan sepenuhnya apa yang tersirat di dalam penggubalan rang undang-undang ini. Oleh itu, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak kerajaan yang telah pun begitu berani mengambil langkah permulaan ke arah untuk seterusnya menyelaraskan hal ehwal Islam di peringkat Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya rakyat telah pun sebegitu lama menunggu tindakan Kerajaan Pusat untuk menyelaraskan dan juga untuk mengambil alih Pentadbiran Hal Ehwal Islam dari kerajaan-kerajaan negeri oleh Kerajaan Pusat. Ada kalanya rakyat sebegitu keliru dalam sebuah negara Islam yang mempunyai penduduk seramai 11 juta umat ini, kita mempunyai 14 undang-undang Hal Ehwal Islam yang berbeza di antara satu negeri dengan negeri yang lain, walaupun kita memegang mazhab yang sama. Kita berbeza dalam banyak soal, termasuk dalam soal nikah-kahwin, tuntutan nafkah, undang-undang syariah. Dan kadangkalanya pun, kita berbeza dalam penafsiran hukum dan juga dalam membuat fatwa-fatwa.

Keadaan ini amatlah memalukan sekali dan perlulah ditangani dengan segera. Sebagaimana telah pun saya nyatakan tadi, langkah yang diambil ini merupakan langkah pertama kita dalam usaha untuk menyeragamkan pentadbiran Hal Ehwal Islam di negara ini. Langkah seterusnya iaitu untuk meminda Perlembagaan negara yang bertujuan meletakkan kuasa pentadbiran Hal Ehwal Islam dari kerajaan-kerajaan negeri kepada Kerajaan Pusat hendaklah disusuli dengan seberapa segera. Rundingan-rundingan dengan kerajaan-kerajaan negeri hendaklah diteruskan dan kebijaksanaan hendaklah digunakan bagi mendapatkan persetujuan kerajaan-kerajaan negeri bagi menyeragamkan pentadbiran Hal Ehwal Islam dan meletakkan kuasa pentadbiran ini kepada Kerajaan Pusat.

Saya faham perkara ini bukanlah sesuatu yang mudah. Ianya teramat sensitif sekali kepada setengah-setengah pihak, khasnya kepada pihak-pihak yang memegang kuasa di bidang pentadbiran Hal Ehwal Islam di peringkat negeri. Tetapi mahu tidak mahu demi menjaga maruah dan juga perpaduan umat Islam di negara ini, ianya bukan setakat perlu, tetapi pada saya ianya telah pun wajib dilakukan oleh Kerajaan Pusat. Saya berkeyakinan penuh bahawa Kerajaan Pusat mempunyai kebijaksanaan yang tersendiri untuk menangani masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita meluluskan rang undang-undang ini, satu persoalan pokok yang ingin saya mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian ialah soal kaitan rang undang-undang ini dengan Perlembagaan negara. Mengikut Perlembagaan negara, Fasal 3 dan juga Fasal 76 subseksyen (2), "Kedudukan Raja-raja adalah sebagai ketua agama negeri-negeri." Ini bermakna hal ehwal yang berkaitan dengan dengan Hal-Ehwal Islam terletak kuasa kepada kerajaan-kerajaan negeri.

Apakah untuk melaksanakan rang undang-undang ini kita tidak perlu terlebih dahulu untuk meminda Perlembagaan negara kita. Saya berkeyakinan sebelum rang undang-undang ini dibentangkan di Parlimen, khasnya Pejabat Peguam Negara telah pun menelitinya, dan melihatnya dari segala sudut termasuk menyesuaikan rang undang-undang ini dengan Perlembagaan negara yang ada sekarang. Saya hanyalah sekadar mengingatkan sahaja. Maklumlah kita sebagai manusia biasa tidak terlepas daripada membuat kesilapan. Adakalanya dalam keadaan yang tergesa-gesa walaupun dengan niat yang baik, kita terlepas pandang sesuatu perkara yang pokok. Tidak gunanya kita bentangkan rang undang-undang yang mempunyai niat yang murni, tetapi ianya tidak dapat digunakan disebabkan kesilapan teknik ataupun ianya tidak bersesuaian dengan Perlembagaan negara.

Sekali lagi saya tegaskan tanpa ragu-ragu saya memberikan sokongan yang sepenuhnya kepada rang undang-undang ini dan dengan syarat ianya tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Saya sangat berharap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang akan menjawab perkara ini akan merujuk dan juga akan berbincang terlebih dahulu dengan wakil daripada Pejabat Peguam Negara yang ada di Dewan ini sebelum memberikan jawapan mengenai perkara pokok ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyentuh beberapa perkara secara menyeluruh, izinkan saya menyentuh beberapa perkara secara khusus di dalam rang undang-undang ini. Pertama Fasal 1, subseksyen (2). Menurut subseksyen ini, akta ini hanya akan terpakai bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan, Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan juga Selangor. Juga menurut subseksyen (3), akta ini boleh diperluaskan kepada negeri-negeri lain yang membuat permintaan kepada Kerajaan Persekutuan supaya pemakaian akta ini diperluaskan kepadanya. Ini adalah apa yang terdapat di dalam rang undang-undang ini.

Di dalam pengertian saya, Tuan Yang di-Pertua, pemakaian dan penguatkuasaan akta ini terpulang kepada budi bicara dan juga persetujuan kerajaan negeri. Kerajaan negeri boleh memilih sama ada memakai ataupun tidak memakai akta ini. Keadaan ini sungguh aneh sekali kepada saya. Terus-terang saya katakan saya rasakan ada sesuatu yang unik dan juga rahsia yang tersembunyi di sebalik penggubalan akta ini. Andainya kesemua kerajaan negeri tidak bersetuju ataupun menarik diri daripada menggunakan akta ini, rang undang-undang yang kita luluskan ini hanyalah akan menjadi tidak lebih daripada bahan sejarah sahaja. Sebaik-baiknya pihak kerajaan menjelaskan di Dewan ini mengapa Kerajaan Pusat tidak berkuasa untuk memastikan semua kerajaan negeri mengguna pakai akta ini.

Saya hairan, Tuan Yang di-Pertua, dalam rang undang-undang yang lain yang telah begitu banyak kita luluskan di Dewan ini tidak pernah timbul hak kerajaan negeri sama ada hendak memakainya ataupun tidak. Suka ataupun tidak suka, kerajaan negeri mestilah memakainya. Kalau kerajaan negeri diberikan pilihan sama ada ingin memakai atau tidak, saya khawatir ianya akan menjadi satu precedent kepada rang undang-undang yang ada berkaitan dengan kuasa kerajaan negeri seperti rang undang-undang yang berkaitan dengan air dan juga tanah, kerana kita akan membincangkan pindaan Rang Undang-undang Tanah selepas ini kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh Fasal 3, subseksyen (2). Di bawah subseksyen ini juga dijelaskan bahawa jawatan Mufti negeri tidak terikat di bawah Akta Perkhidmatan Bersama bagi Pegawai Hal-Ehwal Islam ini. Saya ingin bertanya apakah muslihatnya jawatan Mufti ini dikecualikan daripada perkhidmatan bersama ini. Sebenarnya saya sendiri mempunyai andaian akan perkara ini. Tetapi eloklah kita mendengar penjelasan daripada pihak kerajaan akan justifikasi terhadap pengecualian ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya timbulkan ialah Fasal 4, di mana di bawah akta ini kuasa untuk melantik, mengesah dan juga hal lain yang berkaitan dengan perjawatan adalah terletak hak kepada

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Tanpa niat untuk memperkecilkan kebolehan dan juga kemampuan SPA, saya berharap SPA ataupun Suruhanjaya Perkhidmatan Awam akan berlaku adil kepada kakitangan Hal-Ehwal Islam ini. Kita tidak mahu kakitangan Hal-Ehwal Islam dilihat 'sebagai second class government servant', dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Saraan yang setimpal dengan pengalaman dan kelulusan dari segi gaji, kenaikan pangkat hendaklah juga diberikan kepada kakitangan Hal-Ehwal Islam ini seperti juga kakitangan kerajaan yang bertugas di sektor yang lain. Kepada saya, sebaik-baiknya bagi jangka masa panjang kerajaan patut memikirkan penubuhan satu Suruhanjaya Perkhidmatan yang berasingan bagi Hal-Ehwal Islam seperti juga ditubuhkan satu Suruhanjaya Perkhidmatan Perguruan bagi mereka yang bertugas di bidang perguruan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh satu perkara secara menyeluruh iaitu tentang peranan ataupun tanggungjawab jabatan-jabatan Agama ataupun pejabat-pejabat Kadi. Saya ingin menyentuh secara spesifik mengenai soal poligami. Saya tidak ingin menyentuh soal sama ada seorang itu patut ataupun tidak hak untuk berpoligami dan sebagainya. Saya rasa sudah sampai masanya Pejabat-pejabat Kadi yang menikahkan mereka yang berpoligami mengambil tanggungjawab untuk memaklumkan sesuatu pernikahan itu kepada isteri pertama. Kerana kita tidak mahu timbul satu masalah, kadangkala apabila si suami telah pun meninggal dunia, tiba-tiba barulah isteri pertama dimaklumkan bahawa suami mempunyai isteri yang lain daripada isteri yang ada pada ketika itu.

Dalam soal ini, saya berpendapat supaya mahu tidak mahu perkara ini kena dimaklumkan. Pasangan-pasangan yang hendak berkahwin lebih daripada satu hendaklah disuruh sign surat declaration umpamanya dalam masa sebulan selepas mereka berkahwin, kalau si suami tidak hendak memberitahu kepada isteri pertama, Pejabat Agama ataupun Pejabat Kadi di mana mereka berkahwin, hendaklah diberikan tugas dan juga tanggungjawab memaklumkan kepada isteri yang pertama. Kerana saya dapati banyak mereka yang mengamalkan poligami ini secara yang bersembunyi-semunyi, tidak hendak beritahu seboleh-bolehnya. Perkara ini ditutup selagi tidak berlaku masalah-masalah. Kadangkala sampai antara adik-beradik pun tidak tahu yang dia ini lagi isteri yang lain, dan kepada adiknya pun tidak dimaklumkan. Saya percaya Pejabat Agama kena memainkan peranan ini. Saya percaya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen faham maksud saya, faham ya.

Banyak kes-kes yang saya dapati, yang saya lihat telah pun berlaku dan saya berharap Pejabat Agama juga akan dapat memainkan peranan. Begitu juga sepatutnya kursus-kursus diberikan kepada pasangan-pasangan yang berpoligami tentang penerangan-penerangan, tentang tanggungjawab kepada isteri-isteri, mereka yang bersedu dan juga kepada mereka yang mempunyai lebih daripada satu isteri hendaklah juga diberikan kursus dan juga penerangan-penerangan mengenai tanggungjawab sebagai seorang suami.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun perkara ini perkara yang mungkin ada yang memikirkan ianya perkara yang remeh-temeh, tetapi pada saya ianya merupakan satu perkara yang mahu tidak mahu terpaksa kita hadapi dan juga

terpaksa kita memberikan penerangan-penerangan kepada masyarakat secara umum, kepada mereka yang ingin mengambil lebih daripada satu isteri. Kadang-kadang saya sendiri pun kasihan, saya tengok mereka yang...

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan, saya minta maaf. Saya tengok Yang Berhormat Datuk bercakap tadi seolah-olah macam Yang Berhormat sendiri ada pengalaman. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat itu berdasarkan pengalaman?

Datuk Rahim bin Baba: Setakat ini saya tidak pernah bercakap di Dewan ini tanpa pengalaman. Itu jawapan sayalah.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Datuk Rahim tentang pemberitahuan kepada isteri-isteri pertama. Saya tahu Yang Berhormat Datuk Rahim memang orang yang sangat bertanggungjawablah untuk berkahwin memberitahu isteri pertama dan sebagainya.

Tetapi, sebenarnya ramai lelaki yang tidak mahu memberitahu dan kalau pun ditugaskan kepada pejabat agama, saya rasa agak tidak praktikal, sebab bila dia kahwin, satu, mungkin dia tidak kahwin pun di negara ini, dia berkahwin di Siam dan sebagainya. Dan kalau dia kahwin pun mungkin dia tidak memberi pengakuan yang sebenarnya.

Jadi, agaknya macam mana hendak memudahkan pihak jabatan agama menerima cadangan Ahli Yang Berhormat itu?

Datuk Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya percayalah Yang Berhormat Puan Kamilia pun tidak pasti sama ada suami dia ada isteri lain ataupun tidak agaknya.

[Ketawa]

Memang benar, saya telah pun menjangka jawapan yang sedemikian juga akan diberikan oleh Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen. Sebenarnya, di bawah undang-undang kita, pernikahan yang dilakukan di luar negeri mestilah didaftarkan di negara ini. Selepas dia balik, lepas itu didaftarkan di negara ini dan kalau tidak didaftarkan ianya adalah menjadi satu kesalahan.

Jadi, apabila telah pun didaftarkan dan rasa saya semasa pendaftaran itu pejabat kadi dan pejabat agama yang berkenaan mestilah diberikan tanggungjawab untuk memaklumkan kepada isteri dan juga kepada isteri-isterinya kalau dia lebih daripada satu isteri.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan soal pengiktirafan kerajaan. Saya dapati kadangkala setengah-setengah kerajaan, walaupun secara tidak bertulis, seolah-olahnya isteri pertama itu menjadi isteri rasmi. Pada saya tidak ada istilah isteri pertama, isteri kedua. Isteri itu tetap isteri, cuma cara kebetulan dia ini kita kahwin dengan dia dahulu dan kita kahwin dengan dia kemudian daripada itu. Tidak ada istilah mana isteri pertama, mana isteri rasmi ataupun tidak.

Saya berharap kepada jabatan-jabatan kerajaan juga akan memberikan pengiktirafan yang sama, tidak akan mempersoalkan sama ada hanya isteri pertama sahaja yang boleh menghadiri sesuatu majlis kerana dari segi Islam, kedudukan isteri walaupun nombor satu, nombor dua, nombor tiga ataupun nombor empat, saya agaklah mungkin Yang Berhormat Dato' Haji Muhamad bin Abdullah boleh 'confirm', saya agak kedudukannya adalah sama dari segi agama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: *[Bangun]*

Datuk Rahim bin Baba: Ya, sila.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya memang menyokong kata-kata Yang Berhormat Puan Kamalia tadi. Saya tidak bersetuju sedikit kepada Yang Berhormat kita, Yang Berhormat ini memang bijak orangnya, pandai dan saya tahu dia memang yang cukup adil.

Tetapi, tentang hendak beritahu kepada pejabat agama yang si folan bin si folan hendak kahwin lagi satu, saya rasa tidak berapa elok. Sebab, setengah-setengah isteri, dia dengan izin, very sensitive, kadang-kadang dia bercerai-berai - “kerana Tuan Kadi itulah aku bercerai, jika tidak, tidak bercerai.” Kerana Tuan Kadi itu yang memberitahu. Mengapa tidak, kita yang suami hendak berkahwin, kitalah bertanggungjawab. Kan kata orang, ‘kalau berani buat berani tanggung’.

Jadi, kalau dah berani hendak berkahwin lagi satu, cakaplah baik-baik dengan isteri, apa cara diplomasi kita banyak, buat cara sehingga dia kata: “Ya!” Kalau tidak juga, tunggulah dahulu dan apa cara sekali pun. Yang mana panas baran, buat cara panas baran. Tetapi, kalau hendak suruh Tuan-tuan Kadi sama ada Mufti, saya rasa itu tidak semanisnya. Kerana kadang-kadang Mufti-mufti pun tidak mahu campur hal ini, dia kata: “Awak hendak kahwin, saya terima, tetapi minta izin. Ada surat kebenarannya.” Saya rasa itu lebih manis.

Tuan Yang di-Pertua, isteri-isteri, perempuan ini semuanya banyak yang sabar, kalau tak sabar takkanlah sampai tiga, empat pun dia tunggu. Lebih-lebih lagi kalau dia sudah ada anak, walaupun suaminya nakal, pukul bantai, dia terima. Sebab saya selalu dapat aduan di rumah anak-anak yatim, bila dia serahkan anaknya, katanya, dia tidak tahan suaminya pukul, bantai lebam-lebam, ambillah anak ini - bela, kerana suami dia tidak terima!

Jadi, saya kata: “Kalau sudah pukul lebam, buat apa awak terima?” Dia kata: “Kesihan, anak-anak sudah besar, malu bila sudah tidak ada ayah!” Ha, begitulah hasrat seorang isteri. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan, sebenarnya, apa yang saya maksudkan bukannya semasa hendak minta izin itu. Semasa sudah nikah, kalau sebelum nikah itu hendak minta izin, *[Ketawa]* nampaknya Yang Berhormat Tuan Haji Sairin mengangguk, nampaknya dia dapat izinlah itu. Saya tidak tahulah, itu pengalaman masing-masing.

Maksud saya ialah selepas pernikahan itu, apabila didaftarkan di pejabat kadi, ada yang setengahnya nikah di luar negara seperti kata Yang Berhormat Puan Kamilia tadi, apabila didaftarkan di pejabat kadi ataupun yang menikah di negara ini sendiri, apabila seorang kadi itu menikahkan sesuatu pasangan itu, membenarkan seorang suami berpoligami, mengambil isteri yang lain ataupun isteri yang kedua, saya menyarankan tadi supaya ianya adalah menjadi tanggungjawab dalam satu 'frame' masa, katakanlah beri masa dalam tempoh sebulan, si suami diberikan peluang untuk memaklumkan kepada isteri yang pertama dan kalau tidak adalah menjadi tanggungjawab pejabat agama pula untuk memaklumkan kepada isteri lelaki yang mengambil isteri yang kedua tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: *[Bangun]*

Tuan Haji Hassan bin Ali: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin. Saya beri peluang kepada Ahli Yang Berhormat yang wanita dahulu.

4.06 ptg.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana memberi peluang kepada saya

yang kedua bangun berucap. Tetapi saya tidak mahu bercakap banyak di sini, kerana banyak lagi Ahli Yang Berhormat yang lain yang ingin berucap, yang ingin menyampaikan hujah-hujah masing-masing.

Maka itu, saya dengan ringkasnya menyokong penuh Rang Undang-undang Perkhidmatan Bersama (Pegawai Hal-Ehwal Islam) 1997 yang dibentangkan pada persidangan hari semalam.

Saya berharap benar Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman ataupun Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen bukan sahaja memastikan pelaksanaan undang-undang ini, tetapi juga memastikan supaya semua jawatan Pegawai Hal-Ehwal Islam sama ada di peringkat daerah, negeri atau Persekutuan dipenuhi dengan segera.

Perkhidmatan yang lebih cekap, cemerlang dan mencerminkan keIslaman dilaksanakan di pejabat-pejabat agama Islam semua peringkat. Kes-kes tuntutan perceraian dan nafkah jika boleh hendaklah diselesaikan secepat mungkin, sebaik sahaja siasatan dibuat, untuk mengelakkan rungutan-rungutan isteri-isteri yang malang, isteri-isteri yang ditinggalkan, yang tidak diberi nafkah kadang-kadang bertahun-tahun, isteri-isteri lebih-lebih lagi yang mempunyai anak dekat setengah dozen dalam persekolahan. Maka dengan itu, pegawai-pegawai agama Islam juga mesti mengawasi dengan teliti penceramah-penceramah bebas yang memberi ceramah-ceramah umum atau menyertai forum supaya tidak terpesong dengan matlamat dan cita-cita negara.

Jika perlu, saya mohon jasa baik Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Abdul Hamid merangka satu peraturan khas mengenai penceramah-penceramah bebas ini. Kita tidak mahu 'sudah terantuk baru tengadah', bak kata orang tua-tua. Termasuk kadar bayaran, wang dikenakan, saya difahamkan ada penceramah bebas yang popular bukan semua

meminta atau mengenakan bayaran yang begitu tinggi untuk sesuatu ceramah, mungkin kerana penceramah lebih mementingkan wang ringgit.

Ceramah mereka ada juga yang tidak begitu berkesan kepada golongan remaja sedangkan tok-tok guru kita masa dulu-dulu kala yang tidak diberi apa-apa upah, pengajaran mereka direstui Allah S.W.T. dengan kesannya sangat mendalam dalam jiwa kita. Barangkali saya percaya Yang Berhormat Dato' Menteri ataupun Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen sama-sama merasai situasi ini. Sekian, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Ali.

4.10 ptg.

Tuan Haji Hassan bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi Taala wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih dan rasa syukur di atas undang-undang yang dibentangkan ini dan telah menampakkan hasrat kerajaan untuk mempertingkat dan menyelesaikan masalah agama yang kita hadapi sekarang.

Dalam rang undang-undang ada disebut dalam Fasal 1(2) hanya lima negeri sahaja, akan tetapi dalam perenggan (3) ada disebut bahawa undang-undang ini boleh dipakai di atas permintaan kerajaan-kerajaan negeri.

Walaupun terdapatnya lima tetapi dengan akta pertambahan ini boleh dikatakan bahawa undang-undang ini mencakupi seluruh negara, syabas saya ucapkan.

Undang-undang ini adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan pegawai-pegawai agama yang kita sentiasa mendengar sungutan dan rungutan kekurangan di setiap negeri.

Apabila kekurangan ini dapat diatasi, kita jangan lupa, kebajikan, kedudukan dan taraf pegawai ini hendaklah dijaga.

Kadangkala kita rasa amat malu, amat kecewa, negara kita mengamalkan agama Islam sebagai agama rasmi negara kita. Akan tetapi, kita dapati kekurangan pegawai-pegawai yang berkemampuan, yang berkebolehan, mungkin juga minat orang-orang yang berkebolehan ini untuk memohon jawatan atau menjawat jawatan ini agak kurang.

Ini disebabkan kedudukan pegawai agama, seolah-olah kelas nombor dua di negara kita ini. Contoh yang amat jelas sekali, kalau kita lihat pejabat pegawai daerah besar dan mempunyai anggota kakitangan dan pegawainya amat ramai sekali. Akan tetapi kalau kita lihat, pejabat kadi daerah, seorang kadi, dua orang pembantu, seorang kerani, seorang jurutaip dan dua, tiga orang penguatkuasa, kerja mereka menangkap orang-orang berkhalwat.

Kuartersnya tidak seimbang dengan kuarters ataupun rumah kediaman yang diberi oleh kerajaan juga berbeza dengan kedudukan pegawai-pegawai kerajaan yang lain. Ini akan datang rasa kecil hati, datang rasa kecewa.

Maka saya harapkan dengan lulusnya rang undang-undang ini, pihak kerajaan Jabatan Perdana Menteri hendaklah mengambil berat dalam perkara ini. Kita faham bahawa terdapat kerajaan-kerajaan negeri kurang berkemampuan untuk membina pejabat-pejabat dan sebagainya. Maka saya harapkan bahawa Kerajaan Pusat hendaklah memberi bantuan kewangan yang secukupnya, bukan sahaja untuk menambah kakitangan dan pegawai, di samping itu memberi bantuan kewangan untuk membina pejabat-pejabat kadi yang baru.

Biarlah kita seimbangkan dengan taraf kadi yang mana menurut Islam jawatan dan tanggungjawab kadi adalah amat berat dan luas. Sebab itulah saya harapkan perkara ini hendaklah diambil perhatian yang sewajarnya.

Saya suka sentuh juga bahawa pada ketika ini pegawai hal ehwal wanita agama Islam amat berkurangan. Maka, saya rasa amatlah perlu dan wajar apabila akta ini diluluskan pengambilan bersegera dapat dilaksanakan dan hendaklah dipenuhi dan ditambah ataupun diadakan jawatan-jawatan untuk pegawai hal ehwal wanita ini. Kita faham bahawa masalah yang dihadapi oleh keluarga Islam kita pada ketika ini, terdapat masalah-masalah yang diadukan kepada pejabat hal ehwal agama bertahun-tahun belum selesai. Mungkin juga penyelesaian ini tidak dapat dibuat disebabkan apabila seorang isteri mengadu kepada pegawai agama lelaki, rasa segan itu mungkin timbul akan tetapi kalau pegawai yang bertugas ini pegawai wanita, pada hemat saya mereka ini dapat meluahkan isi hati mereka, apakah masalah yang dihadapi oleh mereka, maka cepat dan senanglah jalan penyelesaiannya akan diambil dan saya harapkan lagi supaya Jabatan Perkhidmatan Awam memberi perhatian yang khusus kepada pegawai-pegawai agama ini.

Kedapatan kerajaan-kerajaan negeri mengangkat supaya pegawai-pegawai ini dinaikkan pangkat atau grednya tetapi terlalu lambat. Kadangkalanya bertahun-tahun, kadangkalanya sehingga pegawai yang berkenaan pencen, tidak dapat diselesaikan. Maka, apabila perkara ini telah berlaku dan sedang berlaku, minat orang-orang yang mempunyai pendidikan agama ini terlalu nipis, tidak begitu berminat untuk menceburi atau berkhidmat sebagai pegawai agama Islam. Sebab itulah saya harap supaya perkara-perkara ini dapat diselesaikan dan diatasi.

Kepada masyarakat Islam, pegawai agama adalah merupakan simbol atau contoh dalam hidup mereka. Maka, saya harapkan pegawai-pegawai agama ini hendaklah menunjukkan kepimpinan dan keteladanan yang baik yang akan diikuti bukan sahaja oleh generasi tua akan tetapi akan dicontohi oleh generasi muda yang kita sendiri faham masalah yang kita hadapi sekarang.

Saya minta di Kementerian Belia dan Sukan, seharusnya ditempatkan pegawai khas hal ehwal agama untuk memberi bimbingan, didikan, kaunseling dan sebagainya kepada orang-orang muda tetapi pada hari ini belum lagi Kementerian Belia dan Sukan mengambil pegawai-pegawai agama untuk berkhidmat di Kementerian Belia dan Sukan. Perkara ini haruslah diambil kira supaya suatu pendidikan, suatu penekanan dapat kita laksanakan kerana kita ingin melihat generasi yang akan mewarisi tanggungjawab dan tugas kita merupakan generasi yang boleh diharapkan, generasi yang terbaik.

Oleh itu saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Kamilia.

4.20 ptg.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya juga untuk membahaskan rang undang-undang yang telah dibentangkan. Saya amat rasa terpanggil untuk membahaskan juga dan memberi pandangan saya tentang rang undang-undang ini kerana pada pandangan saya rang undang-undang ini adalah satu perkembangan yang amat patut kita berikan satu penghargaan kerana ianya

merupakan satu kejayaan besar bagi kita dalam kita cuba menyelesaikan banyak masalah kemelut pentadbiran hal ehwal Islam di negara ini kerana kita tahu bahawa pentadbiran hal ehwal Islam terjatuh di bawah Senarai Negeri iaitu ianya merupakan bidang kuasa negeri di dalam Perlembagaan tetapi walau bagaimanapun pihak Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah berjaya untuk mewujudkan satu Perkhidmatan Bersama Pegawai Hal-Ehwal Islam yang saya percaya akan mengarahkan satu pengwujudan sistem hal ehwal pentadbiran Islam yang lebih 'centralise' di negara ini dan ini adalah merupakan langkah pertama dan langkah yang paling besar yang perlu kita berikan perhatian dan perlu juga kita bekerjasama memastikan bahawa akhirnya pemakaian undang-undang ini bukan sahaja akan terpakai bagi negeri-negeri yang tersebut di bawah Fasal 1(2) tetapi juga kepada negeri-negeri lain yang tidak termasuk di bawah senarai ini.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri khususnya Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman kerana telah berjaya menembusi satu lagi era yang saya jangka akan membawa satu tahap kecapaian yang gemilang bagi agama Islam dan syiar Islam. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Dato' yang juga merupakan pemimpin dan Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang telah banyak memberi contoh yang baik dalam pentadbiran hal ehwal Islam bagi umat Islam terutamanya di Wilayah Persekutuan. Banyak bidang telah diterokai oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan iaitu termasuklah, contohnya, pengkorporatan sistem zakat, Pusat Kemahiran Wilayah Persekutuan, Pusat Rawatan Islam yang akan dijadikan hospital Islam, Pusat Darul Kifayah dan Pusat Darul Saadah dan juga pelbagai lagi program sosio ekonomi tidak juga ketinggalan dari segi pembangunan yang banyak dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan tidak ketinggalan juga Mahkamah-mahkamah Syariah di Wilayah Persekutuan juga adalah merupakan mahkamah-mahkamah yang perlu dijadikan contoh, bukan sahaja dari segi fizikalnya tetapi juga dari segi pentadbirannya.

Saya ucapkan syabas dan tahniah sekali lagi dan seharusnya dalam kita melihat kepada rang undang-undang yang telah dibentangkan di mana pengwujudan Perkhidmatan Bersama Pegawai Hal-Ehwal Islam ini akan mengarah kepada perubahan-perubahan yang kita harap akan juga membangunkan umat Islam melalui Majlis Agama Islam masing-masing di negeri-negeri dan seterusnya dengan rang undang-undang ini bermakna bahawa penyelarasan yang lebih unggul akan dapat dilaksanakan.

Saya ingin menyentuh empat aspek yang saya rasakan perlu diberi perhatian dalam Perkhidmatan Bersama Pegawai Hal-Ehwal Islam untuk memastikan bahawa pentadbiran hal ehwal Islam ini sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Rahim tadi, ada empat belas Enakmen Rang Undang-undang Pentadbiran Hal Ehwal Islam. Jadi, sepatutnyalah dalam negara kita yang begitu kecil tidaklah kita mempunyai begitu banyak enakmen, walhal kita sebenarnya dalam satu mazhab dan juga mempunyai satu matlamat untuk mempertingkatkan satu tamadun Islam

yang lebih tinggi supaya dapat ia menjadi contoh sebab prinsip-prinsip Islam itu adalah lebih sejagat dan memang diakui sama ada dari segi falsafah-falsafah ataupun pemikir-pemikir yang bukan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi organisasi, kita mengharapkan bahawa dengan adanya perkhidmatan bersama ini negeri-negeri akan dapat disatukan dan diselaraskan dalam satu organisasi pentadbiran hal ehwal Islam yang lebih proaktif dan dinamik dan sistem organisasi ini yang perlu menjadi contoh yang berdasarkan prinsip-prinsip Islam yang sebenar kerana kalau kita dapat membuktikan bahawa pemakaian adaptasi pentadbiran yang berlandaskan prinsip-prinsip Islam - satu organisasi yang bebas dari rasuah dan sebagainya, maka pastinya ia akan dapat mewujudkan satu sistem organisasi yang dapat, bukan sahaja membangunkan umat Islam di negara ini dengan secara khusus tetapi ianya dapat diserapkan bersama dengan sistem pentadbiran yang ada kerana kita mengharapkan bahawa dengan adanya perkhidmatan bersama ini, maka pegawai-pegawai hal ehwal Islam juga akan dapat sama diserapkan dalam struktur organisasi kerajaan, negeri dan juga daerah dan juga di peringkat penghulu dan di kampung-kampung supaya kita dapati adanya satu hubungkait antara struktur kerajaan dan pentadbiran ada dengan struktur dan pentadbiran hal ehwal Islam supaya kerja-kerja dan aktiviti-aktiviti dan rancangan-rancangan yang ada yang diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam itu dapat diselaras dan dilaksanakan dengan lebih baik kerana kita tahu bahawa dalam Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam itu sebenarnya ia memberi peruntukan untuk pembangunan sosio-ekonomi umat Islam.

Jadi, kita perlu melihat bahawa ia sebenarnya dapat juga membangunkan dan dapat mengatasi masalah-masalah yang dilihat oleh kerajaan sebagai masalah bumiputera yang sebenarnya bumiputera itu kebanyakannya adalah orang Islam.

Jadi, daripada segi pengurusan dalam pentadbiran hal ehwal Islam ini perlulah ada profesionalisme dengan adanya kerjasama dan penyelarasan dengan perkhidmatan yang ada dan dengan ini juga, seperti yang disarankan oleh rakan-rakan saya yang lain, maka perlulah ada pendekatan status ataupun kedudukan pegawai-pegawai hal ehwal Islam ini jika tidak disamakan dengan pegawai-pegawai dalam pentadbiran itu tetapi diberikan ianya satu kedudukan bersama dengan pegawai-pegawai di peringkat pentadbiran daerah dan negeri supaya dapat sama-sama berpartisipasi dalam pembangunan tiap-tiap kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyarankan, dalam kita menyahut dan mewujudkan Perkhidmatan Bersama Pegawai Hal-Ehwal Islam ini, satu perancangan hendaklah dibuat oleh pihak Pusat Islam atau di pihak Jabatan Perdana Menteri (Bahagian Hal Ehwal Islam) untuk mewujudkan pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang. Satunya ialah untuk menyerap dan memastikan semua negeri akan masuk di bawah perkhidmatan bersama ini dan mewujudkan satu rancangan yang menyeluruh untuk sosio-ekonomi orang-orang Islam.

Saya mencadangkan ianya perlulah merupakan satu unit rancangan pembangunan dan penyelidikan (R&D) di Pusat Islam. Bukan hanya dilihat dari segi fatwa dan hukum-hakam tetapi juga dilihat daripada sosio-ekonomi

sebab kita tahu dalam pentadbiran hal ehwal Islam di negeri-negeri ianya mempunyai pelbagai cabang. Ianya mempunyai pentadbiran Baitulmal, pengutipan zakat dan juga pentadbiran tanah wakaf dan kita juga tahu di bawah Baitulmal dan pengutipan zakat juga ia akan menyerapi juga masalah-masalah kemiskinan termasuk juga kesihatan dan juga latihan.

Jadi, apa yang telah dilaksanakan di Wilayah Persekutuan mungkin dapat diterima pakai di negeri-negeri, diselaraskan supaya ianya, seperti yang saya katakan tadi adalah merupakan juga agensi pembangunan sosio-ekonomi bagi umat Islam yang sepatutnya membantu bumiputera untuk membangun dalam masalah-masalah ianya ketinggalan dan tidak dapat mengecapi sepertimana kaum lain yang telah lebih jauh ke hadapan dan juga saya berpendapat bahawa dalam bidang Mahkamah Syariah, dengan adanya Perkhidmatan Bersama Pegawai Hal-Ehwal Islam ini juga bermakna kita juga dapat menyelaraskan masalah-masalah yang wujud di Mahkamah Syariah.

Kita tahu ini adalah merupakan satu bidang yang banyak menerima rungutan terutamanya daripada kaum wanita. Ianya akan melibati bukan sahaja daripada masalah bidang kuasa tentang mahkamah mana seseorang itu perlu berada tetapi juga ianya meliputi juga bidang penguatkuasaan undang-undang. Kadangkala bila seseorang itu telah pergi mahkamah dan telah mendapat hukuman dan juga mendapat perintah tetapi tidak dapat dikuatkuasakan kerana adanya perbezaan undang-undang antara negeri-negeri. Kita dapati juga antara fatwa-fatwa kadangkala ada perbezaan yang seharusnya patut kita cuba selaraskan.

Kita juga harap masalah sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba tadi mengenai poligami, walaupun poligami ini adalah satu yang sensitif bagi wanita tetapi ianya juga berlaku dan menimbulkan pelbagai masalah tetapi masalah pendaftaran dan untuk pengetahuan pihak Kadi kalau banyaknya perkahwinan yang suami itu tidak memberitahu tentang status perkahwinannya. Saya rasa dengan adanya Perkhidmatan Bersama Pegawai Hal-Ehwal Islam ini dapatlah kita mewujudkan yang dahulunya selalu dicadangkan untuk di 'computerise' kan senarai nama semua umat Islam yang berdaftar berkahwin.....

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, ada yang hendak minta laluan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat ada menyebut masalah-masalah pentadbiran yang berkaitan dengan Islam ini banyak menimbulkan masalah. Saya hendak bertanya, adakah masalah ini disebabkan peraturan agama itu sendirikah sebab orang Islam tidak faham peraturan itu?

Puan Kamalia binti Ibrahim: Peraturan yang saya maksudkan ialah, kalau Yang Berhormat maksudkan, saya tidak tahu, saya rasa bahagian Mahkamah Syariah?

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Bahagian yang bersangkutan dengan berkahwin dua tadi.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Sebenarnya Islam itu tidak bermasalah. Yang bermasalahnya orang yang mengamalkan Islam itu yang membuat masalah. Kalau ianya berpoligami, kalau ikut apa yang diperuntukkan dalam

Islam, ianya perlulah berlaku adil. Saya rasa kalau hendak berlaku adil itu maknanya kepada saya, isteri itu mestilah memberi kebenaran. Itu baru berlaku adil, sebab dia benarkan, maka itulah adil namanya. Tetapi kebanyakannya jadi masalah sebab suami itu berkahwin tanpa isteri itu memberi kebenaran. Jadi, masalah yang timbul itu ialah berikutan dengan amalan orang Islam itu sendiri, Yang Berhormat.

Saya sambung balik. Kalau kita ada komputer data dan sebagainya, maka tidak perlulah apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba tadi mengenai untuk pemberitahuan sebab data dalam komputer itu akan dapat memberitahu sama ada status seseorang itu sudah kahwin ataupun belum.

Saya ingin mencadangkan dengan perkhidmatan bersama ini sistem ini akan dapat diwujudkan dan perkara-perkara dan peraturan-peraturan tentang masalah keluarga ini, tentang pembahagian harta pesaka dan juga perkara-perkara yang menimbulkan masalah kepada wanita-wanita terutamanya, mungkin dalam perceraian untuk mendapatkan nafkah, mungkin kita dapat pertingkatkan cara guna kita mendapat maklumat mengenai alamat penyampaian kepada suami yang gagal membayar nafkah contohnya, bolehlah dapat dikesan jikalau kita ada mempunyai satu computer system yang lebih efisien.

Saya juga ingin menyokong Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Ali tadi mengenai khidmat nasihat undang-undang dan khidmat kaunseling yang masih berkurangan dan perlulah juga dipertingkatkan. Dengan adanya Perkhidmatan Bersama Pegawai Hal-Ehwal Islam ini mungkin masalah ini dapat juga diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah yang ingin saya sampaikan dan saya menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Datuk Haji Hashim bin Safin.

4.34 ptg.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut mengambil bahagian membahaskan akta mengenai guna sama pegawai-pegawai Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam di antara pegawai-pegawai negeri, sama ada yang dilantik oleh Suruhanjaya Negeri ataupun Persekutuan kerana perkara ini memang kita menghadapi masalah dan kita melihat status, imej, maruah, perasaan dan segala-galanya melibatkan pegawai-pegawai agama yang perlu kita pertingkatkan.

Memang kita melihat unsur-unsur memberi penilaian dari segi pengiktirafan sama ada penilaian ekonomi, status dan sebagainya pegawai-pegawai agama ini dalam proses yang sedang diperkukuhkan dan ini sesuai dengan dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan kita untuk menerapkan nilai-nilai Islam ataupun ajaran Islam dalam semua peringkat, termasuklah soal-soal pentadbiran yang lebih dekat ataupun secara direct.

Memang kita melihat hasil daripada kesedaran kita sendiri, khususnya UMNO yang memperjuangkan perkara ini. Pada mulanya soal-soal agama ini memang dianggap kurang penting. Kita pernah teringat satu ketika dahulu soal kelulusan agama seolah-olah dipinggirkan, diketepikan. Mereka yang berkelulusan walaupun dapat A1 di bidang agama, tetapi nilai sijil tidak diberi.

Akhirnya, hasil daripada perjuangan UMNO dan saya pernah ingat semasa Tuan Yang di-Pertua menjadi Ketua UMNO Bahagian Tanah Merah, sekitar tahun 70-an, satu usul dibawa oleh Pemuda UMNO Tanah Merah untuk menentukan soal agama ini diberi penilaian bermula daripada mereka yang berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia, sama ada diterima untuk maktab sebagai satu penilaian, sama ada untuk pergi ke Tingkatan 6 ataupun ke kolej-kolej. Alhamdulillah, usul itu akhirnya diterima dan kebetulan selepas itu soal-soal penerapan nilai-nilai Islam dipertingkatkan dan akhirnya kita melihat bahawa sijil ataupun ijazah daripada mereka yang berkelulusan agama itu mendapat tempat. Walau bagaimanapun, masih lagi tidak setara, masih lagi ada perbezaan di antara mereka yang berkelulusan agama dengan tahap jawatan, kemudahan, elaun, gaji atau upah kepada mereka ini. Maka, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada pihak Jabatan Perdana Menteri yang semakin memperkukuhkan soal kepada pegawai-pegawai agama ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Fasal-fasal yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri pada hari semalam ada menyebut bahawa beberapa negeri sudah pun membuat permohonan untuk mengguna sama pegawai-pegawai agama masing-masing, boleh ditukar-tukarkan, pegawai pusat atau Persekutuan boleh ke negeri, misalnya Melaka, Selangor dan 3-4 buah negeri lagi, saya lupa. Dan ada juga peruntukan telah diterangkan oleh menteri melalui enakmen ini untuk membolehkan negeri-negeri lain juga memohon dan dengan kebenaran Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong boleh diterima untuk menjadi ahli guna sama pegawai-pegawai Jabatan Hal-Ehwal Agama ini.

Apa yang saya suka tarik perhatian Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai negeri Kelantan, tanah serendah sekebum bunga Cik Siti Wan Kembang ini, yang ada masalah sedangkan kita melihat bahawa negeri inilah yang merupakan kalau dilihat dari segi sejarah, sumber asal di segi keilmuan keagamaan itu sendiri, sama ada untuk melahirkan pegawai-pegawai agama, ustaz-ustaz, bahkan kalau dahulu pernah Kadi atau Mufti di negeri-negeri lain yang asalnya diimport ataupun dibawa keluar dari Kelantan untuk bertugas di segi bidang agama ini. Tetapi dalam suasana hari ini ianya bermasalah kerana saya yakin kerajaan negeri sekarang mungkin tidak mahu membuat permohonan untuk menggunakan pegawai-pegawai bersama dengan Kerajaan Persekutuan.

Permasalahannya yang boleh menjejaskan perkembangan agama di negeri Kelantan itu sendiri yang kita rasa sepatutnya lebih baik daripada negeri lain. Banyak masalah yang berlaku kerana agama di negeri Kelantan itu sedang dipergunakan oleh pihak kerajaan negeri yang meletakkan kepentingan ataupun agenda politik mengatasi daripada agenda agama itu sendiri. Soal pentadbiran di Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam yang kuasanya di bawah

kerajaan negeri, kecuali Majlis di bawah kuasa Tuanku Al-Sultan, masalah-masalah ini boleh menyebabkan Kelantan lagi sekali tertinggal dari segi perkembangan atau kemajuan agama itu sendiri.

Kita lihat bagaimana soal perundangan ini sendiri pun dipermainkan oleh kerajaan negeri kerana kepentingan politik. Misalnya, hakim dalam perbicaraan satu kes khalwat yang melibatkan seorang tokoh di Perdana Hotel, di bilik No. 121. Bukti jelas, orang semua tahu dan barang-barang kes pun masih ada. Kerana peguam yang membela itu satu ketika berada di dalam satu pihak gabungan yang bernama APU dan peguam itu juga yang membela bersama dengan pihak lain, cuba ditaklikkan kononnya perjumpaan itu di bilik No. 12 sedangkan kita tidak pernah jumpa hotel 5 bintang yang ada setingkat, mesti bilik No. 121 atau 123, 234 dan sebagainya. Mana ada bilik No. 12 di Perdana Hotel? Stor adalah, tetapi tidak ada nombor kalau di tingkat bawah. Ini dimainkan oleh pemimpin negeri yang meletakkan soal agenda politik lebih penting daripada agenda agama, sanggup bersubhat dengan tokoh yang berkhawatir itu sendiri. Bukti cukup, orang semua tahu, tetapi kerana kepentingan politik hendak menyelamatkan orang tertentu, perkara ini dimainkan, telah digunakan kesempatan melalui pegawai-pegawai negeri yang terikat dengan kerajaan negeri melalui Jabatan Hal-Ehwal Agama Negeri Kelantan.

Ada beberapa saksi yang sanggup mengemukakan cerita sebenar, tetapi telah diugut untuk dibuang kerja ataupun ditukar ataupun diambil tindakan. Maka mereka ini merupakan pegawai negeri yang tidak boleh ke mana, akhirnya terpaksa akur kerana mereka juga ada agenda sendiri, periuk nasi, anak dan isteri hendak beri makan, kalau dibuang kerja oleh pihak kuasa politik negeri kerana isteri tidak selamatkan seorang tokoh politik ini dan Kadi yang membicarakan itu sendiri pun telah bersubhat. Ini adalah semata-mata kerana disempitkan oleh pegawai tadbir negeri yang tiada tempat mengadu, maka saya rasa hujah ini dapat kita guna kalau pegawai ini boleh merupakan pegawai Persekutuan dan pegawai negeri yang boleh ditukar guna sama dan sebagainya. Barangkali boleh kita gunakan pegawai Persekutuan membicarakan kes ini di Kelantan dan dia tidak menghadapi ancaman daripada kepimpinan ataupun pihak politik kerajaan negeri.

Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya selaku orang Kelantan merasakan harus pihak kerajaan Persekutuan mengguna apa cara untuk memastikan Kelantan juga turut terlibat dengan soal guna sama pegawai-pegawai Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam ini kerana kita lagi sekali tidak mahu apatah Kelantan yang kita canangkan terutama oleh kerajaan negeri hendak jadi serambi Mekahlah, hendak jadi contoh negeri yang baik dan sebagainya, tetapi dengan keadaan ini saya rasa lagi sekali Kelantan itu ketinggalan. Sudahlah dalam suasana sekarang kita sudah ketinggalan dari segi pembangunan fizikal dan kalau Kelantan tidak berkesempatan untuk bersama di dalam pindaan ini untuk membolehkan Pegawai-pegawai Hal-Ehwal Agama Islam ini diguna sama, saya rasa Kelantan lagi sekali tertinggal dari segi pembangunan kerohanian ataupun spiritual.

Jadi, kalau Kelantan ketinggalan dari segi fizikal, dari segi rohani dan sebagainya, saya rasa tidak ada ertilah. Maka saya ingin mendapat pandangan daripada pihak Kerajaan Persekutuan ataupun Jabatan Perdana Menteri apakah cara-cara lain walaupun sekarang kerajaan negeri masih di bawah pentadbiran satu parti yang hanya mengguna agama demi kepentingan politik mereka, tetapi kita dapat memastikan negeri itu juga berada di bawah

ataupun tertakluk di bawah undang-undang ini untuk pegawai-pegawainya diguna sama, dan saya cadang kalaulah dapat dimasukkan Kelantan bersama, diguna sama pegawai-pegawai ini, pastikan cepat-cepat hantarkan pegawai Pusat ke Kelantan, kerana jangan kita biarkan Kelantan dengan kekelantanannya, pegawainya terikat, misalnya pegawai pentadbiran negeri dengan kenegeriannya menyebabkan Kelantan itu atau satu kelompok masyarakat agak tertutup, close society, dengan izin, dengan pemikiran tersendiri, dengan emosi tersendiri, dengan puak tersendiri sehingga Kelantan agak unik. Saya rasa perkara ini tidak berlaku kepada orang Kelantan yang berada di Kuala Lumpur yang melihat keadaan perbezaan ini.

Jadi, lagi sekali kalau kita boleh merubah keadaan dari segi rohani, dari segi melalui saluran agama yang betul, hasil Kerajaan Persekutuan boleh melalui saluran guna sama pegawai-pegawai tadi, saya yakin lambat-laun kita dapat merubah keadaan di Kelantan yang dikongkong oleh jiwa yang sayangkan agama tetapi mereka diperalatkan oleh golongan agama yang nakal ini, yang jahat ini, menipu rakyat di Kelantan melalui saluran agama. Kerana memang mudah mereka ini dipergunakan oleh ustaz-ustaz mereka yang 'alim', dengan izin, untuk memberitahu kepada masyarakat bahawa mereka ini tidak ada perjuangan lain selain perjuangan agama, termasuk soal-soal segala-galanya sehingga kes-kes seperti yang saya contoh tadi boleh dipercayai oleh mereka di peringkat bawahan ataupun peringkat akar umbi, rasuk di kawasan Kelantan itu.

Jadi, saya mengharapkan apa cara Kerajaan Persekutuan untuk memastikan atau untuk membolehkan dengan tipu muslihat, dengan cara pujuk rayu supaya Kelantan tidak ketinggalan dari segi tertakluk di bawah undang-undang ini untuk membolehkan Pegawai Agama Negeri dan Pegawai Agama Persekutuan boleh digunakan sama dan pegawai Persekutuan banyak ke Kelantan, dan Pegawai Agama Negeri banyak ke Persekutuan untuk dilatih, diorientasi, untuk dibuka pemikiran mereka dan kembali ke Kelantan dengan satu pemikiran baru dan tidak terlampau kekelantan yang boleh merugikan Kelantan itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah pandangan saya sedikit, saya mengambil kesempatan untuk membahaskan rang undang-undang ini, dan saya mohon menyokong undang-undang ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Mastika.

4.04 ptg.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut bangun untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perkhidmatan Bersama (Pegawai Hal Ehwal Islam) 1997. Kita bersyukur kepada Allah S.W.T. dan kita mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian, Jabatan Perdana Menteri yang telah pun berjaya merangkakan rang undang-undang ini dan dibentangkan pada hari ini. Dalam masa yang sama pada Soal-Jawab tadi, sebenarnya telah sedikit-sebanyak rang undang-undang ini menjawab soalan yang lama terbenam dalam fikiran saya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat Datuk Haji Hashim bin Safin tadi, saya kira parti politik yang menggunakan agama ini bukan sahaja di Kelantan, tetapi peranan mereka selama ini di negara kita telah pun membantutkan perkembangan agama Islam. Kerajaan dalam usaha-usaha untuk menentukan supaya agama Islam ini dapat kita laksanakan, kefahaman agama Islam ini dapat diterap kepada seluruh umat Islam terbantut dengan peranan-peranan yang telah pun dilakukan oleh pihak-pihak yang menggunakan agama untuk kepentingan politik. Seingat saya semasa kecil sampailah kini agak kita reda, sekarang agak mudah untuk kita menjuruskan perjalanan agama ini kepada jurusan yang benar.

Pada masa yang lalu kita sentiasa mendapat halangan daripada mereka yang menggunakan agama untuk kepentingan politik. Boleh dikatakan akidah orang-orang Islam kita sebahagiannya hampir terpesong dengan pendekatan-pendekatan yang mereka bawa. Sebab itulah ada pandangan-pandangan yang kita suarakan kepada pihak kerajaan supaya kita harus mengasingkan di antara agama dan politik. Jangan benarkan parti-parti politik menggunakan agama untuk kepentingan mereka, kerana ini akan membantutkan perkembangan agama Islam itu sendiri. Saya sendiri percaya bahawa perkembangan agama di negara kita terbantut salah satu sebabnya adalah kerana ada kumpulan-kumpulan ini menggunakan dan memperalatkan agama sehingga susah untuk kita dalam usaha-usaha kita untuk memantapkan pentadbiran agama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi halangan yang ada kepada kita adalah halangan Perlembagaan. Saya faham perkara ini agak sensitif, tetapi itulah sebenarnya berlaku kepada kerajaan-kerajaan negeri, kerana agama Islam ini disebut di bawah kerajaan negeri, dan ada sangkut-pautnya dengan pihak Istana. Ia tidak boleh lari daripada itu. Kerana itu, setiap urusan yang ingin dijalankan, ia harus melalui satu liku, satu jalan yang tidak mudah dilaksanakan oleh kerajaan negeri. Jadi, kita berharap dengan adanya Rang Undang-undang Perkhidmatan Bersama (Pegawai Hal Ehwal Islam) 1997 walaupun melibatkan beberapa negeri sahaja, adalah sebagai satu langkah pertama untuk kita dapat menyelaraskan pengurusan dan pentadbiran agama Islam ini dapat diselaraskan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah duduk di dalam Lembaga Pengarah Baitulmal negeri. Baitulmal adalah satu badan yang mana badan ini untuk mengutip dan mengeluarkan zakat dan juga boleh berperanan untuk membangunkan ekonomi orang-orang Islam. Tetapi badan-badan Baitulmal di peringkat negeri ini tidak dapat memainkan peranan sepenuhnya, tidak sebaik di Wilayah Persekutuan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Puan Kamelia tadi. Saya memang akui di negara kita Wilayah Persekutuan telah pun menunjukkan satu contoh dan satu usaha di dalam Baitulmal yang amat kita hargai. Tetapi di negeri-negeri ada rintangan, ada halangan-halangan, ada batu penghalang yang tidak dapat kita melaksanakan sebagaimana yang dilaksanakan di Wilayah Persekutuan yang kita faham ianya di bawah Kerajaan Persekutuan.

Semasa dalam Lembaga Pengarah Baitulmal, Baitulmal diuruskan oleh kakitangan-kakitangan yang terhad kemampuan mereka. Sebahagian besar pegawai-pegawai adalah sandaran. Mereka ini adalah badan berkanun di

peringkat negeri saya difahamkan. Kalau saya salah mungkin Yang Berhormat ‘timbangan menteri’ dapat membetulkan. Apabila Baitulmal ingin mengembangkan keprofesionalisme mereka dalam mentadbirkan Baitulmal, apabila ada jawatan-jawatan yang telah diisi oleh pegawai-pegawai sandaran terdiri daripada pegawai-pegawai berijazah dan berdiploma, mereka harus melalui satu jalan yang begitu jauh, harus dibentangkan di bawah Pengarah Baitulmal, dibawa pula dalam Majlis Agama Islam Negeri. Selepas itu dibawa pula kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Daripada liku dan perjalanan yang jauh ini, ada pegawai-pegawai yang telah pun bertugas selama 14 tahun mereka yang mempunyai kelulusan masih lagi sebagai pegawai sandaran. Apabila saya semak pagi tadi saya dapati pegawai-pegawai ini telah pun meninggalkan Baitulmal. Mereka sebenarnya ialah pegawai-pegawai yang mempunyai kelulusan berkorban untuk kepentingan umat Islam dan juga untuk kepentingan Baitulmal itu sendiri. Mereka sebenarnya mengorbankan diri mereka kerana mereka telah kehilangan senioriti, mereka tidak mendapat kemudahan-kemudahan dan juga faedah-faedah sebagai pegawai. Selama 14 tahun mereka mengabdikan diri, tetapi mereka masih lagi sebagai pegawai sandaran sehingga mereka meninggalkan badan ini.

Saya difahamkan ada lagi pegawai-pegawai yang sekarang ini merasa kecewa dengan apa yang berlaku walaupun mereka telah pun memberikan perkhidmatan yang begitu baik, saya akui dan saya lihat kesungguhan mereka kerana mereka juga umat Islam yang mempunyai semangat untuk memajukan dan memastikan agama kita dapat menjalankan urusan-urusan keagamaan ini dengan sebaik mungkin. Saya hendak melebarkan, hendak menjelaskan apa yang disebut oleh kawan-kawan tadi.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan sedikit kepada Yang Berhormat. Kalau berdasarkan kefahaman saya bahawa percakapan Yang Berhormat dan saya sendiri seolah-olah kita perlu menjuruskan bahawa dari segi agama juga kita menjurus kepada federalisme. Bermakna, bila menjuruskan ada halangan daripada negeri-negeri. Apakah pandangan ataupun cadangan Yang Berhormat berasaskan pengalaman negeri-negeri yang di bawah Barisan Nasional? Fasal di Kelantan halangan besar. Pertama, kalau hal ini kena kalah kerajaan negeri dahululah. Tetapi di negeri-negeri yang Barisan Nasional memerintah masih tidak memohon, apakah liku-liku berdasarkan pengalaman Yang Berhormat yang boleh kita potong untuk pergi kepada federalisme di bidang keagamaan ini?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Yang Berhormat. Likunya amat besar, halangannya amat besar dan sensitif, kerana walaupun kita dalam negeri diperintah oleh Barisan Nasional tetapi pada kesimpulannya saya boleh menyebut bahawa apa yang ditinggalkan oleh penjajah kepada kita, itulah halangan yang kita hadapi dan halangan yang tidak dapat kita selesaikan hingga hari ini. Beberapa kali saya rasa persoalan itu telah ditimbulkan. Saya fikir kementerian memang ariflah, dan mungkin kita dapat penjelasan nanti daripada Yang Berhormat ‘timbangan menteri’. Minta maaf Dato’.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Setiausaha Parlimen.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Insya-Allah akan naiklah agaknya sebab pandai Dato' jawab tiap-tiap kali persoalan. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, itu masalah yang kita hadapi. Saya agak kadang-kadang apabila saya telah berada di dalam jawatankuasa-jawatankuasa ini, saya memang simpati dengan pegawai-pegawai kita yang bekerja dalam bidang Hal- Ehwal Islam ini. Mereka bukan tidak mempunyai kewibawaan, bukan tidak mempunyai kebolehan. Tetapi sistem yang telah pun menyebabkan keadaan kita sekian lama begitu jadinya. Itu saya menyebutkan Baitulmal. Saya juga duduk dalam Jawatankuasa MMK Agama, sama dengan Yang Berhormat dari Perlis di sini. Dan berlaku dalam MMK Agama di peringkat negeri walaupun kita dalam Barisan Nasional, MMK Agama tidak dapat mengadakan mesyuarat hampir setahun lebih. Saya faham mereka yang berada di dalam Ahli Majlis Mesyuarat Agama itu sendiri adalah merupakan Exco yang berwibawa. Kalau dahulunya Exco berkelulusan universiti mempunyai pengalaman yang luas sebagai ahli Dewan Rakyat, kita bawa balik ke negeri menjadi Exco Agama, tidak dapat melalui halangan yang besar ini. Sekarang kita letakkan Exco yang berpengalaman dalam bidang itu juga. Sekarang ini kita juga menghadapi tekanan-tekanan, boleh saya sebutkan 'kerusi panas' dalam kita hendak memantapkan pentadbiran agama.

Di dalam pentadbiran agama itu sendiri kita dapati bahawa sebagaimana yang disebutkan oleh rakan-rakan tadi banyak masalah ataupun kelemahan yang kita hadapi sama ada dari segi kepegawaiannya, dari segi kemudahan-kemudahan yang mereka ada. Sebagai contoh sahaja, Pejabat Agama di negeri Perlis kalau sekiranya kita menelefon, mungkin pukul 8.00, 8.30 belum lagi telefon ini diangkat, sebab tidak ada operator. Mereka ada satu program pagi yang diadakan, tetapi tidak ada telefon operator, itu yang sekecil-kecil jawatan.

Sebesar-besar jawatan dalam Mahkamah Syariah kita selalu mempersoalkan kegagalan Mahkamah Syariah di dalam menyelesaikan masalah yang berlaku dalam negara kita. Saya sebenarnya, amat berminat dalam soal ini dan saya ada angka, ini agaknya pun sudah tolong Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab masalah-masalah agama ini.

Dalam kes-kes tuntutan belum selesai Mahkamah Syariah, kes-kes keluarga syariah, ini dalam Biro Bantuan Guaman di negara kita yang belum selesai, yang ada di sini, tahun 1995 belum selesai 1,567.

Tuan Yang di-Pertua: Di negeri Perliskah itu?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tidak, ini untuk Federal! Keseluruhan Mahkamah Syariah. Tahun 1994 - 752 kes. Tahun 1993 sehingga sekarang - 416 kes. 1991 - 141 kes dan 1990 - 143 kes.

Ini termasuk kes-kes nafkah, perintah nafkah, cerai, jagaan, harta sepencarian dan mu'allaf. Ini kes-kes yang tidak dapat diselesaikan, Tuan Yang di-Pertua.

Tetapi, kalau saya merujuk kepada setengah Mahkamah Syariah yang saya tahu, yang ada di situ cuma seorang Kadi, sedangkan Timbalan Kadi juga bukan orang yang berkelulusan undang-undang, SPM - biasa. Dan jawatan telah dipohon tetapi sehingga hari ini jawatan tidak dapat diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Rahim tadi, sebenarnya, saya bangun kerana saya melihat pandangan ini saya bimbang tak diberi perhatian yang sebegitu jelas dari segi penubuhan suruhanjaya.

Kerana yang saya faham, permohonan jawatan di dalam Jabatan Hal Ehwal Agama Islam ini kecuali kumpulan D, kumpulan A dan C dirujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam.

Saya tidak tahulah bagi tempat-tempat lain, inilah yang kita amalkan di negeri Perlis dan proses ini sering lambat, sudahlah lambat dalam proses kita hendak membawa kepada Majlis Agama Islam, dalam proses negeri, lepas itu kita bawa ke Federal, daripada Federal hendak sampai balik memakan masa bertahun-tahun sehingga keadaan kepegawaian kita begitu kurang sekali.

Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Datuk Rahim tadi, supaya ditubuhkan suruhanjaya perkhidmatan Islam sepertimana ditubuhkan Suruhanjaya

Perkhidmatan Pendidikan kerana saya kira di dalam pentadbiran agama Islam mungkin agak berbeza daripada pentadbiran yang lain.

Dan kalau dapat kita inginlah melihat supaya mereka yang ditempatkan di dalam perjawatan/personnel yang ada di dalam urusan agama ini mendapat pengiktirafan yang sewajarnya.

Saya mendapat tahu bahawa Imam sendiri, Imam yang diberi tanggungjawab untuk memimpin anak makmum, bagi Masjid Negeri cuma berada dalam kumpulan C. Pada hal di Mekah kita tahu, Imam di Mekah, bagaimana kedudukan seorang Imam bagi mereka yang pernah menunaikan fardu haji, dia datang dengan 'bodyguard' diberi pengiktirafan, penghargaan dan apa yang diperkatakan oleh Imam dihargai oleh makmum. Tetapi bagi kita di sini, Imam Negeri, kumpulan C, datang dengan motosikal, naik ke atas 'kubah' menyampaikan dakwah, 'extension' untuk kita memantapkan masyarakat tetapi taraf Imam itu sendiri adalah rendah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan supaya diwujudkan satu carta organisasi yang seragam, di peringkat Pusat dan juga tangga gaji yang berpatutan, serta mengambil personnel yang berkepakaran yang sesuai

Datuk Haji Hashim bin Safin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, semua sudah faham bahawa negeri Perlis, satu-satunya negeri bila tadi Yang Berhormat sebut itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) ya? Satu-satunya negeri yang telah melantik Mufti sebagai Exco agama negeri. Dan kalau itu betul, saya hendak ucap tahniahlah kepada sahabat kita Yang Amat Berhormat Dato' Seri Shahidan bin Kassim. Setakat ini, dari segi kesan pelaksanaan, misal kata dari segi Imam, dari segi martabatnya, bagaimana yang boleh,

kalau boleh Yang Berhormat ceritakan untuk panduan sedikit sebanyak kepada negeri-negeri lain, setelah seorang Mufti diiktiraf terus menjadi Exco Kerajaan Negeri Perlis dan kesan dalam masa jangka pendek dan mungkin jangka panjang hasil daripada pengiktirafan ini. Terima kasih.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan itu. Saya pun sebenarnya hendak membetulkan sedikit apa yang saya beritahu dalam Dewan ini pada dua, tiga hari yang lalu adalah betul, bertaraf Exco belum lagi Exco, ini saya sudah check dengan kerajaan. Buat masa sekarang ini Mufti dijemput hadir, diberi elaun dan bertaraf Exco dalam kerajaan negeri.

Kita menganjurkan pada pandangan sayalah, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Shahidan, Menteri Besar Perlis menganjurkan keadaan ini kerana kita sudah tidak sabar lagi melihat kemelut di dalam masalah sosial dan juga dalam beberapa masalah mengenai agama.

Kita mengadakan program-program masjid dan sebagainya kerana kita mempunyai kesungguhan dalam usaha-usaha untuk meningkatkan kefahaman dan juga untuk mengimarahkan, untuk memastikan supaya umat Islam benar-benar dapat menerap agama Islam di dalam kehidupan mereka sebagai a way of life, dengan izin.

Untuk soalan Yang Berhormat tadi, sebenarnya kita juga masih lagi menghadapi masalah dan juga halangan-halangan, walaupun Mufti sebagai seorang yang mempunyai satu jawatan yang penting di peringkat negeri berada bersama-sama dengan kerajaan, apa yang dapat saya sebutkan di sini bahawa mereka berada di atas 'kerusi yang panas' kerana persoalan ini yang mungkin susah untuk saya huraikan kerana Majlis Agama Islam Negeri adalah merupakan satu badan yang begitu berkuasa di peringkat negeri. Kita mempunyai Exco Kerajaan Negeri, kita mempunyai Majlis Agama Islam Negeri.

Dan Majlis Agama Islam Negeri, saya tidak tahu di negeri lain, bagi negeri Perlis masih lagi di bawah pihak Istana. Bagi mereka yang mempunyai kepentingan di sekitar Istana, kuasa mereka agak luas dan pengaruh mereka agak besar.

Saya menyebutkan di sini, bukan Istana, mereka yang berkepentingan di di sekeliling, yang mungkin ada dalam majlis mempunyai pengaruh dan kuasa.

Datuk Haji Hashim bin Safin: *[Bangun]*

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya telah acap mendengar Yang Berhormat berkata ‘panas, panas’, saya pun rasa panas. *[Ketawa]* Fasal kita dok bercakap soal kita hendak menjuruskan, mempertingkatkan soal agama dan sebagainya.

Saya rasa, saya faham, tetapi kalau boleh Yang Berhormat ‘detail’kan, sebab masa ini Yang Berhormat sedang berucap, saya tadi tidak sempat hendak cerita, yang menyebabkan ‘kerusi itu panas’, dan orang berlegar. Ahli Yang Berhormat mungkin boleh jelaskan, bukan hasutan tetapi orang berlegar. Kalau orang berlegar di sekitar ini, apalah caranya untuk kita menjadikan ‘kerusi itu tidak panas’, kita sejukkan atau kita potong mana-mana yang ‘panas’ kalau boleh!

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat sukarlah bagi Yang Berhormat hendak jelaskan, saya ingat biarlah itu!

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya rasa kebijaksanaanlah perlu bagi kita untuk kita menyelesaikan masalah ini dengan satu kebijaksanaan supaya semua pihak terbela, semua pihak terjaga dan matlamat kita untuk menentukan supaya agama Islam ini dapat kita seragamkan demi untuk pembangunan umat Islam di negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja yang dapat saya sebutkan di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi Yang Berhormat?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Sedikit lagi!

Tuan Yang di-Pertua, itulah sebenarnya, masalah yang kita hadapi dan saya juga ingin mendapat penjelasan daripada pihak menteri, sebab saya tidak arif dalam soal Majlis Agama Islam (Kuasa-kuasa) dan juga Ahli Majlis Fatwa yang tadi tidak disebutkan oleh pihak menteri.

Dalam masa kita bertugas agaknya ada di situ perlu kita mengadakan satu penyelarasan yang di samping penyelarasan di peringkat Pusat. Jadi, kalau dapatlah, saya juga berharap mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai majlis-majlis dan jawatankuasa-jawatankuasa di peringkat negeri ini supaya semua pihak ini dapat kita berperanan untuk menentukan supaya pentadbiran agama Islam ini menjadi satu pentadbiran yang cemerlang demi untuk masa depan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi mengenai poligami yang disebutkan tadi, saya juga berpendapat kerana kelemahan dalam pentadbiran hal ehwal agama Islam dan juga kelemahan kefahaman umat Islam mengenai poligami ini, ia menjadi isu yang kadang-kadang disalahertikan.

Bagi wanita, saya fikir wanita yang faham mengenai agama, yang mendalami agama, wanita sebenarnya tidak menentang poligami, sebab poligami telah pun tertulis di dalam Al-Quran, bagi yang bukan Islam mungkin merasakan bahawa ada keraguan dan sebagainya.

Wanita Islam tidak menentang poligami, yang kita tentang hari ini adalah pelaksanaan poligami itu sendiri. Jadi, di situ saya fikir JAKIM perlulah benar-benar berperanan supaya kalau benar-benarlah ada pihak-pihak yang ingin melaksanakan poligami ini, biarlah ia melaksanakan poligami ini sebagaimana yang telah ditentukan

oleh agama. Kita tidak mahu ada penipuan, ada pembohongan, ada penganiayaan, ada ketidakadilan dan sebagainya.

Saya berterima kasihlah kepada Yang Berhormat Datuk Rahim tadi yang telah pun mengangkat masalah banyak isteri tidak dimaklumkan. Sepatutnya kalau pihak lelaki ingin berpoligami, saya merasakan adalah menjadi tanggungjawab bagi beliau sendiri untuk memaklumkan kepada keluarga, berbincang dan menentukan supaya pelaksanaan ini tidak menggugat keharmonian rumah tangga.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang dapat saya sampaikan dan saya sekali lagi mengucapkan syukur kepada Allah S.W.T. menyokong Rang Undang-undang Perkhidmatan bersama (Pegawai Hal-Ehwal Islam) 1997. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail.

5.10 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk turut membahaskan rang undang-undang yang bernama Suatu Akta Perkhidmatan Bersama (Pegawai Hal-Ehwal Islam) 1997.

Tuan Yang di-Pertua, agama Islam adalah agama rasmi negara dan perkara ini telah pun termaktub dalam Perlembagaan. Kita bersyukur kerana rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang bukan beragama Islam turut mengakui hakikat ini dan turut memberi perhatian dalam masalah rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang hendak saya sentuh sedikit ialah kita perlu melihat agama Islam dalam skop yang lebih luas. Kita tidak boleh melihat agama Islam sebagai milik orang Melayu. Kita tidak harus melihat agama Islam sebagai masalah orang

Melayu. Sebenarnya, agama Islam ialah agama universal, agama untuk semua manusia, sebab itu kefahaman Islam ini perlu dijelaskan.

Oleh yang demikian, walaupun kita telah merdeka hampir 50 tahun - 40 tahun lebih dan kedudukan agama Islam itu sudah berada di dalam Perlembagaan sejak daripada mula kita mencapai kemerdekaan lagi.

Saya rasa kita masih tidak terlambat untuk meminda undang-undang ini di mana hal-hal yang berkaitan dengan urusan pentadbiran agama Islam dapat kita selaraskan dan dapat kita mencari satu jalan untuk memulihkan imej Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak masalah yang timbul di hadapan kita pada hari ini ialah masalah kekurangan kefahaman dari segi penghayatan Islam itu sendiri, bukan kelemahan yang berada di dalam agama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kedudukan agama Islam telah ditetapkan di dalam Perlembagaan oleh pihak penjajah yang mana meletakkan urusan pentadbiran agama ini di bawah bidang kuasa pihak-pihak tertentu, institusi tertentu

Tuan Yang di-Pertua, saya ulang balik, walaupun kedudukan agama Islam di dalam Perlembagaan telah ditetapkan oleh penjajah yang bukan daripada orang Islam yang satu masa dahulu mungkin nampak muslihat tertentu, kepentingan tertentu, mungkin juga muslihat hendak memecah-belahkan orang-orang Islam dengan orang-orang Islam dan mungkin juga untuk meninggalkan suatu masalah yang akan berterusan, akan berlarutan, maka dengan itu kedudukan Islam itu sampai sekarang ini masih terawang-awang, sukar hendak kita selesaikan. Ini mungkin salah satu punca. Maka saya mencadangkan supaya pihak kerajaan melihat dari aspek ini.

Saya rasa, kerajaan tidak perlu mengemukakan suatu rang undang-undang untuk meminda peruntukan itu.

Apa yang kerajaan boleh buat ialah dengan mewujudkan suatu akta baru dari segi menguruskan pentadbiran yang berkait dengan hal-hal yang ada kena mengena dengan agama Islam. Kita harus menangani secara bijaksana, secara berhemah supaya pihak-pihak yang diberi bidang kuasa dalam hal agama Islam ini tidak terasa bahawa kita hendak menghakiskan kuasa mereka dan memang kita yang menuntut kemerdekaan tidak langsung berhasrat untuk menyisihkan istana atau institusi yang satu masa dahulu memang menjadi satu tempat untuk kita bergantung. Hakikat ini harus dilihat secara positif. Kita tidak mahu pihak-pihak tertentu melihat seolah-olah kita mahu merampas kuasa pihak tertentu.

Sebenarnya soal mengambillalih bidang kuasa ini tidak timbul tetapi yang penting sekali pihak-pihak yang diberi kedudukan dari segi Perlembagaan bertanggungjawab dalam hal-hal agama ini hendaklah memahami apakah bidang tugas yang boleh meningkatkan imej agama itu sendiri. Kita tidak mahu memegang kuasa tetapi apabila pelaksanaannya benda itu tidak boleh dijalankan untuk kepentingan perkara yang diberi kuasa itu.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, masalah di negeri Perlis sekarang ini - saya sebagai Senator yang dilantik di Perlis, masalah itu telah dapat kita atasi iaitu hal-hal yang bersangkutan dengan perlantikan, lembaga masjid, imam, pegawai segalanya, kerajaan yang membuat perlantikan dan hal ini pihak institusi tertentu telah pun memahami dan menerima hakikat dan mereka sekurang-kurangnya sekarang ini telah pun tidak lagi campur tangan, maka tidak nampak bercanggah dari segi agama sebab kalau kita mentadbir kerajaan negeri, Menteri Besar itu sebagai penasihat kepada majlis dan kalau nasihat ini tidak boleh diterima, maka saya yakin dan percaya kedudukan agama Islam dalam Perlembagaan sebagai agama rasmi, maka fungsi dan peranan itu tidak bermakna sama sekali.

Datuk Haji Hashim bin Safin: *[Bangun]*

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, pindaan rang undang-undang ini saya rasa sedikit sebanyak memberi suatu 'injection', dengan izin, suatu kuasa dari segi pentadbiran untuk macam saya kata tadi mengambil tindakan yang berhemah, yang berhati-hati - 'tarik rambut dalam tepung'. Jadi ini suatu perkara yang saya rasa sesuai dengan apa yang saya sebut tadi kita tidak usah ganggu-gugat dengan peruntukan dalam Perlembagaan....

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang minta laluan nampaknya.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Minta laluan sedikit. Tadi Yang Berhormat bercakap mengenai dua jabatan yang terlibat dalam soal agama ini iaitu Jabatan Hal Ehwal Agama Islam di bawah negeri dan satu lagi Majlis Agama Islam yang mempunyai kuasa di bawah Sultan ataupun Raja negeri. Apakah di Perlis tidak ada percanggahan, kadang-kadang kuasa majlis ini boleh mengatasi segala-galanya bila berkaitan dengan hal ehwal agama. Misalnya, di Kelantan, satu ketika pihak majlis memihak kepada kerajaan negeri dan imamkah, khutbahkah, apakah gerakan aktiviti Maulud, bantuan kemiskinan dan sebagainya daripada majlis menjurus kepada sokong kepada satu-satu pihak. Bila bercanggah balik, berpindah!. Ini menunjukkan bahawa kuasa majlis itu masih boleh merupakan kuasa penentu ataupun dominant, dengan izin, kepada soal agama itu. Kalau boleh, Tuan Yang di-Pertua, sedikit pengalaman Perlis ataupun kalau ada masalah bagaimana agaknya kita boleh selesaikan? Terima kasih.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh pada pandangan saya, masalah-masalah sampingan yang berbentuk penghujahan itu kalau boleh, minta dikurangkan supaya penjelasan cara umum itu boleh disampaikan.

Dalam masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, macam sahabat saya sebut tadi, inilah yang menjadi masalah bila agama dicampuradukkan dengan kepentingan politik. Di Kelantan, kerajaan parti PAS memerintah, maka oleh sebab itu pemerintah yang mentadbir itu akan menggunakan untuk kepentingan politik mereka tetapi di Perlis, Kerajaan Barisan Nasional, oleh sebab itu Majlis Agama Islam di Perlis dengan Majlis Agama Islam di Kelantan, dia juga berbeza. Jadi, saya rasa masalah di Perlis tidak timbul, cuma yang ada sedikit-sedikit sahaja yang kadang-kadang ia tenggelam begitu sahaja. Majlis ada, cuma soal-soal dasar tetapi pelaksanaannya kerajaan negeri di bawah Jabatan Agama Islam. Jadi, macam di Kelantan saya tidak tahulah sebab kerajaannya PAS, Menteri Besarnya PAS, Exconya PAS, Raja pun mungkin kadang-kadang, dia tengok belah mana ada kepentingan dia, dia pun ikut arus itu.

Macam Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad pernah kata, ada setengah orang menganggap golongan ini lebih Islam daripada golongan Islam yang lain. Ada pula di dalam Islam yang degreenya berbeza-beza sedangkan tidak ada ayat Quran, tidak ada hadis yang mengatakan orang ini bolehmendakwa dia lebih Islam daripada orang Islam yang lain. Hakikat ini perlu diterima.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan.....

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf sedikit Yang Berhormat. Saya minta di bawah Peraturan 6(3) minta Yang Berhormat Tuan Hanipah mengambil tempat di atas sekejap.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat, dipersila teruskan ucapan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingatkan seksyen tadi ini menghalang saya timbulkan soal-soal sensitif, itu sebab saya buka Peraturan Mesyuarat tetapi rupanya hendak tukar Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, pun juga sahabat saya dari Perlis. Saya hendak meneruskan berkenaan dengan pindaan undang-undang yang dibuat ini. Saya rasa macam saya sebut tadi, adalah paling tepat dan sesuai sekali. Sekarang ini kita sudah ada universiti Islam, kita sudah ada bank Islam dan kita sudah ada sekolah-sekolah institusi pengajian tinggi Islam. Produk-produk Islam sekarang ini sudah mula difahami oleh orang bukan Islam dan saya masih teringat lagi Ridhuan Tee yang menjadi Pengerusi Forum Perdana masa kita buat Forum Perdana yang disiarkan melalui televisyen dan sebagainya, dia sebut kadang-kadang dia rasa sedih sebab dia orang Cina masuk Islam tetapi orang Melayu duduk dalam perut sudah jadi Islam. Masa belum lahir lagi sudah jadi Islam, keluar pun sudah Islam dan jadi Islam dengan tidak payah mengucap, tidak payah apa tetapi bila orang bukan Islam hendak masuk Islam, dia terpaksa hendak belajar, ambil tahu, lepas itu mengucap.

Saya gambarkan benda ini semua iaitu sekarang ini apabila perkara-perkara yang saya sebut tadi; universiti Islam, Mahkamah Syariah yang dinaikkan taraf sama dengan mahkamah-mahkamah sivil dan kita tidak boleh nafikan pegawai-pegawai di Jabatan Agama Islam pun sekarang ini status mereka sudah meningkat. Guru-guru agama pun sudah jauh kedudukan gaji mereka, tidak lagi seperti dahulu. Cuma bilangan, memang itu kurang lagi dan kalau kita

perhatikan sekarang ini, imej Islam sudah semakin meningkat. Tentang berlaku gejala sosial dan sebagainya, itu perkara biasalah, lumrah. Tuhan sudah kata, hak buat baik dia dapatlah pahala, hak buat dosa malaikat tulis macam itu juga, sebab itu dia kata syurga dan neraka itu memang ada. Pertimbangan di akhirat pasti akan berlaku, itu perkara biasa tetapi pokoknya Islam sekarang ini sudah mengalami suatu reformasi yang kita perlu terima dan memang sesuai sekali dengan akta ini iaitu untuk mengadakan suatu akta perkhidmatan bersama.

Apa yang saya harapkan pihak Jabatan Agama Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri hendaklah selain daripada mengadakan akta ini memberi latihan dan kursus kepada pegawai-pegawai itu supaya diubah sikap, minda dan pemikiran. Bukan ubah akta sahaja. Tidak memadai ada Al-Quran kalau Al-Quran kita tidak baca, memahami dan menghayati. Lebih berkesan lagi latih orang yang hendak libat sama.

Kalau kita ada peruntukan boleh tambah pegawai dan sebagainya tetapi pegawai-pegawai itu hendaklah kita juruskan, kita jangan beri ada dalam pemikiran mereka bila mereka hendak diambil bekerja di pejabat agama, maka mereka fikirkan hal yang berkait dengan agama sedangkan konsep agama ialah cara hidup. Kalau agama itu cara hidup, maka dia sudah tentu merangkumi segala aspek kehidupan. Dia mesti fikir yang lebih luas, sebab itu pandangan saya bila kita sebut kerja mufti, kerja kadi, janganlah fikirkan kadi itu hanya untuk nikah cerai, fasal hendak menikah dua dan sebagainya, hak itu sahaja.

Pegawai-pegawai agama ini mempunyai tanggungjawab yang menyeluruh sebab Islam itu cara hidup dan cara hidupnya pula, cara hidup yang sempurna, tidak ada penindasan, rasuah atau perkara-perkara yang tidak diterima oleh masyarakat. Jadi, ini menjadi tugas yang cukup berat. Kalau boleh biarlah Jabatan Agama Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri ini wujudkan satu institut latihan - pusat latihan pegawai-pegawai hal ehwal Islam yang akan memberi latihan yang menyeluruh, segala aspek. Jadi, orang yang bukan Islam pun bila dia masuk Islam, dia juga boleh menjadi kadi, dia juga boleh jadi mufti atau pegawai dakwah macam sekarang ini. Kita tidak mahu orang Melayu yang beragama Islam sahaja yang kita lantik padahal orang-orang lain, India dan sebagainya masuk agama Islam, mereka ini juga patut diberi tempat. Yang penting kefahaman dan penghayatan dan keberkesanan orang itu hebat.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut dahulu kebanyakan sekolah-sekolah agama kerajaan sekarang ini, baik di peringkat negeri mahupun di peringkat federal, semuanya mempunyai keputusan yang cukup cemerlang. Masalah gejala sosial paling kurang dan saya pernah dengar Kementerian Pendidikan mengatakan bahawa modul, contoh sistem yang dijalankan di sekolah-sekolah agama ini juga akan dijalankan di sekolah-sekolah biasa. Ini menunjukkan bahawa produk yang lebih memberatkan kepada soal agama ini memberi suatu jaminan kebaikan, maka sudah tentulah pindaan undang-undang ini seperti yang saya sebut tadi, ia hendaklah memberi penekanan kepada pendidikan dan latihan pegawai itu dalam segala bidang yang ada kaitan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa rakan-rakan Yang Berhormat telah banyak menyentuh berkenaan perkara ini dan saya yakin penuh dengan pindaan undang-undang ini dan insya-Allah, kemungkinan satu masa nanti ada pindaan-pindaan yang mungkin perlu dibuat untuk memantapkan lagi kelemahan-kelemahan yang ada dan sudah tentu akan sampai satu ketika di mana penghayatan dan penggunaan agama Islam ini boleh diterima oleh semua pihak dan akan memberi kebaikan kepada semua rakyat Malaysia ini termasuk yang bukan beragama Islam terutama sekali dari segi ekonomi, pembangunan, keselamatan dan juga meningkatkan taraf hidup masing-masing.

Sekian, dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat Tuan Haji Sairin.

5.28 ptg.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu seperti rakan-rakan, saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri atas pembentangan Rang Undang-undang Perkhidmatan Bersama Pegawai Hal-Ehwal Islam 1997. Saya akan cuba berucap ringkas mungkin sebab Yang Berhormat di sebelah pun tadi mahu berdiri.

Telah sampai waktunya penyelarasan pentadbiran hal-ehwal Islam dilaksanakan, namun di bawah Fasal 1(2) akta hanya terpakai bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, negeri Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Selangor, bermakna negeri-negeri lain adalah terkecuali melainkan disebut dalam Fasal 1 (3) iaitu:

“1(3) walau apa pun subseksyen (2) jika mana-mana Negeri lain membuat permintaan kepada Kerajaan Persekutuan supaya pemakaian Akta ini diperluas kepadanya.....”

Tuan Yang di-Pertua, seperti harapan rakan-rakan yang telah turut membahaskan rang undang-undang perkhidmatan bersama telah sesuai lah waktunya agar pemartabatan ke suatu tahap status mufti seperti yang disebut di negeri Perlis, saya ingin mengucapkan tahniah. Walaupun ia bertaraf Exco, tetapi ini adalah satu penghormatan yang sememangnya sesuai dan kena pada tempatnya.

Saya juga ingin mencadangkan supaya kadi-kadi yang dilantik kalau dapat disamatarafkan dengan pegawai-pegawai daerah, termasuklah kemudahan-kemudahan untuk bertugas. Sebab kalau tidak silap saya, kelmarin ada cadangan daripada rakan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz di mana status ini biarlah sebagai sama seperti ADO. Jadi, saya ingin naikkan sedikit supaya biarlah sama dengan DO atau pegawai daerah.

Sememangnya negeri Sabah juga bersetuju sangat dengan Rang Undang-undang Perkhidmatan Bersama (Pegawai Hal-Ehwal Islam), apa lagi dalam keadaan sekarang. Sebagai makluman, negeri Sabah tidak kurang daripada 300 guru agama. Maknanya, 300 orang guru agama di Sabah sehingga hari ini dan alhamdulillah, Kementerian Pendidikan telah membantu mengatasi masalah ini di mana 80 orang telah dilantik untuk mengajar, mendidik di sekolah-sekolah agama di merata tempat di seluruh Sabah tetapi malangnya negeri Sabah masih memerlukan tidak kurang daripada 120 guru agama yang mana hal ini berlanjutan daripada dahulu sehingga hari ini.

Masalah kekurangan mufti, kadi dan pegawai-pegawai serta kakitangan agama juga di negeri Sabah khususnya sehingga telah menimbulkan beberapa masalah terutama dari segi pembahagian harta atau tuntutan waris yang mana sebelumnya kita mengiktiraf pembahagian harta pusaka atau tuntutan waris, baik mereka yang beragama Islam dan bukan beragama Islam melalui undang-undang sivil iaitu hanya dengan menggunakan Jadual III. Akibatnya kekurangan kakitangan jabatan agama, masyarakat Islam terpaksa membelanjakan sejumlah wang yang banyak hanya untuk menuntut harta pusaka yang diwarisinya.

Sebagai contoh, satu kes di Sandakan, ayahnya telah meninggal dunia. Peninggalan ayahnya cuma berjumlah RM600. Oleh kerana berulang alik, berulang alik berjumpa dengan kadi di Sandakan, akhirnya wang yang beliau telah gunakan untuk mengurus tuntutan waris ini sebanyak RM500, jadi yang tinggal kepada beliau hanyalah RM100. Alangkah sedihnya bila kita mendengar hal ini walhal kalau mereka gunakan, kalau kita masih mengiktiraf Jadual III ini, barangkali satu sen pun tidak digunakan atau kalau ada perbelanjaan pun tidak sebanyak seperti yang berlaku kepada orang-orang atau masyarakat Islam di negeri Sabah.

Saya mohon perkara ini agar Jabatan Perdana Menteri dapat mengambil tindakan sewajarnya dengan apa cara sekalipun. Seperti juga yang pernah saya sentuh satu ketika dahulu, guru-guru Kafa yang bertugas di negeri Sabah oleh kerana barangkali peralihan daripada BAHEIS kepada JAKIM, ianya berlarutan sehingga hari ini dan sehingga hari ini saya belum mendapat jawapan sama ada masalah Kafa ini telah dapat diatasi, termasuklah penyelia-penyelia Kafa di negeri Sabah di mana tidak mempunyai pejabat dan tidak tahu bagaimana cara untuk mengurusnya sebab tempat untuk berurusan kepada guru-guru Kafa ini tidak ada. Saya mohon ini juga dapat diambil perhatian dan dapat diberi jawapan serta penyelesaian secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah pentadbiran umat Islam di Sabah bermula daripada zaman merdeka iaitu 1963 di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Apabila Majlis Agama Islam diwujudkan, maka MUISlah yang dipertanggungjawabkan dalam hal-ehwal agama. Seperti juga BAHEIS yang bertukar kepada JAKIM, MUIS juga telah bertukar kepada JAHEINS iaitu Jabatan Hal-Ehwal Islam Negeri Sabah. JAHEINS di negeri Sabah sedang menggubal enakmen bagi memantapkan reformasi di dalam JAHEINS secara menyeluruh. Untuk itu, bagi negeri Sabah kita memerlukan struktur pentadbiran dan perlu diberi masa untuk mentadbir memandangkan kita masih muda, dengan izin, masih junior. Insyallah, barangkali pada satu masa yang sesuai kita akan turut bersama-sama dengan negeri-negeri lain bagi menyeragamkan akta yang kita perbincangkan pada hari ini.

Saya juga ingin mencadangkan supaya bidang kehakiman diseragamkan di seluruh negara. Kalaupun tidak keseluruhannya, tetapi saya percaya Jabatan Perdana Menteri telah mempunyai perancangan yang cukup terperinci dan baik untuk bidang kehakiman ini diseragamkan. Yang kedua, kalaulah Jawatankuasa Penyelidikan atau Institute Development of Study, kalau ini tidak diambil alih oleh IKIM, saya juga ingin mencadangkan supaya R&D dapat dibentuk dalam konteks ini.

Saya juga turut menyokong supaya Suruhanjaya Perkhidmatan Hal-Ehwal Islam 1997 yang mana mengkaji segala-gala yang berpatutan, termasuklah gaji, perkhidmatan dan sebagainya kepada mereka yang bertugas di Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam.

Jadi untuk itu, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan dengan ini saya menyokong.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Dijemput pihak menteri menjawab.

5.36 ptg.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat seramai 9 orang yang telah mengambil bahagian untuk membahaskan rang undang-undang ini. Mereka ialah Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba, Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Ali, Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim, Yang Berhormat Datuk Haji Hashim bin Safin, Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin, Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail dan Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno.

Saya cukup kagum dengan pandangan-pandangan dan perbahasan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan kadangkala perbahasan ini mutunya di Dewan Negara dan Dewan Rakyat adalah tidak banyak berbeza. Dalam rang undang-undang ini, di Dewan Negara ini lebih ramai yang mengambil bahagian berbahas mengenai rang undang-undang ini. Jadi, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih. Saya memuji ini sebab saya hendak minta izin supaya saya jawab pendek-pendek sahaja. *[Ketawa]* Jadi, mana-mana yang saya tidak jawab, saya ambil perhatian supaya mana yang patut dan sesuai untuk dilaksanakan, insya-Allah, kita akan laksanakan dari masa ke semasa.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman menyarankan supaya jawatan kadi di semua daerah sama dengan pegawai daerah ataupun sedikit berbeza. Ini kita akan ambil perhatian. Pada hakikatnya memanglah di tiap-tiap daerah, pegawai daerah itu mestilah berjawatan lebih tinggi dengan mana-mana ketua jabatan lain kerana pegawai daerah itu merupakan Pengerusi Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah, jadi pengerusi mestilah lebih tinggi di daerah.

Mengenai Mufti dari kalangan ahli Exco, memang setakat ini tidak ada mana-mana negeri yang melantik Mufti sebagai ahli Exco. Di Perlis hanya dinaikkan taraf. Sebab apabila kita hendak melantik Exco, Mufti jadi Exco, kita mesti ada buat perubahan enakmen negeri barulah dibolehkan, sebab bilangan Exco itu ada ditentukan dan Ex-Officio hanya tiga, tidak termasuk lagi Mufti, hanya Pegawai Kewangan Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri dan seorang lagi Penasihat Undang-undang. Inilah yang menjadikan Exco masuk di peringkat negeri. Jadi, ini

terpulanglah kepada kerajaan negeri sama ada hendak meminda enakmen negeri masing-masing ataupun menaikkan status Mufti itu setaraf dengan Exco, itu terpulanglah kepada kerajaan negeri.

Selain daripada itu, mengenai dengan masjid hendak dibekalkan dengan Internet dan komputer supaya dapat menjalankan aktiviti yang lebih baik lagi. Ini memang usaha kerajaan dan kita memang menyarankan terutama sekali masjid-masjid yang besar di peringkat negeri supaya ada komputer, jadi senang untuk menyimpan maklumat yang patut diisi dan kadangkala kita boleh menyimpan dalam komputer ini khutbah-khutbah yang baik. Jadi, apabila kita hendak mengadakan khutbah, senang kita hendak menyemak balik apa yang patut kita buat pada tiap-tiap Jumaat yang kita laksanakan.

Mengenai pengurus masjid, memang kita ada lantik seorang pengawal melihat masjid-masjid di seluruh daerah kita sudah lantik. Dia mengawal supaya masjid-masjid itu berjalan dengan baik dan berkeadaan baik bukan sahaja dari segi imam dan sebagainya menjalankan tugas tetapi daripada segi fizikal masjid itu kita mengharapkan supaya sentiasa diurus. Memanglah Islam menggalakkan supaya masjid itu bukan sahaja tempat sembahyang fardhu ain ataupun fardhu Jumaat, tetapi kalau boleh mengadakan aktiviti lain seperti syarahan agama, mungkin tadika Islam, mungkin riadah di tepi masjid, mungkin kita boleh mengadakan pameran perdagangan, yang tidak dibolehkan ialah di dalam masjid tetapi di kawasan masjid memang boleh kita mengadakan aktiviti perdagangan dan sebagainya. Inilah sepatutnya kita menaikkan taraf masjid itu bukan sahaja tempat beribadah.

Selain daripada itu, saya ingin menjawab sedikit sebanyak daripada Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba, tetapi orang yang bercakap semuanya tidak ada. Kita mengambil perjawatan ini kita menggunakan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Pegawai di peringkat ini kita menggunakan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan sebab pegawai ini berpangkat tinggi, tetapi mana-mana pegawai lain kita boleh menggunakan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri, tidak ada masalahnya. Misalnya perkeranian di peringkat negeri, kita boleh ambil daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri tetapi untuk bertukar mungkin memakan masa, dia terpaksa meminta kelulusan daripada JPA dan SPA kalau dia hendak bertukar ke negeri lain. Tetapi kalau kita semua ini di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, pengambilan guna sama ini kita senang untuk bertukar ke negeri-negeri yang ditetapkan ini.

Masalahnya mengapa tidak kesemua negeri ini masuk, mungkin menjadi halangan. Masalahnya tidak berlaku sedangkan pegawai PTD adalah merupakan pegawai guna sama, Pegawai Perkhidmatan Pentadbiran dan Diplomatik adalah di bawah guna sama yang diambil oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan. Pegawai-pegawai ini hanya berkhidmat dengan empat buah negeri sahaja, iaitu Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Ini adalah mengikut akta yang ditentukan, jadi kita tidak mengambil pegawai ini daripada negeri lain untuk berkhidmat di negeri lain. Misalnya di Kelantan ada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam sendiri, Johor ada

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam sendiri, Kedah ambil pegawai-pegawai di negerinya daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dia sendiri.

Jadi, pegawai guna sama ini walaupun kita tidak dapat semua negeri, cuma empat buah negeri, lima buah negeri ataupun enam buah negeri, tetapi kita boleh menyelaraskan bahkan pegawai guna sama hal-ehwal Islam ini lebih baik, lebih luas daripada penggunaan pegawai guna sama di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang berkhidmat di empat buah negeri yang saya nyatakan tadi bahkan ini lebih. Dari segi Perlembagaan yang kita gunakan ialah Perlembagaan 133(1) yang mana:

“133(1) Perkhidmatan bersama yang am bagi Persekutuan dan bagi satu atau beberapa buah negeri atau, atas permintaan negeri-negeri yang berkenaan itu, bagi dua buah negeri atau lebih, boleh ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan”.

Jadi, kita berdasarkan ini. Sekarang kita sudah lebih daripada satu ataupun dua buah negeri berkehendakkan pegawai guna sama, sebab itu tidak ada halangan kita hendak membuat undang-undang ini di atas permohonan yang lebih daripada sebuah ataupun dua buah negeri. Jadi, atas dasar inilah kita membuat undang-undang ini untuk kegunaan guna sama.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Ali dan juga Datuk Rahim bin Baba menyentuh mengenai dengan Perlembagaan tadi, saya telah jelaskan serentak.

Mengenai poligami, memanglah ini dibolehkan mengikut Islam. Dari segi pelaksanaan, dari segi tingkat mutu keadilan ini sebenarnya memang sukar untuk kita menentukan sebab manusia ini tidak boleh hendak menunaikan keadilan yang sebenarnya. Hanya yang penting bagi kita ialah dari segi tanggungjawab dan kemampuan untuk menjalankan keadilan yang semampu mungkin, itu yang dikehendaki. Jangan disengajakan tidak melakukan keadilan mengikut kemampuan kita. Itu tidak boleh. Islam kita maknanya semampu mungkin buat keadilan, maka itulah yang digalakkan. Tetapi janganlah kita disabitkan benda ini dibolehkan oleh Islam sehinggakan kita terlupa benda itu dibolehkan oleh Islam. Tetapi maknanya, walau mana kerajaan atau negeri sekalipun, memang berusaha supaya sebaik mungkin mereka yang hendak berpoligami ini mestilah mempunyai kemampuan.

Kita tidak mempersoalkan ini, ini, ini mesti adil, tidak, tetapi kemampuan. Tanggungjawab suami walaupun empat isteri, tanggungjawab dia adalah serupa tanggungjawab sebagai seorang suami. Tanggungjawabnya serupa. Adil dari segi kemampuan ialah dari segi tempat kediamannya, nafkah lahir dan batinnya. Kalau perlu hendak menambah sedikit kekuatan, dengan menggunakan ubat sedikit mungkin boleh gunalah. [Ketawa] Itu terpulanglah kepada kebolehan seseorang itu. Tetapi mesti kemampuan itu serupa. Berertinya, kalau kita menjaga seorang isteri begitu adilnya, kalau tambah pun begitulah, sebab kita suami kepada isteri-isteri. Kita tidak boleh buat kelainan yang begitu berbeza. Itu yang kita tidak dibenarkan dalam Islam.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat biasa tambah ubat?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tentang ubat, saya ingat kalau orang itu isterinya ramai mungkin dia gunakan ubat, tetapi saya belum lagi. *[Ketawa]* Ada yang mengganggu. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Wan Intan, terima kasihlah kerana memberikan sokongan bil ini, dan insya-Allah maknanya apabila bil ini telah lulus, kita akan mengisi mana-mana jawatan yang kosong oleh Pegawai Hal-Ehwal Islam dengan secepat mungkin. Hanya saya hendak menjelaskan pengwujudan jawatan ini mempunyai proses yang tertentu serupalah dengan jawatan yang lain. Kita membuat cadangan kepada JPA. Kemudian, apabila dapat kelulusan ataupun persetujuan JPA terpaksa kita bincang balik dengan Perbendaharaan. Jadi, dua kementerian ini mesti lulus. Ertinya, apabila JPA lulus dengan pengwujudan jawatan, mesti ia membuat pengakuan kepada Perbendaharaan. Apabila Perbendaharaan setuju baru dikeluarkan waran perjawatan. Bila ada waran perjawatan, barulah dihantar kepada SPA, dan SPA membuat iklan, barulah jawatan itu boleh diwujudkan.

Kita tidak risau dari segi kelayakan pegawai....

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: *[Bangun]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat, ada minta laluan.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Saya ucap ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya minta berjaya dan berkesan, tetapi jangan lupa pentingnya gaji itu pun naiklah juga. Janganlah setakat itu juga, memang tidak dapat pegawai.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bagi pegawai ini, kita mengikut skim perkhidmatan yang tertentu. Kita mengikut tangga gaji yang tertentu dan mengikut kelayakannya. Jadi, kita mengiklankan mengikut skim yang tertentu. Orang yang memohon pun mengikut kelayakan tertentu, tangga gajinya tertentu dan peluang naik pangkat pun ada juga. Jadi, maknanya kita biasalah, ada peluang untuk naik pangkat serupalah dengan pegawai-pegawai yang lain, insya-Allah.

Mengenai kes-kes patut disegerakan, memanglah di atas dasar kita tahu bahawa banyak kes yang lambat diselesaikan bukan sahaja kerana tidak ada evidence yang meyakinkan, tetapi juga kadangkala kita kedatangan kekurangan pegawai dan kakitangan, sebab itu kita buat akta ini. Tidak ada penyelarasan, kekurangan pegawai dan kakitangan, maka sebab itulah kita buat akta ini supaya kita menambah kakitangan dan dapat menyelaraskan cara-cara untuk menyelesaikan satu kes itu diselaraskan di seluruh negara dan kita juga telah mengasingkan Mahkamah Syariah dengan pegawai tadbir agama, inilah semuanya yang kita hendak menyelesaikan masalah-masalah ataupun kes-kes mengenai Islam itu dapat disegerakan.

Begitu juga mengenai ceramah. Tentang penceramah ini, kita memang cuba supaya mengikut peraturan yang dibolehkan. Kadangkala penceramah ini kalau di peringkat daerah ada yang terlepas daripada kebenaran kita. Tetapi kita buat semua ceramah ini mestilah di peringkat daerah mendapat kelulusan daripada kadi, selepas itu pula di peringkat Persekutuan mestilah penceramah-penceramah itu orang itu sendiri daripada JAKIM misalannya,

ataupun orang itu memang ada tauliah yang telah diberi oleh kerajaan negeri. Jadi, itulah pengawasan kita supaya mereka memberi ceramah itu tepat sebagaimana dikehendaki, tidak penyelewengan, dan kita juga menyarankan kalau boleh penceramah ini tidak usah kenakan apa-apa bayaran yang tinggi. Ia jangan menetapkan ceramahnya dengan bayaran yang tinggi, sebab kalau kita hendak besar pahala mestilah kita berkorban sedikit. Kalau kita ceramah tanpa bayaran atau tidak minta apa-apa bayaran, mungkin ceramah kita itu lebih disukai oleh orang ramai.

Begitu juga tok bomoh,....

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: *[Bangun]*

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:sekejap ya, dan sebagainya. Tok bomoh kalau mengubat orang janganlah minta atau demand duit tertentu. Tetapi kalau kata 'awak hendak beri berapa, saya pun ikhlas, saya terima'....

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:ya. Jadi, kadang-kadang tok bomoh macam ini lebih suka orang ramai kerana dia tidak meminta benda yang lebih-lebih, 'berapa ikhlas hendak beri terpulang, saya tidak minta.' Sebab tok guru dia mengata dahulu, 'kalau ilmu bomoh awak hendak menjadi, awak jangan minta apa-apa. Kalau orang hendak beri itu bab lain.' Begitu juga penceramah agama, sepatutnya kalau hendak lebih disukai oleh orang ramai, kita jangan buat permintaan yang tertentu, tetapi kita ikhlas memberi ceramah. Kalau mereka hendak beri ikhlas, itu terpulang kepada kita. Kalau kita tidak terima nanti terasa hati pula, itu tidak baiklah. Jadi, kalau dia beri kita terima, itu yang sebaik-baiknya.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: *[Bangun]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat, ada minta laluan.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak beri pandangan sedikit dan harap mendapat jawapan dari pihak Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, iaitu dari segi penerangan dan pendidikan melalui ceramah sama ada media elektronik dan lain-lain. Kita biasa mendapati bahawa JAKIM umpamanya, dalam media elektronik selalunya mendedahkan beberapa orang ulama tertentu sahaja. Saya pernah timbulkan masalah ini di Dewan Rakyat dahulu, iaitu apabila kita mendedahkan, cuma tiga-empat orang sahaja. Akhirnya, mereka ini akan menjadi macam pop singer, orang yang ter'popular', dan mereka akan merasa diri mereka popular dan ke mana-mana pun orang menjemput mereka yang selalu didedahkan dalam TV.

Oleh yang demikian, saya berharaplah kerana kita ada banyak ulama, banyak orang yang boleh jadi pakar rujuk, bukan dua-tiga orang sahaja. Kerana itu JAKIM seharusnya mendedahkan semua ulama yang ada di seluruh negara supaya mereka ini akan dipergunakan oleh masyarakat, dijemput ke sana sini untuk memberi ceramah bukan sahaja tertumpu kepada dua-tiga orang yang popular melalui TV sahaja. Saya harap ini dapat dipraktikkan. Dahulu

satu set, sekarang ini satu set yang lain pula, dia pakai set. Jadi, kita boleh nampak, ini yang berlaku. Apa salahnya kalau kita sentiasa menggunakan ulama yang lebih ramai supaya tidak sahaja beberapa orang tertentu yang menjadi pakar rujuk kepada rakyat Malaysia?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, dengan banyak set itu berertinya perubahan. Maknanya, dahulu satu kumpulan, sekarang satu kumpulan lain, itu perubahanlah. Dahulu kita sibuk dengan nama-nama tertentu, sekarang kita sudah ada yang lain. Insya-Allah, esok akan datang ada orang lain. Yang kedua, memang kita mengalu-alukan dan kita cuba mendapatkan menambah orang dahulu ataupun orang lain masuk untuk masuk ceramah dalam TV, forum dan sebagainya. Begitu juga dalam radio, kita buat di peringkat-peringkat siaran dalam negeri-negeri kita menjemput penceramah-penceramah agama yang lain daripada itu memberi ceramah daripada ulama-ulama tertentu di negeri-negeri. Maknanya, kita sentiasa mengadakan perubahan dari masa ke semasa dan menonjolkan mana-mana penceramah agama yang berkebolehan untuk bercakap kita jemput untuk menjadi penceramah. Kalau sekiranya ada di antara Ahli Yang Berhormat ingin, kita boleh jemput juga beserta dalam forum agama yang diadakan dalam TV. Jadi, kita sentiasa memberi peluang.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat hendak pendek sahaja, tetapi kadangkala apabila kita tidak menjawab, tidak memenuhi hasrat orang tidak sedap hati. Jadi, terpaksa saya memenuhi hasrat Yang Berhormat dengan semampu mungkin yang saya boleh, jadi saya cubalah sedikit-sebanyak.

Yang Berhormat Tuan Haji Hassan, menyentuh mengenai Pegawai Hal-Ehwal Agama Wanita. Memang skim perkhidmatan ini kita tidak tentukan kepada laki-laki sahaja. Kita terbuka kepada lelaki dan perempuan, selepas itu terpulanglah kepada kita hendak memilih beberapa bilangan lelaki dan bilangan perempuan, boleh kita ambil. Pada hakikatnya memang di JAKIM sendiri dan banyak tempat hampir 30%-40% memang pegawai wanita. Yang datang hari ini membuat laporan pun di antaranya pegawai wanita. Jadi, jangan risaulah. Tambahan pula di universiti, di institusi pengajian tinggi sekarang ini orang wanita cukup ramai, 60% ramainya. Jadi, jangan risaulah.

Sebab itu saya pernah bercakap, satu ketika dahulu wanita cukup segan untuk berjumpa dengan doktor laki-laki, sebab waktu itu doktor laki-laki yang ramai. Satu ketika akan datang doktor perempuan lebih ramai, orang laki-laki cukup suka berjumpa dengan doktor perempuan. *[Ketawa]* Begitu juga dalam kaunseling agama ini. Saya bayangkan orang laki-laki cukup suka jumpa dengan pegawai perempuan, dia tidak kisah, dia boleh bercakap dengan secara bebas, secara apa dia boleh bercakap, itu perkara biasa. Dia bercakap hal agama, dia bercakap benda yang sebenar, dia bukan bercakap hal luar daripada itu. Kalau jadi polis perempuan, jangan buat main, kalau dia kata 'denda', dendalah kita, susah hendak merayu. Jadi, dia lebih firm kadangkala daripada orang laki-laki. Ini semua kelebihan masing-masing. Tetapi dua jenis mestilah ada, laki-laki dan perempuan, kalau tidak macam mana kita hendak ada zuriat, itu mestilah ada.

Mengenai rumah kediaman Pegawai Hal-Ehwal Islam - Pejabat Kadi. Memanglah bukan sahaja Pejabat Kadi, pejabat yang lain pun....

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: *[Bangun dan keluar]*

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:hendak bertanya? Tidak mengapa, boleh balik. *[Ketawa]*

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Hendak jalan.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Sebab setahu saya kalau bawa barang tentu hendak balik, Yang Berhormat sengaja.

Mengenai rumah kediaman,...kalau hendak sampai pukul 12.00 pun tidak mengapa. Saya jawab sampai pukul 12.00 Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada hal. Kalau suruh saya berhenti, saya berhenti. Itu terpulang kepada Yang Berhormat.

Mengenai rumah kediaman Pegawai Hal-Ehwal Islam dan Pejabat Kadi, memanglah semua jabatan, perumahan ini memang kekurangan. Tetapi kita sentiasa memberi kepuasan serupa. Bererti, mana-mana pegawai kita usaha untuk mengadakan rumah dan sebagainya. Begitu juga menaikkan taraf Kadi, Pejabat Kadi serupa juga dengan jabatan lain. Ada di antara jabatan itu kerajaan negeri yang membuat bangunan. Mungkin pegawai daripada kerajaan negeri dan ada bangunan daripada negeri kita ambil pegawai daripada Persekutuan. Begitu juga Pejabat Kadi, negeri akan buat Pejabat Kadi, mungkin kita isikan dengan pegawai-pegawai Persekutuan. Jadi, terpaksa sentiasa ada kerjasama supaya perkara ini dapat diatasi dengan sebaik mungkin.

Mengenai supaya Pegawai Hal-Ehwal Islam menunjuk teladan yang baik. Semua orang, bukan sahaja pegawai Hal-Ehwal Islam sahaja mesti menunjukkan teladan yang baik. Semua manusia mesti menunjukkan teladan yang baik, barulah boleh baik. Janganlah bila hendak buat baik mesti Pegawai Hal-Ehwal Islam. Awak bukan Pegawai Hal-Ehwal Islam, jangan buat baik, tidak. Itu bukan ajaran Islam, itu tidak betul. Ertinya, semua orang apa sekali kedudukan, apatah lagi kita sebagai seorang Islam mesti menunjukkan teladan yang baik. Itu yang sebenarnya. Tidaklah tuju kepada Pegawai Hal-Ehwal Islam sahaja. Tetapi memanglah seelok-eloknya ia mestilah menunjukkan ini memanglah satu tanggungjawab, sebab dia hendak menasihati orang, hendak menghukum orang, hendak ajak orang buat kebaikan. Macam mana kita hendak mengajak orang menjadi malaikat, sedangkan kita berkelakuan macam iblis, susahlah. Itu memang tidak betul. Sekarang ini 'do what I do, don't do what I say. Dahulu tidak mengapa orang kata 'buat apa yang saya cakap, jangan buat apa yang saya buat.' Sekarang ini no. Islam tidak menggalakkan, you mesti ikut apa yang saya buat, jangan ikut apa yang saya cakap sahaja. Itu Islam yang sebenarnya.

Jadi, perkara ini kita mesti sama-sama faham supaya kita sama-sama meningkatkan Islam itu dengan penganut itu sendiri menunjukkan dia itu adalah seorang

Islam. Jadi, kita berharap supaya Islam dikehendaki yang kuat ketaqwaan kepada Allah itu, itulah Islam yang sebenarnya.

‘Tuan Pengerusi’, Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim, mengenai sistem organisasi, mengenai status dan lain-lain lagi, ini memang kita akan cuba membuat sistem organisasi itu kalau boleh di negeri yang berkenaan ini sama, mesti ketua jabatannya begini, ada pegawai penguatkuasanya, cukup penolongnya dan sebagainya, barulah undang-undang itu senang kita jalankan dengan sebaik mungkin.

Begitu juga dengan masalah Baitulmal, pungutan zakat, menggalakkan orang Islam dalam bidang ekonomi, ini memang Wilayah Persekutuan telah membuat perkara ini dan insya-Allah, kita bayangkan apabila kemajuan berlaku dari masa ke semasa akan diikuti oleh negeri-negeri lain.

Kita mesti patuh dan kita mesti akui bahawa bukan sahaja kemajuan yang dibuat ini melalui jabatan agama Islam, mungkin dalam jabatan yang lain pun di negara kita berbeza. Kita tidak serupa kemajuan di negeri-negeri. Setengah kemajuan negeri masing-masing lebih maju daripada kemajuan negeri di tempat lain, itu biasalah!

Kita jangan katakan pentadbiran Islam sahaja, tetapi pentadbiran yang lain cukup berbeza. Banyak negara yang penambahan pembangunannya kadangkala lebih baik daripada negeri yang lain, walaupun dalam satu kerajaan yang sama di Malaysia.

Jadi, itu lebih kurang saya punya perbandingan mengenai dengan kedudukan Islam dan lain-lain bidang dalam negara kita. Begitu juga mengenai dengan kes-kes yang lambat dan sebagainya. Begitu juga, kita akui bahawa mahkamah lain pun, bukan Mahkamah Syariah pun memang ada perkara yang lambat. Tetapi, hasrat kita bukan kita sengaja hendak melambatkan, sebab itulah kita cuba membanyakkan pegawai supaya kita dapat mempercepatkan perkara-perkara yang berbangkit.

Selepas itu saya pergi kepada Yang Berhormat Datuk Hashim bin Safin. Saya tidak tahu negeri Kelantan. Bagi kita mengalu-alukan semua negeri kalau sekiranya mahu hendak memberi kerjasama dalam masalah Pegawai Hal-Ehwal Agama Islam. Kita mengalu-alukan, maknanya kalau dia bersetuju, tidak ada hal, kita terima!

Tetapi, memanglah kita jangan politik dengan agama ini, agama ini janganlah digunakan untuk kepentingan politik semata-mata. Bagi kita untuk membangunkan agama ini adalah tugas semua orang yang beragama Islam, jangan kita mengatakan orang lain tidak hendak membangunkan Islam. Itu yang tidak boleh, bererti dia sahaja.

Apatah lagi adalah malangnya kalau sekiranya dia mengaku hanya orang yang parti dia sahaja Islam, ha itu, lagi tidak betul! Apa halnya orang Saudi Arabia yang tidak masuk parti PAS? Adakah dia Islam atau tidak? Sebab itu jangan disamakan PAS itu agama, agama itu PAS, dua perkara yang berlainan. Ha, itu kita mesti jelaslah. Sebab itulah kita minta supaya perkara ini jangan disalah bawa dan ini akan menyelewengkan pemikiran orang, terutama sekali orang ramai di peringkat bawah. Janganlah disebabkan kepentingan politik, kita sanggup mempermainkan agama, ini tidak baik.

Saya tidak tahulah, bilik 121, 012 ini ditukar-tukarkan, ha ini wallahu'alamu bissawab. Mengapa dia berbuat demikian? Sepatutnya janganlah buat perkara yang seperti ini.

Datuk Haji Hashim bin Safin: *[Bangun]*

Tuan Hanipah binti Ahmad: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua atau Tuan Pengerusi?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua!

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, sekarang ya?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Ya!

Datuk Haji Hashim bin Safin: Fasal saya hendak ikut Yang Berhormat tadi. Yang Berhormat sebut ‘Tuan Pengerusi’!

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Ha! Minta maaf.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, fasal kena ikut apa yang dicakap dan apa yang dibuat. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada soal Kelantan tadi, ialah Yang Berhormat baru sebut bilik 121, bilik 012 dan sebagainya. Kita kembali kepada soal Kelantan itu, apa cara pun tetap agenda politik mengatasi. Kita bercakap soal parti secara khusus, kita fikir bagaimana cara untuk memastikan PAS ini tidak mempergunakan agama, tetapi mereka tetap, kerana ini sahaja senjata untuk menguatkan mereka.

Kembali kepada soal syiar Islam ataupun usaha-usaha kerajaan untuk mempertingkatkan agama ini, tadi Yang Berhormat kata: “Tak tahulah Kelantan.” Saya rasa kecil hatilah. Maaf!

Kalau Kelantan sentiasa dikata ‘tidak tahulah’, ‘biarlah’, ‘biarlah Kelantan’, Kelantan - satu perkara yang tidak patut kita biarkan, sebab Kelantan itu di bawah Persekutuan juga.

Kembali kepada masalah jika dari segi pelaksanaan, dari segi pentadbiran, dari segi segala-galanya, segi keagamaan di Kelantan itu mencapai tahap darurat, ada penyalahgunaan kuasa, contoh dari segi pendakwaan kes khalwat di bilik 121, jelas! Tetapi, diarah pegawai itu untuk mengatakan di bilik ‘012’. Pergi check memang tidak ada bilik ‘012’ di Hotel Perdana. Jumpa perkakas dalam, ‘panties’ pun ada - jelas! Jumpa kain yang terburai dan sebagainya - jelas! Tetapi dipinda-pinda kerana hendak selamatkan dan ini adalah satu penyalahguna.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: *[Bangun]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat, ada yang minta laluan. *[Ketawa]*

Datuk Haji Hashim bin Safin: Cuitlah! *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan 'kain terburai'! *[Ketawa]* Kain terburai ini biasanya dipakai, kalau tidak dipakai bagaimana dia terburai? Penjelasan.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, memang 'terburai' berasal daripada keadaan kemas. Bila tidak kemas dikatakan 'terburai', sama ada separuh terburai ataupun kesemua terjatuh! Memang jelas kain terburai, kain tudung pun terburai, kain tilam pun terburai, beg tangan pun tercampak, 'Perang Dunia Ketiga', tetapi kerana hendak selamatkan agenda politik, benda ini telah disalahgunakan.

Jadi, persoalan saya, kalau kes ini berlaku, sama ada pihak majlis atau sebagainya boleh menjejaskan agama, apakah ada peruntukan ataupun apakah Kerajaan Persekutuan boleh berusaha untuk menyelamatkan keadaan di negeri ini, kalau kuasa ini atau keadaan ini berterusan? Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, kita terus berusaha, bukan sahaja di negeri Kelantan, negeri-negeri di bawah BN pun masih belum bersetuju. Jadi, kita berusaha sentiasa, berunding memberitahu kebaikannya.

Kebaikannya memang banyak, kalau kita masuk di bawah Pegawai Gunasama Hal-Ehwal Islam:

- (i) perbelanjaan untuk semua pegawai itu ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan;
- (ii) mungkin banyak peralatan yang hendak digunakan itu, kita boleh belanja daripada Kerajaan Persekutuan;

- (iii) pegawai yang berkhidmat itu boleh bertukar tempat dalam negeri-negeri;
- (iv) peluang naik pangkat pegawai-pegawai luas, sebab dia ramai dan di bawah Persekutuan; dan
- (v) kita dapat menyelaraskan cara-cara perjalanan pentadbiran agama itu di seluruh negeri.

Cukup jelas! Pendek kata, bagi orang biasa pun, kalau kita menjelaskan perkara ini, dia faham bahawa banyak kebaikannya. Tetapi, tidak tahulah, kadangkala orang sengaja bercakap macam-macam untuk mempengaruhi orang lain, itu saya tidak tahu. Tetapi, hasrat Kerajaan Persekutuan untuk mengadakan akta ini dan mengadakan Pegawai Hal-Ehwal Islam Gunasama amat baik dan amat jelas.

Jadi, sebab itulah kita berterusan memberi fahaman kepada negeri-negeri termasuklah negeri Kelantan dan lain-lain negeri di seluruh negara.

Datuk Haji Hashim bin Safin: *[Bangun]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, sedikit sahaja penjelasan. Okay, kita terima dan semua faham bahawa lima kebaikan seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Dato' tadi, jelas kebaikan pelaksanaan. Apakah selepas kita luluskan rang undang-undang ini, kementerian ataupun pihak Yang Berhormat sendiri akan menganjurkan supaya Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan dijemput untuk menerima taklimat supaya dapat sambutan baik dan buat permohonan untuk pegawai gunasama ini ataupun kita pergi ke Jabatan Perdana Menteri mengunjungi Pejabat Menteri Besar Kelantan untuk memberi penjelasan, tujuan baik tentang usaha-usaha ini?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, apabila kita melaksanakan akta ini, apabila kesan baiknya nampak, ini di antara satu lagi daya tarikan kepada negeri lain. Pendek kata, kalau Kerajaan Kelantan hendak berjumpa, hendak berbincang kebajikannya, kita mengalu-alukan. Ini untuk kebaikan, tetapi maknanya Kelantan sekarang ini baru hendak menyelesaikan masalah hendak memisahkan Mahkamah Syariah dengan Jabatan Agama Islam dengan Pejabat Kadi belum selesai lagi. Jadi, selesaikanlah mana yang patut diselesaikan dahulu, lepas itu kita akan tidak ada had, perkara ini untuk kebaikan orang yang beragama Islam dan kita cukup mengalu-alukan. Insya-Allah, kita akan sentiasa berusaha dari masa ke semasa untuk mencari kebaikan bersama. Terima kasih.

Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah, saya minta maaf, perkara ini saya telah banyak jawab sekali dengan Yang Berhormat Datuk Haji Hashim, tetapi maknanya kes-kes tertangguh itu tadi saya pun telah jawab sekali, hanya saya hendak sebutkan di sini iaitu mengenai imam. Kita telah melantik kebanyakan imam di masjid-masjid besar, kebanyakan daripada hafiz, orang yang hafaz Al-Quran. Ini memang hasrat kita, yang akan datang ini kita hendak meramaikan bukan sahaja masjid negeri bahkan masjid daerah. Apabila kita ramai orang yang menghafaz Al-Quran, kita hendak jadikan mereka imam. Barulah sedap didengar! Baca sebutannya menarik, makhrajnya betul, dengungnya masuk, suaranya menarik.

Jadi, kalau orang yang kurang hafiz ini, saya tidak hafiz, tetapi maknanya kadangkala sebutan kita tidak begitu baik, jadi, orang yang imam ini hendak menarik makmum mestilah pertama sekali suaranya bagus, sebutannya bagus, barulah orang lain seronok mendengar.

Jadi, bila orang mendengar suara imam itu, dia berasa minat, bukan sahaja hendak datang bersembahyang Jumaat, bahkan sembahyang waktu yang lain pun dia hendak hadir bersama, sebab bacaan imam itu bagus. Ha, inilah hasrat kita hendak menarik orang supaya ramai ke masjid. Kita hendak sebaik mungkin imam-imam ini kita akan mendapatkan imam-imam, kita naikkan taraf gaji mereka dan kita mesti mencari imam-imam kalau boleh orang yang hafiz ataupun orang yang menghafaz Al-Quran.

Begitu juga mana-mana imam ini, kita hendak naikkan skim gaji mereka, perkhidmatan mereka ataupun kelulusan mereka. Jadi, bila kelulusan itu lebih baik, kita percaya imam-imam itu mampu dapat menjalankan sebagai seorang imam di masjid-masjid yang saya nyatakan tadi.

Saya berterima kasihlah mengatakan wanita Islam tidak menentang poligami, terima kasih. Itu memang betul, tetapi kita ambil ingatan bahawa tentang perjalanan keadilan, memang kita cukup memberi perhatian dalam hal ini. Sebab itulah pelbagai cara yang kita buat di seluruh negeri, kita akan selaraskan supaya betul-betul keadilan yang semampu mungkin itu boleh dijalankan.

Ahli Yang Berhormat yang kelapan ialah Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: *[Bangun]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Ya, silakan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Minta penjelasan, yang tidak menentang poligami tadi. Adakah ini disuarakan oleh seorang sahajakah ataupun Yang Berhormat menyuarakan itu ataupun pendapat umum yang tidak menentang poligami ini. Dari segi Islam betullah, tidak boleh tentang, tetapi dari segi hasrat dan minat! *[Ketawa]*

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Kita sebagai orang Islam mesti tidak ada sebab kita hendak menentang poligami. Tidak ada alasan! Sebab itu dibolehkan. Hendak mengatakan tidak boleh, ha, itu 'no way', tidak ada jalan. Hendak mengatakan tidak boleh, tidak mengapa, saya akan jawab hujungnya. Tetapi, yang wanita pertikaikan ini, kita akuilah, sebab ramai di antara orang yang berpoligami, suami itu tidak bertanggungjawab. Kalau macam Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba cukup bagus.

[Ketawa]

Seorang Ahli: Mana tahu?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Saya dengar-dengar ceritalah! Saya tidak bertanyalah! *[Ketawa]*

Masalahnya banyak yang tidak bertanggungjawab, itu yang pertama.

Yang kedua, berpoligami ini bukan semata-mata untuk melepaskan hawa nafsu. Digalakkan dalam Islam berpoligami ialah kita hendak menolong yang lain itu, itu dia! Ini dak! Dia yang hendak pergi berpoligami itu kerana 'dak, isterinya dah ..', maknanya tak tahulah! Saya tidak tahulah, hendak mencari yang muda sedikit, tidak tahulah, kalau yang kurus mungkin hendak cari yang gemuk sedikit. *[Ketawa]* Ha, itulah yang menjadi timbul tidak ada keadilan dari segi kemampuan, sebab objektif ataupun matlamat itu berlainan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya sedap sedikit dengar apabila Yang Berhormat Datuk sebutkan tadi ramai yang tidak bertanggungjawab, maknanya kementerian sedarlah bahawa ramai yang tidak bertanggungjawab sebab itu banyak pihak yang melihatkan bahawa poligami ini, terutamanya wanita, ramai wanita yang tidak bersetuju dan pihak yang lain juga merasakan bahawa ini satu undang-undang yang tidak patut. Sebenarnya Islam itu agama yang syumul, boleh! Tetapi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Datuk, apakah tindakan-tindakan kementerian ataupun program-program kementerian supaya kalau pun hendak

dilaksanakan biarlah dilaksanakan mengikut lunas-lunas Islam. Yang ada sekarang tidak dilaksanakan mengikut lunas-lunas Islam. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: *[Bangun]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tunggu Yang Berhormat, minta penjelasan jawapan dahulu.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Tambah sekali siap-siap senang. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mendapat penjelasan daripada pengalaman Yang Berhormat Datuk kerana Yang Berhormat Datuk tadi ada menyebut soal keadilan berulang-ulang kali. Saya hendak tanya apakah benar keadilan ini dapat diberikan dalam tiga aspek. Yang pertama dari segi masa. Lazimnya kita dengar - kita boleh tanya Yang Berhormat Datuk Rahim Baba sekejap lagi - lazimnya kita dengar masa yang diberikan kepada isteri muda itu lebih lama kepada isteri tua, itu yang pertama. Yang kedua dari segi perasaan kasih, cinta dan sayang. Lazimnya pada yang muda itu lebih dan yang ketiganya, dari segi, dengan izin, hubungan seks. Lazimnya, yang kita faham hak muda itulah lebih. Ini kalaulah Yang Berhormat agak hendak dapat penjelasan dari Datuk Rahim Baba pun mungkin boleh, saya minta penjelasan.

[Ketawa]

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: *[Bangun]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat.....

Datuk Haji Muhamad bin Abdullah: Poligami? ya.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Sekali jawab.

Datuk Haji Muhamad bin Abdullah: Oh, sekali jawab.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Yang Berhormat Datuk, saya menyokong cadangan Yang Berhormat Junaidah. Kebanyakan yang menjadi huru-hara, minta maaf kaum laki-laki, kebiasannya tidak adil. Kalau adil tidak ada bising tetapi bak kata kasih sayang kita jangan tanya memanglah ibarat tudung saji, baru dibeli memang cantik, sudah lama tutup rezeki yang halal, sudah buruk ditukar! Bubuh pula yang baru, dapat baru itu pula lebih cantik, sudah tentulah sebab mengikut zaman. Jadi, pada orang-orang tua dia tidak kisah, setengah perempuan kalau adil dia diam, yang tidak adil ini - ketinggalan begitu sahaja - cerai berai, anak sekolah tidak beri perbelanjaan, ini banyak berlaku sebab saya yang menjaga anak yatim yang suaminya kahwin dua, tiga. Jadi, saya tahu lebih dalam perkara ini. Bila kita kata ambillah anak ini bawa balik, jawabnya, tidak boleh saya sudah kahwin lain bapa tirinya tidak hendak, yang sibapa tiri hendakkan emak anak tidak hendak! Yang emak hendakkan bapa, anak tidak hendak! Jadi, kita yang menanggung membela di rumah anak yatim. Ini memang berlaku, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap - memang poligami kita tidak boleh against, kita orang Islam, tetapi kalau dengan betul, memang adil tidak apa. Yang kebanyakan ini, tidak! Tetapi Datuk Rahim Baba ini saya puji, class! Sebab setahu saya anak isteri tua - saya harap Datuk Rahim tidak marah - isteri muda bela. Macam itu tidak apa, bak

kata orang bermesra. Kalau ada cemburu memang ada sedikit, kita ini manusia! Cemburu memang ada tetapi dia bagi, maknanya dia boleh bertolak ansur, itu yang kita hendak. Terima kasih.

Datuk Hashim bin Safin: *[Bangun]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Datuk Hashim.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sedikit. Perkataan adil, minta Yang Berhormat Datuk beri penjelasan fasal Yang Berhormat lebih arif dalam soal agama ini. Apakah adil itu sama, misalnya isteri pertama, tidak boleh kata isteri tuakah muda, kadang-kadang yang kedua itu lebih tua daripada yang pertama pun ada. Kemudian yang pertama jadi yang kedua balik pun ada, ini kita tahulah pengalaman masing-masing. Adil itu apakah, katalah isteri pertama ada anak lima dengan diberi sejumlah sekian, katalah RM3,000, RM4,000 sebulan. Isteri kedua anak tiga, hendak diberi RM3,000 jugakah? Dari segi rumah jumlah bilik dan sebagainya dan dari segi kasih sayang itu saya rasa itu hak masing-masinglah, hak peribadi. Kita ada anak lima, anak pertama pun sayang seratus peratus, anak kedua pun sayang seratus peratus. Saya, ini diberitahu oleh Yang Berhormat Datuk Rahim, fahamlah. Jadi, konsep adil ini, kalau boleh Yang Berhormat beri penjelasan sedikit sebab ada pertikaian antara wanita dengan lelaki tentang, keadilan. Terima kasih.

Datuk Haji Muhamad bin Abdullah: Saya cukup susahlah hendak beri dari segi bagaimana term ataupun maksud adil itu tetapi bagi suami, dia tahu di dalam diri dia kalau dia membeli barang atau pakaian itu harganya RM100, misalannya, mungkin dia beli yang seorang lagi pun RM100 - mungkin warnanya tidak serupa. Kalau dia beri nafkah makanan bagi sebuah rumah itu RM500 dia beri yang sebelah sana RM500. Kalau anaknya belum ada mungkin dia boleh kurang. Dari segi pembahagian itu terpulanglah kepada sisuami, hasratnya dia makan dapat agak tidak banyak berbeza, pakaiannya tidak berbeza, keadaan kediamannya tidak banyak berbeza dan dia bertawakallah kepada Allah, inilah keadilan yang saya mampu hendak berikan kepada isteri-isteri itu. Kalaulah sekiranya kita hendak sukat betul-betul memanglah kita tidak mampu. Jadi, kita mesti mempunyai perasaan sendiri. Itu dari segi pendapat saya dari segi adil.

Begitu juga dengan keadilan mengenai masa, perasaan cinta, hubungan kelamin. Ini pun susah saya hendak menentukan. Takkanlah hubungan kelamin dengan 'kawan' itu setengah jam, lepas itu hak seorang lagi itu mungkin terlebih sedikit terpaksa berhenti - wallahua'lam! *[Ketawa]* Saya tidak berani hendak jawab! Lagi tergangguah asyik tengok jam sahaja, ini cukup susahlah bagi saya hendak menentukan keadilan ini *[Ketawa]* tetapi mungkin dengan sebab perhubungan kita itu merasa sama-sama mesra dengan isteri, itu mungkin! Tidak perlu mengatakan lama itu menentukan kita mesra dengan isteri, kadangkala tidak perlu lama kita merasa mesra dengan isteri sebab dia ada klimaksnya masing-masing. Bila sampai itu *[Ketawa]* maknanya, puaslah! Belum tentu sama ada mengira jam ataupun masa, itu mungkin dari segi keadilan itu. Begitu perasaan cinta. Perasaan cinta ini mestilah kita cinta belaka sebab isteri kita.

Janganlah kata 'saya cinta awak ini sembilan puluh peratus', kepada yang muda kata 'saya cinta awak seratus peratus'. Tidak boleh! Kalau kita kata 'saya sayang', sudahlah! Jangan jangka pula peratusnya. Jadi, terasalah, kata sayang cukuplah, tetapi satulah, jangan selalu sebut banyak sangat sayang kepada isteri, dia mua! Dia naik angin! Kita sayang dia di dalam hati bukan di mulut semata-mata. Yang ikhlas di dalam hati.

Apatah lagi kalau isteri yang pertama. Kita telah lama hidup, telah lama menempuh pelbagai keadaan bayangkanlah, itulah sahabat kita setidur, itulah sahabat kita kadangkala meluahkan perasaan apabila kita menghadapi kekecewaan dan itulah tempat kita berbincang siang dan malam mengenai generasi anak akan datang. Takkanlah satu ketika kok lagu mana pun, kok kita tambah seorang lagi, kita mengurangkan perasaan ini. Ini sebab di antara mungkin keadilan itu. Kita kekalkan. Jangan ingat kasih sayang kita dengan isteri itu masa muda sahaja, tidak. Kasih sayang itu mesti dikekalkan sehingga kita mati. Kadangkala ada di antara kita orang Islam, semakin berumur semakin dia sayang kepada isterinya, kerana apa? Kerana perasaan dia beristeri itu adalah untuk mengikut kehendak Islam. Insyallah kalau kita kahwin berapa sekalipun, kalau kita mengikut kehendak Islam, kita bertawakkal tujuannya untuk kebaikan, saya bayangkan dia sentiasa hidup bahagia dengan isteri-isterinya. Inilah diannya yang sepatutnya, sebab itulah kalau kita hendak inilah yang semampu mungkin yang kita boleh kita buat kepada berapa isteri sekalipun, sama ada satu, dua, tiga atau empat.

Mengenai poligami pun begitu juga, saya setuju, maknanya orang laki-laki ini kalau hendak poligami fikirilah baik-baik, janganlah semata-mata kerana hawa nafsu. Kita fikir baik-baik sebab-sebab yang lain, jangan semata-mata hawa nafsu. Kadangkala kita tidak memikirkan hal itu, kita terlupa anak dan sebagainya, ini susahlah, tanggungjawab itu serupa. Anak mesti diberi tanggungjawab bersama, kita harapkan itulah sebabnya kita memberikan penjelasan bagaimana kita hendak berpoligami dan yang membolehkan berpoligami bagaimana. Kalau sekiranya semata-mata hendak bertujuan itu sahaja, kadangkala lebih baik kita cukup dengan seorang isteri sahaja, cukup! Tidak perlu menambah lagi.

Selain daripada itu terima kasih saya hendak sambung sedikit mengenai dengan Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, terima kasihlah memberi beberapa banyak pandangan dan sokongan dan saya berterima kasihlah mengatakan bahawa akta ini bukanlah bertujuan untuk mengambil alih bidang kuasa mana-mana negeri, tidak timbul! Hanya kita hendak menolong supaya perkembangan Islam itu berjalan dengan baik dari masa ke semasa.

Begitu juga mengenai dengan Institut Islam. Memang kita sudah buat sekarang. Kita mempunyai sebuah Institut Latihan Islam, yang kini sedang dalam pembinaan. Insyallah, institut ini akan digunakan untuk latihan pegawai-pegawai kita yang kita nyatakan tadi dan insyallah kalau perlu, orang-orang lain yang perlu kita hendak jemput memberi kefahaman Islam, kita juga akan jemput. Mungkin daripada imam-imam di seluruh negeri, mungkin daripada Tok Kadi daripada seluruh negeri - kita jemput untuk bersama-sama berbincang bagi meninggikan Islam dan kita hendak menyelaraskan apa yang kita buat di peringkat negeri-negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Tuan Haji Sairin Karno menanyakan mengapa hanya lima negeri sahaja, ini sudah kita jelaskan bahawa negeri-negeri ini sahaja yang bersetuju dahulu, kemudian insya-Allah negeri lain kalau dia minta kita akan pertimbangkan dan kita mengalu-alukan supaya mereka bersama-sama. Mengenai guru Kafa, memang kita sudah ramai guru Kafa, peruntukannya kita sudah dapat tetapi pembayarannya itu saya belum pasti dan saya kira pihak JAKIN akan membuat pembayarannya secepat mungkin. Kata sudah berapa bulan? Lapan bulan tidak berbayar? Jadi, ini tidak berapa baiklah, jadi insya-Allah kita akan selesaikan dengan sebaik dan secepat mungkin sebab saya dengar kita ada peruntukan bagi membayar pegawai-pegawai Kafa kita di seluruh negara.

Saya rasa itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang mengambil bahagian. Saya minta maaf banyak-banyak mana yang saya tidak sempat menjawab. Insya-Allah kita catit dan sama-samalah kita berusaha, berdoa dan berikhtiar mudah-mudahan hasrat yang baik ini direstui oleh Allah S.W.T demi untuk perkembangan agama di negara kita. Terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.30 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan rang undang-undang ini dibentangkan ialah untuk mengadakan perundangan bagi mewujudkan satu Tabung Pendidikan Tinggi Nasional serta sebuah perbadanan yang akan mentadbirkan tabung ini. Tujuan tabung ini adalah untuk memberi pinjaman kepada pelajar Ijazah Pertama di institusi pendidikan tinggi awam dan swasta tempatan untuk membiayai yuran pengajian, kos sara hidup serta pembelian buku peralatan yang berkaitan. Tabung ini juga akan dilengkapi dengan satu skim simpanan pelajar di peringkat sekolah untuk memupuk dan merealisasikan budaya menabung di kalangan pelajar.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, penyediaan sumber manusia yang mantap dan secukupnya bagi menampung keperluan pertumbuhan ekonomi jangka panjang dan sebagai persiapan menangani persaingan global telah diberi penekanan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Sehubungan dengan itu, kerajaan berhasrat untuk menambah enrolmen di setiap universiti kepada 20,000 pelajar di peringkat Ijazah Pertama. Pencapaian objektif penambahan

bilangan pelajar di peringkat pendidikan tinggi perlu diperkuatkan dengan jaminan bahawa semua pelajar yang mendapat tempat di IPT tidak akan tercicir oleh kerana kekurangan kemampuan kewangan. Pengwujudan skim pinjaman ini akan dapat membantu kerajaan untuk mencapai objektif tersebut. Saya yakin skim pinjaman ini yang dilengkapi dengan skim simpanan pelajar akan menjamin kesejahteraan semua lapisan rakyat, lebih-lebih lagi pelajar-pelajar yang mempunyai kemampuan akademik.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan juga ingin mengikis budaya kebergantungan atau sindrom dependency supaya bebanan kerajaan untuk memberi biasiswa akan dapat dikurangkan secara berperingkat. Hanya pelajar-pelajar yang cemerlang dan dari segi keluarga yang miskin tetapi mempunyai latar belakang akademik yang baik akan diberi biasiswa. Oleh itu, bilangan pelajar yang layak memohon biasiswa akan dapat dikurangkan pada tahun-tahun yang akan datang. Pengwujudan skim pinjaman ini adalah penyambung kepada pencapaian hasrat kerajaan tersebut. Diharapkan juga tanpa bantuan kewangan daripada kerajaan atau agensi-agensi lain yang berkaitan, pelajar-pelajar yang bersifat lebih bertanggungjawab dan berdikari apabila memperolehi pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berpandangan bahawa skim pinjaman ini mesti digerakkan untuk mendukung sasaran negara ke arah status negara industri menjelang tahun 2020. Untuk tujuan ini memerlukan anjakan fokus sistem pendidikan negara supaya pengeluaran tenaga manusia adalah lebih cenderung kepada jurusan sains dan teknologi. Selaras dengan matlamat itu, pelajar-pelajar yang mengikuti jurusan sains teknologi seperti dalam bidang perubatan, teknologi maklumat, kejuruteraan, pergigian, farmasi, sains gunaan dan sains tulen akan diberi pinjaman tambahan sebanyak RM500 setahun tanpa faedah untuk tujuan membeli peralatan, buku dan sebagainya. Mereka juga diberi tempoh bayaran balik selama 15 tahun berbanding dengan tempoh 10 tahun untuk pelajar-pelajar jurusan sastera. Walau bagaimanapun, senarai jurusan sains teknologi yang dikenal pasti ini akan dikaji semula setiap dua tahun atau dari masa ke semasa mengikut keperluan negara.

Tuan Yang di-Pertua, skim pinjaman ini juga akan memberi peluang kepada pelajar bumiputera melanjutkan pelajaran di institusi pendidikan tinggi swasta memandangkan memanglah kena pada masanya skim ini diwujudkan ekoran daripada strategi pendidikan negara yang kini menggalakkan pertumbuhan institusi pendidikan tinggi swasta termasuk universiti-universiti swasta yang baru ditubuhkan tahun ini. Pada masa ini hanya lebih kurang 5% sahaja pelajar-pelajar di IPTS yang terdiri daripada pelajar-pelajar bumiputera.

Melalui skim pinjaman pelajar ini, saya percaya bilangan pelajar bumiputera di IPTS yang terpilih akan dapat dipertingkatkan lagi pada masa hadapan. Usaha ini memang wajar sekali untuk memastikan perimbangan dari segi penyertaan setiap golongan etnik dalam pendidikan tinggi secara keseluruhan yang menjadi asas utama perpaduan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun memperuntukkan sebanyak RM100 juta untuk skim pinjaman ini bagi tahun 1997 dan ianya dijangka beroperasi sebaik sahaja perbadanan ini ditubuhkan.

Rang undang-undang ini mengandungi 57 Fasal, antaranya terdapat Fasal yang memperuntukkan kuasa mengenai fungsi utama perbadanan tersebut seperti berikut:-

- (i) memberi pinjaman kepada pelajar dan menyediakan perkhidmatan dalam mentadbir, mengawas dan mengutip bayaran balik pinjaman;
- (ii) menerima simpanan dan menyediakan skim simpanan untuk tujuan pendidikan tinggi;
- (iii) menjalankan apa jua tugas yang berkaitan dengan fungsi tabung seperti yang diperuntukkan dalam mana-mana undang-undang bertulis; dan
- (iv) untuk menjalankan operasi skim pinjaman ini yang merangkumi skim simpanan pelajar, satu Lembaga Pengurusan yang diketuai oleh seorang pengerusi perlu diwujudkan. Lembaga Pengurusan akan bertanggungjawab terhadap sistem pengurusan secara keseluruhan dan pengurusan pentadbiran perbadanan tersebut. Lembaga Pengurusan akan terdiri daripada ahli seperti berikut:
 - (a) seorang Pengerusi yang akan dilantik oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan;
 - (b) Peguam Negara Malaysia atau wakilnya;
 - (c) Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan atau wakilnya;
 - (d) Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan atau wakilnya;
 - (e) Pengerusi Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri atau wakilnya;
 - (f) dua wakil yang terdiri daripada Naib Canselor IPT awam dan seorang wakil daripada IPT swasta yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan; dan
 - (g) tidak lebih daripada dua orang yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Untuk membantu perbadanan menjalankan tugasnya, Lembaga Pengurusan dengan persetujuan Yang Berhormat Menteri Pendidikan akan melantik seorang ketua eksekutif yang akan dibantu oleh beberapa orang anggota yang difikirkan perlu bagi memastikan pengurusan organisasi berjalan dengan lancar dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk tujuan mengutip balik pinjaman daripada peminjam yang telah tamat pengajian, rang undang-undang ini mempunyai peruntukan di mana perbadanan dengan persetujuan Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh melantik ejen-ejen untuk bertindak bagi pihaknya dan kerajaan telah bersetuju untuk melantik Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk tujuan ini. Bagi memastikan keberkesanan kutipan balik pinjaman, peruntukan disediakan dalam rang undang-undang ini untuk membolehkan perbadanan dan juga Lembaga Hasil Dalam Negeri mewajibkan majikan untuk memotong daripada pendapatan

peminjam untuk membayar balik pinjaman. Peminjam akan membayar balik pinjaman selepas tempoh 6 bulan setelah tamat pengajian atau mana-mana tempoh dan syarat-syarat yang dipersetujui dalam surat perjanjian di antara peminjam dan perbadanan. Walau bagaimanapun, peminjam boleh memohon kepada perbadanan untuk melanjutkan tempoh masa untuk membayar balik pinjaman. Bayaran balik pinjaman akan dibuat oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri melalui potongan daripada pendapatan peminjam mengikut kadar dan tempoh yang ditetapkan oleh perbadanan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya gambarkan awal tadi, di samping skim pinjaman pelajar, tabung ini juga akan mengadakan satu skim pinjaman pelajar. Skim simpanan ini adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang ingin menabung untuk anak-anak mereka supaya cita-cita mereka untuk melanjutkan pelajaran ke universiti tidak terjejas. Ini akan menjamin sumber kewangan untuk menyempurnakan hasrat mereka dan bagi sebahagian besar pelajar-pelajar mengelakkan kebergantungan kepada bantuan kewangan kerajaan. Untuk menggalakkan tahap penyertaan yang tinggi, peruntukan disediakan dalam rang undang-undang ini di mana perbadanan dengan kelulusan Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh melaksanakan skim-skim yang boleh menarik simpanan seperti skim insurans dan skim unit trust.

Pada hemat saya, skim dua serampang ini mencerminkan usaha yang murni untuk menjaga kepentingan semua lapisan rakyat yang buat pertama kali menyediakan kerangka bagi menggabungkan pinjaman untuk belajar di universiti dan budaya menabung yang ingin disemaikan di kalangan pelajar sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan, saya percaya penubuhan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ini merupakan puncak kepada matlamat kerajaan untuk memperluaskan peluang kepada lebih ramai lagi pelajar, termasuk mereka daripada golongan miskin dan yang cemerlang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti. Ini secara langsung akan menyumbang kepada pembangunan sumber manusia dalam usaha kerajaan menuju ke arah negara perindustrian menjelang tahun 2020. Sementara itu, pengwujudan skim pinjaman pelajar yang akan juga menjadi sumber penting untuk tabung ini akan dapat menggalakkan budaya menabung di kalangan rakyat Malaysia sambil mengurangkan beban kerajaan untuk membiayai tabung ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana malam ini kita tidak hendak panjangkan sampai pukul 12.00 malam, maka saya cadangkan supaya Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap seberapa ringkas yang boleh, saya akan benarkan dalam 10 minit seorang. Jadi, ada berapa orang hendak bercakap ini?

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: *[Bangun]*

Tuan Haji Hassan bin Ali: *[Bangun]*

Tuan Charern Intachat: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: 3 orang. Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan berdiri dahulu, sila.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Oh, maaf. Saya belum kemukakan kepada Majlis lagi, maafkan. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk menubuhkan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, untuk memperbadankan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas tetapi dengan masa yang ringkas, kalau boleh, *[Ketawa]* dalam 10 minit seorang, insya-Allah, ya.

6.43 ptg.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Menyentuh Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997, saya ucapkan syabas dan tahniah. Saya tetap menyokong rang undang-undang tersebut, bagaimanapun izinkan saya memberi sedikit pandangan dan harapan mengenai tabung ini.

Saya menyokong kewujudan perbadanan ini kerana ia dapat menjamin rakyat miskin terutamanya anak-anak bumiputera meneruskan pengajian mereka di institusi pendidikan tinggi (IPT) yang akan diswastakan keseluruhannya tidak lama lagi. Saya berharap Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional yang wujud nanti dapat memainkan peranan dengan penuh kejujuran kerana ibu bapa yang di kampung keseluruhannya, sama ada bandar atau luar bandar mengharapkan sangat-sangat kepada kita iaitu kejujuran untuk membantu anak-anak bumiputera yang tidak berkemampuan dari segi kewangan untuk melanjutkan pelajaran di IPT.

Adalah diharapkan supaya perbadanan ini tidak mengamalkan seperti diamalkan oleh Bahagian Latihan dan Basiswa JPA sekarang, konon katanya rungutan daripada ibu bapa ataupun orang-orang dalam pekan sekalipun mengatakan iaitu di mana anak-anak orang kaya yang mampu memiliki kereta sebaik sahaja memasuki universiti diberi biasiswa penuh sedangkan anak-anak orang yang tidak mampu untuk memiliki sebuah motosikal pun tidak diberi biasiswa. Oleh itu, perbadanan ini nanti hendaklah bertindak dengan bijaksana bagi menangani masalah ini, khususnya golongan bekerja sendiri yang pendapatannya lebih daripada gaji menteri bukan sahaja berjaya menipu Jabatan Hasil Dalam Negeri, tetapi dapat lagi biasiswa untuk anak-anak mereka di universiti supaya pisang tidak berbuah dua kali.

Saya juga berharap Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi ini menyusun strategi lebih awal dengan cermat supaya pinjaman-pinjaman wang dari tabung ini tidak dapat lari membayar balik pinjaman mereka setelah tamat mengajiannya nanti. Kita harus belajar dari sejarah yang berlaku terhadap Tabung Pinjaman Pendidikan MARA. Jika tidak, Perbadanan Tabung Tinggi Nasional ini akan mengalami pelbagai masalah kemudian hari nanti.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hassan bin Ali.

6.45 ptg.

Tuan Hassan bin Ali: Bismillahir-rahmanir-rahim. Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabaraturuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan membahaskan rang undang-undang ini dengan ucapan ribuan terima kasih kepada kerajaan, lebih-lebih lagi kepada menteri dan timbalan menteri yang telah membentangkan Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997. Tabung ini saya anggapkan tabung harapan bagi kecemerlangan dan kejayaan pendidikan bagi golongan berpendapatan rendah dan miskin. Syabas saya ucapkan. Apabila bercakap soal pendidikan, saya berasa amat memalu dan sedih, kerana masih terdapat golongan miskin yang telah mendapat tawaran tetapi tidak dapat melanjutkan pelajarannya ke pusat pengajian tinggi. Perkara ini saya alami, saya terpaksa berhenti sekolah kerana kemiskinan ibu bapa saya.

Sebab itulah apabila bercakap soal pendidikan, saya berasa amat sayu, amat sedih. Saya tidak rela dan tidak reda anak bangsa saya malang seperti diri saya. Sebab itulah apabila soal pendidikan ini dibentang, saya sentiasa bercakap kerana saya ingin melihat anak bangsa saya dan seluruh rakyat Malaysia mencapai kejayaan yang gemilang dalam bidang pendidikan. Tidak ada apa yang saya hendak cakapkan kerana sungguh mengembirakan, kerana harapan, laungan, tempikan rakyat telah dilaksanakan oleh kerajaan. Saya harapkan apabila kita baca Fasal 3(2)(b) termasuk segala pemberian derma dan hadiah. Sebab itu saya harapkan mana-mana badan swasta, ahli-ahli korporat, mana-mana individu yang telah meneguk, yang telah menikmati kejayaan ekonominya hasil peluh, keringat orang-orang seperti ini, tampillah ke hadapan untuk menderma sebanyak mungkin bagi menambah tabung ini, supaya tabung ini dapat berjalan dan fungsinya dapat dilihat dalam masa yang terdekat. Sumbangan ini akan disyukuri oleh golongan miskin. Insya-Allah, ahli-ahli korporat ini akan mendapat keuntungan yang lebih besar. Kalau terdapat seorang ahli korporat menderma RM100 juta, insya-Allah, dalam masa terdekat dia akan mendapat keuntungan berbilion ringgit Malaysia.

Sebab itulah saya harapkan inilah masanya, inilah ketikanya ahli-ahli korporat yang telah dapat nikmat yang begitu mewah menunjuk keprihatinannya untuk membantu golongan miskin. Sebab itulah saya menyokong dengan penuh ikhlas di atas rang undang-undang ini. Dalam Fasal 4, maksud perbelanjaan, 4(a) - Pinjaman, 4(b) - Bantuan kewangan. Saya harap tabung ini dapat memberi bantuan yang sungguh-sungguh. Kita mesti faham setiap individu yang miskin yang mendapat tawaran masuk ke pusat pengajian tinggi kadangkala ibu bapanya tidak ada duit. RM5.00 dalam poket pun kurang daripada itu. Mereka memerlukan kewangan untuk membeli kelengkapan, mereka perlu membayar yuran di antara RM1,300 hingga RM1,800. Saya ulangi apa yang saya katakan dahulu, telah menjadi adat, orang miskin memohon berulang-ulang. Orang yang ada kedudukan bercakap sekali telah diikuti, telah didengari oleh orang yang berkuasa. Orang yang miskin, orang yang marhaen ini terpaksa berulang-ulang menyuara kehendak dan pendapatnya, itu pun belum tentu diikuti dan dituruti.

Sebab itulah saya harap mana-mana pelajar yang mendapat tawaran masuk ke pusat pengajian tinggi, bantuan hendaklah diberi pada peringkat awalnya untuk mereka ini menyediakan kelengkapan dan keperluan dan

bayaran masuk hendaklah ditanggung sehingga pinjaman diperolehi. Saya rasa sekiranya kerajaan meluluskan ini, kerajaan akan mendapat rahmat daripada Allah. Kerana inilah sungutan dan kehendak ibu bapa dan masyarakat yang daif pada ketika ini. Saya tidak hendaklah bercakap panjang kerana amaran telah diberi. Kalau diikuti hati, sampai pukul 11.00 boleh diteruskan.

Dengan ini, dengan lafaz yang ikhlas, saya menyokong sepenuhnya, tetapi dengan harapan dipermudahkan, supaya dengan mempermudah sistem pemberian ini, maka dapatlah meringankan beban para pelajar yang akan memasuki pusat pengajian tinggi. Sekian, terima kasih.

6.54 ptg.

Tuan Charern Intachat: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberi kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan. Saya menyokong rang undang-undang ini dan menyambut baik rancangan kerajaan untuk menyediakan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional. Pengwujudan tabung ini membuktikan kesungguhan kerajaan dalam menangani agenda pendidikan dan menggalakkan kecemerlangan. Langkah ini juga sesuai dengan matlamat kerajaan untuk memberi tekanan terhadap pembangunan dari segi perpaduan negara dan keperluan sosial. Saya menganggap pendidikan sebagai penanaman modal kepada sumber manusia yang akhirnya akan membuka peluang kepada kehidupan yang lebih baik.

Dari segi ini, peluang melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi amatlah penting. Saya suka cadangkan supaya dalam mentadbirkan tabung ini, perhatian khusus harus diberikan kepada aspek pentadbiran tabung ini yang perlu bergerak ke arah budaya yang memberi fokus kepada keadilan dan kesedaran. Kita harus pastikan bahawa tabung ini membantu kumpulan yang berhak menikmati kemudahan ini. Yang saya maksudkan ialah kumpulan pelajar yang berpotensi mencapai kecemerlangan dan dari kedudukan sosio-ekonomi yang rendah. Apa yang kita lihat di masa-masa yang lepas biasiswa dan pinjaman telah juga diberi kepada anak-anak orang kaya, orang-orang kenamaan dan berpangkat yang saya kira mampu membiayai kos pelajaran anak-anak mereka sendiri.

Saya sangatlah berharap perkara ini tidak berlaku dalam memberi pinjaman oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional itu. Saya percaya kerajaan tentu sedar bagaimana perasaan hampa dan kecewanya pelajar-pelajar kita yang tidak dapat melanjutkan pelajaran mereka bukan kerana mereka tidak layak, tetapi disebabkan ibu bapa mereka tidak mampu membiayai perbelanjaan yang tinggi untuk menghantar mereka ke universiti-universiti.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal pendidikan ini, kerajaan mestilah bersikap adil. Dalam pemberian pinjaman dan menggunakan faktor kemiskinan sebagai pengukur, bukannya bangsa dan keturunan. Semua rakyat berkebolehan layak diberi pertimbangan. Jika tidak, nescaya akan wujudnya kumpulan rakyat di kalangan pelajar-pelajar yang gagal memasuki universiti-universiti disebabkan tidak bantuan pinjaman kerajaan yang akan

menyimpan perasaan tidak puas hati selama-lamanya terhadap kerajaan. Saya percaya ramai pelajar akan memohon pinjaman dari tabung ini. Ini boleh mendatangkan masalah kepada pihak perbadanan yang menguruskan tabung ini, kerana tidak dapat melulus semua permohonan yang diterima. Ini adalah kerana wang tabung adalah terhad dan perlu dikawal bagi tahun-tahun yang akan datang. Oleh itu, perlu ada sistem penapisan ke atas permohonan-permohonan pinjaman yang diterima dengan mengambil kira ke atas pendapatan ibu bapa pemohon.

Jalan atau cara yang baik ialah mendapat pengesahan tentang jumlah pendapatan ibu bapa pelajar melalui borang 'J' Notis Taksiran Cukai Pendapatan, Lembaga Hasil Dalam Negeri atau pengesahan dari penghulu tentang pendapatan ibu bapa jika mereka ini dari golongan luar bandar. Maka dengan cara ini, permohonan-permohonan dari mereka yang berupaya membiayai pelajaran anak sendiri boleh diketepikan atau ditolak. Sehubungan dengan isu ini juga, pelajar-pelajar yang cemerlang harus diiktiraf dengan diberi tawaran kursus-kursus yang setimpal dengan kelulusan mereka. Oleh itu, saya syorkan supaya jawatankuasa yang diamanahkan mentadbir tabung ini bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan, supaya nasib pelajar kumpulan yang mempunyai kelulusan yang baik terbela. Kita tidak mahu timbul perasaan kecewa dengan sistem pendidikan kita sekiranya ada pelajar yang cemerlang, tetapi tidak ditawarkan program yang setimpal dengan kecemerlangan yang dicapai.

Saya dapat melihat bahawa Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ini akan dapat membantu menghapuskan kemunduran ekonomi yang dihubungkan dengan kelompok kaum yang tertentu.

Saya ingin mencadangkan supaya keahlian jawatankuasa tidak hanya terhad kepada para intelek sahaja, tetapi dianggotai juga oleh ketua-ketua kaum minoriti. Mungkin juga ini boleh dilakukan di bawah Seksyen 17 subseksyen 9 rang undang-undang ini. Dengan cara ini hasrat kerajaan untuk memperbanyakkan jumlah rakyat kelas menengah akan tercapai dengan lebih cepat dan jurang pendapatan di antara yang kaya dan yang miskin di negara ini dapat dikurangkan.

Mengikut peruntukan di bawah Seksyen 25 rang undang-undang ini, Lembaga Hasil Dalam Negeri adalah dilantik menjadi ejen pemungutan untuk mendapatkan balik pinjaman yang dibayar oleh pelajar. Langkah ini adalah baik dan tepat dan di sini ingin saya mencadangkan supaya setiap pelajar yang diberi wang pinjaman diikat dengan

jaminan atau bon dengan kerajaan untuk membayar balik pinjaman supaya memudahkan proses tindakan sivil kelak, sekiranya mana-mana pelajar enggan membayar balik wang pinjaman dari tabung ini.

Wujudnya tabung ini juga perlu disebarluaskan supaya tidak berlaku keadaan di mana pelajar-pelajar yang berpotensi akhirnya mengambil keputusan yang merugikan kerana tidak mempunyai maklumat berhubung peluang yang ada.

Mengikut huraian rang undang-undang ini, tabung pendidikan ini ialah untuk pelajar yang menuntut di institusi pendidikan tinggi di Malaysia. Adakah ini bermakna pelajar-pelajar yang hendak menuntut di institusi pengajian tinggi di luar negeri tidak boleh membuat pinjaman dari tabung ini. Harap Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penjelasan tentang perkara ini.

Akhirnya, saya pohon makluman dari pihak kementerian dengan wujudnya Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ini, adakah skim pinjaman pendidikan yang diberi oleh agensi-agensi kerajaan yang lain seperti MARA dan kerajaan-kerajaan negeri, masih akan diteruskan.

Inilah sahaja perkara yang saya ingin bangkitkan dan saya berharap undang-undang ini akan ditadbir, dikuatkuasakan oleh perbadanan dengan baik dan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ini diurus dan dikawal supaya matlamat kerajaan menggubalkan undang-undang ini tercapai.

Dengan kata-kata itu saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdillah.

7.02 mlm.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya banyak yang menyokong rang undang-undang ini kerana dengan tertubuhnya tabung ini kelak maka pelajar-pelajar kita akan dapat satu lagi sumber untuk mendapat bantuan untuk melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat tinggi. Oleh yang demikian, saya tidak akan mengambil masa yang panjang untuk membincangkan perkara ini.

Walau bagaimanapun, di sini ingin saya mengambil ataupun untuk memberi saranan kepada kerajaan supaya dalam mentadbirkan perbadanan yang berkenaan untuk memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar kelak, pinjaman itu hendaklah diberi dengan secara yang mudah. Sebagai contoh, setiap pinjaman mesti mempunyai penjamin dan kadangkala ianya juga memerlukan cagaran.

Kalaupun pinjaman ini dikehendaki untuk membantu anak-anak miskin, saya percaya sebahagian besar dari anak-anak miskin mungkin tidak akan mendapat penjamin-penjamin yang sanggup membantu mereka, apatah lagi untuk mendapat cagaran.

Tuan Yang di-Pertua, kerana saya pernah dihubungi oleh seorang bekas penuntut saya untuk menjadi penjamin biasiswa yang beliau telah dapati. Beliau terpaksa berjumpa dengan saya kerana beberapa orang yang dihubungi beliau sebelum itu tidak sanggup menjadi penjamin.

Jadi, dengan ini saya berharap dalam mentadbirkan tabung ini apabila memberi pinjaman, pinjaman itu hendaklah dipermudahkan dan seterusnya walaupun ikatan perlu dibuat ke atas si peminjam, ianya tidaklah seharusnya melibatkan pihak yang ketiga, supaya ianya juga tidak akan membebankan pihak yang ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, saya mengalu-alukan peranan yang dimainkan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk memungut bayaran balik bagi pinjaman yang

berkenaan. Walau bagaimanapun, saya ingin menyarankan di sini supaya pihak perbadanan yang dicadangkan itu kelak akan mengambil kira bagaimana cara pungutan itu dapat dibuat dalam perkara di mana pelajar-pelajar itu meninggal dunia ataupun kehilangan anggota.

Sekiranya pelajar itu meninggal dunia dalam tempoh beliau belajar, bagaimana cara Jabatan Hasil Dalam Negeri hendak memungut balik pinjaman ini? Maka di sinilah saya ingin menyarankan mungkin sudah terfikir oleh pihak yang berkenaan supaya pinjaman yang diberi itu juga digunakan untuk membeli insurans sebagai satu cover, dengan izin, bagi pinjaman yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya maklumkan tadi, saya percaya rang undang-undang ini tentu sekali mendapat sokongan dari semua ahli-ahli dalam Dewan ini dan dengan itu saya juga ingin mohon menyokong Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997.

Dengan ini saya sudahi ucapan saya dengan salam wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Puan Kamilia binti Ibrahim: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh pendekkan ya?

7.07 mlm.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Ya, pendek sahaja!

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih memberikan saya peluang untuk membahaskan dan menyokong rang undang-undang yang telah dikemukakan.

Saya ingin juga turut serta kerana pada saya rang undang-undang ini iaitu penubuhan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ini adalah satu-satunya perkara dalam pendidikan negara yang penting dan juga bersejarah.

Kerana kita tahu, bahawa pendidikan adalah sebenarnya sumber kekayaan negara dan tanpa pendidikan kita tidak akan dapat melahirkan generasi yang berilmu dan seterusnya dapat menyumbang kepada negara.

Saya ada hanya empat perkara yang ingin saya nyatakan di sini. Pertamanya, ialah saya melihat bahawa pengurusan tabung pendidikan ini ialah dengan penubuhan sebuah perbadanan. Jadi, kita berharap bahawa jikalau sesuatu itu dijadikan sebagai perbadanan adalah disarankan bahawa birokrasi sepertimana yang biasanya terdapat dalam perbadanan akan dikurangkan di dalam penyelenggaraan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ini kerana ianya adak berbeza daripada perbadanan yang lain dan kehendak dan matlamatnya juga adalah berbeza dari perbadanan-perbadanan yang lain.

Kita mahukan pengurusan yang lebih efektif, pengurusan yang proaktif dan saya ingin menyarankan bahawa perbadanan ini tidaklah merupakan satu badan yang hanya menunggu permohonan daripada penuntut-penuntut yang memerlukan pinjaman tetapi ianya perlu bersikap lebih proaktif dengan mengadakan agendanya yang memberikan satu matlamat jangka pendek dan jangka panjang.

Ianya perlulah merupakan satu perbadanan yang sebenarnya mempunyai matlamat dan rancangan di mana ianya akan melihat kepada keperluan sumber manusia yang diperlukan di negara ini. Kalau sains dan teknologi yang akan digalakkan sepertimana yang telah dikatakan, perlulah perbadanan ini merangka satu rancangan dan mempunyai strategi yang membawa keberkesanan kepada matlamat perbadanan itu sebagai satu badan yang merupakan satu tabung pendidikan dan juga merupakan satu perbadanan atau organisasi yang melahirkan sumber manusia yang kaya dengan ilmu.

Maka ianya perlulah mempunyai rancangan yang saya harap akan pergi mencari atau mengenal pasti penuntut-penuntut ataupun murid-murid yang berkemampuan dan

berkelayakan untuk dapat dididik, bukannya daripada masa ianya hanya setelah ianya untuk mendapat pengajian pendidikan tinggi tetapi ianya perlu juga dilatih ataupun dipilih daripada peringkat awal lagi.

Saya juga ingin mencadangkan dalam perancangan untuk pemilihan penuntut-penuntut ini, hendaklah diberi penekanan kepada pemohon ataupun calon yang merupakan anak daripada sesebuah keluarga yang tidak ada mempunyai seorang pun dari ahli keluarga itu yang dari lepasan mana-mana IPT. Kerana ianya adalah merupakan satu pemilihan yang penting, kerana kita telah dapat melihat bahawa kebanyakan daripada keluarga yang telah keluar daripada cengkaman kemiskinan ialah apabila ada salah seorang yang dapat mengikuti satu kursus pengajian tinggi, maka dengan sendirinya sebuah keluarga itu akan terkeluar daripada kemiskinan. Jadi, saya haraplah ini akan menjadi satu kriteria yang akan diberikan satu pertimbangan yang utama.

Dan kita juga harap tabung ini mengikut jangka panjangnya akan merupakan satu tabung yang akan dibuka kepada semua kaum dan ianya adalah lebih menepati dan mengarah juga kepada sentimen untuk penyatuan kaum-kaum supaya janganlah adanya perbadanan ini, ada pula menimbulkan rasa prasangka bahawa ini hanya lebih mirip kepada satu-satu kaum. Tetapi, ianya perlulah merupakan satu tabung yang akan lebih mementingkan kepada semua kaum yang memerlukan dan bermatlamat untuk mempertingkatkan sains dan teknologi di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang keduanya, ialah tentang Fasal 15 berkenaan kuasa amanah yang diberi kepada perbadanan dalam pelaburan. Inginlah saya mengingatkan bahawa pelaburan yang dilakukan hendaklah pelaburan yang ada berasaskan kepada nasihat dan consultancy dengan pihak yang berkewibawaan.

Saya percaya ini akan dilakukan walau bagaimanapun, adalah disarankan bahawa satu mekanisme kawalselia yang mempunyai kewibawaan yang tinggi jika belum ada, perlulah diwujudkan dan difikirkan agar tabung yang mempunyai amanah yang begitu tinggi ini, yang mempunyai tanggungjawab yang begitu tinggi ini dapat diurus sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyarankan Bahagian 5 - Pinjaman Pendidikan ini satu sistem dan cara pinjaman yang juga tidak membebankan sebagaimana yang dikatakan Yang Berhormat Tuan Abdillah tadi, tidak membebankan peminjam kerana kalau ianya merupakan satu sistem yang lebih membebankan, kemungkinannya ia juga tidak akan menggalakkan peminjam-peminjam.

Dan kita juga tidak mahu menggalakkan peminjam-peminjam yang akhirnya menjadi masalah sepertimana kita dapati dengan pinjaman MARA dan sebagainya. Perlulah direka satu sistem pinjaman yang lebih mudah untuk diterima dan lebih mudah juga dibayar balik jika ianya merupakan pinjaman dan mungkin sepertimana juga kata Yang Berhormat Tuan Abdillah tadi, sistem insurans itu lebih baik jika dapat diperkenalkan kerana kita juga tidak mahu mewujudkan satu masyarakat parisetik yang hanya memikirkan jikalau ada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, maka semuanya akan mengharap kepada tabung ini untuk memberikan pinjaman. Tetapi perlulah juga kita memberikan satu semangat berdikari kepada sebenarnya rakyat kita di Malaysia ini supaya mereka tidak hanya bergantung kepada tabung, tetapi sebenarnya mereka bila memikirkan tabung itu, mereka fikirkan bahawa ianya bukan satu jaminan atau satu hak untuk mendapat hinggakan mereka yang bertanggungjawab seperti ibu bapa tidak memikirkan cara mana untuk menabung, untuk pendidikan. Maka perlulah ada satu sistem cara pinjaman yang melibatkan ibu bapa dan juga anak-anak di mana Tabung

Pendidikan Tinggi Nasional ataupun perbadanan ini sebenarnya merupakan rakan kongsi dengan ibu bapa ataupun pelajar untuk diberikan khidmat pinjaman dan sistem pinjaman yang mana mereka adalah dibantu di dalam membiayai pendidikan anak-anak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang ingin saya sampaikan sebab masa tidak mengizinkan dan pendidikan ini adalah satu yang sangat luas dan perlu banyak diperdebatkan. Saya juga ingin melahirkan rasa kurang senang kerana kami Ahli Dewan Negara tidak mempunyai masa yang panjang untuk mendebat dan membahaskan rang undang-undang penting yang kita dapati yang dikemukakan kerana adalah juga merupakan tanggungjawab Ahli-ahli Dewan Negara untuk memberi pandangan dan seterusnya mendebatkan rang undang-undang sebelum meluluskan rang undang-undang kerana seperti kita tahu kalau rang undang-undang itu hendak ditafsirkan, *Hansard* juga boleh dijadikan bahan rujukan dalam tafsiran undang-undang dan adalah merupakan satu rasa kekecewaan bagi ramai kami di Dewan ini kerana tidak dapat memberikan sumbangan yang sewajarnya.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Haji Ahmad Ismail.

7.16 mlm.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam membahaskan usul ini dan saya tidak berhasrat untuk membincangkan tentang kebaikan kerana saya yakin kita semua sedar dari segi kesuntukan masa, maka izinkan saya terus kepada tiga bentuk persoalan ataupun pandangan.

Yang pertamanya saya ingin mengesyorkan bahawa memandangkan satu jawatankuasa pentadbiran akan ditubuhkan kepada perbadanan ini, kita amat berharap supaya kos pentadbiran perbadanan haruslah dikawal dan janganlah sampai ianya menyebabkan peluang anak-anak untuk menggunakan tabung akan terhad di mana akhirnya matlamat kerajaan akan tergendala. Itu yang pertama.

Yang kedua, apakah harus atau tidak tempoh perkhidmatan jawatankuasa pentadbir perbadanan ini dihadkan?

Dan yang ketiga ialah cara pembayaran balik. Saya amat bersetuju supaya tidak ada penjamin dan mungkinlah cukup sekadar peminjam menandatangani surat kebenaran potongan gaji yang dibuat di awal-awal lagi dengan mana-mana jua majikan yang mereka akan berkhidmat nanti dan ini dapat perbadanan trace melalui EPF - dari segi kad pengenalan dapat trace.

Itu sahaja dan saya turut menyokong usul ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu.

7.17. mlm.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan dan juga Kementerian Pendidikan atas pembentangan Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ini dan saya fikir rang undang-undang ini telah dinanti-nantikan oleh ibu bapa-ibu bapa dan rakyat Malaysia oleh kerana rang undang-undang akan mencetuskan perkembangan pendidikan di negara ini.

Dalam tahun yang lalu beberapa rang undang-undang telah dibentangkan dan telah dilulus oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Semua akta pendidikan memberi peluang kepada sektor pendidikan awam dan swasta mengukuhkan sistem itu dan bersedia untuk menghadapi beberapa cabaran menjelang tahun 2000. Pada masa kini negara kita mengalami kekurangan tenaga manusia yang mempunyai kemahiran seperti jurutera, doktor, computer analysis dan sebagainya. Satu laporan Bank Dunia mengatakan negara kita mengalami kekurangan tenaga manusia yang mempunyai kemahiran yang tinggi iaitu ditafsirkan sebagai 'lacking skill intensity'.

Untuk memenuhi hasrat negara kita menjadi sebuah negara yang maju pada tahun 2020, kita harus melatih pekerja yang berpengetahuan iaitu mereka yang mempunyai pengetahuan (knowledge workers). Pekerja-pekerja ini akan memenuhi permintaan yang wujud oleh MSC dan juga pembangunan ekonomi yang telah mencapai lebih daripada 8% beberapa tahun berturut-turut. Untuk memenuhi permintaan daripada ekonomi kita untuk tenaga manusia yang berpengetahuan, hasil daripada institusi pengajian tinggi harus dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, data-data daripada Kementerian Pendidikan menunjukkan bahawa pada tahun 1995 sebanyak 85,600 orang penuntut didaftar dalam kursus-kursus di peringkat ijazah di universiti-universiti tempatan. Pengambilan penuntut bagi peringkat ijazah kepada institusi-institusi pengajian tinggi adalah 3.5% daripada belia-belia yang berumur 19 tahun sehingga 24 tahun tetapi jika kita campurkan penuntut-penuntut yang mengikuti kursus-kursus diploma dan certificate peratusan ini meningkat kepada 13.87%. Peratusan ini adalah rendah jika dibandingkan dengan negara-negara yang lain dan kerajaan berhasrat untuk meninggikan pengambilan di institusi pengajian tinggi daripada 3.5% kepada 55.6% pada tahun 2000. Pada tahun ini 47,000 penuntut telah mendapat tempat di IPT tempatan.

Untuk mencapai objektif ini, kerajaan harus menyelesaikan halangan-halangan yang dihadapi oleh bakal penuntut-penuntut IPT. Satu halangan yang dihadapi oleh sebahagian besar golongan penuntut adalah kekurangan wang untuk beberapa bayaran kos pendidikan tinggi mereka. Oleh kerana majoriti penuntut di IPT adalah daripada sosio-ekonomi yang rendah, mereka bergantung kepada pinjaman dan biasiswa daripada beberapa badan kerajaan dan badan-badan sukarela. Mereka tidak mendapat wang yang mencukupi sepanjang tempoh pendidikan mereka di institusi pengajian tinggi.

Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ini akan menyelesaikan masalah kekurangan wang di kalangan mahasiswa. Rang undang-undang ini adalah komprehensif dan telah mengambil semua aspek termasuk pemungutan bayaran balik pinjaman pendidikan. Pemungutan bayaran balik pinjaman adalah satu masalah yang dihadapi oleh beberapa badan pinjaman pendidikan. Cara pemungutan yang dicadangkan dalam bahagian 5 iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri memungut pinjaman melalui pemotongan gaji seseorang pelajar adalah baik. Pendekatan ini adalah wajar, cekap dan efisien. Kaedah ini dilaksanakan oleh beberapa negara yang lain seperti Australia, New Zealand dan Amerika Syarikat.

Pada masa sekarang kerajaan telah memberi persetujuan untuk menubuhkan tiga lagi institusi swasta iaitu Universiti Telekom, Universiti Tenaga dan Universiti Petronas. Saya ingin tahu daripada Kementerian Pendidikan adakah pinjaman ini akan diberi kepada penuntut-penuntut di institusi pengajian tinggi swasta dan apakah kriteria yang digunakan untuk memproses permohonan itu. Saya harap kriteria akademik dan sosio-ekonomi akan diberi pertimbangan yang serius oleh lembaga ini daripada faktor-faktor yang lain. Mengenai isu akademik, rang undang-undang tidak ada proviso untuk pemberian biasiswa ataupun scholarship bukan pinjaman kepada pelajar-pelajar yang telah mencapai tahap yang cemerlang seperti 10A1 dalam peperiksaan SPM dan mendapat 5A dalam peperiksaan STPM. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah proviso ataupun ruang dalam undang-undang ini untuk memberi scholarship bukan pinjaman kepada penuntut-penuntut yang mengikuti kursus-kursus di IPT.

Jika mereka diberi scholarship, ini akan memberi dorongan dan motivasi kepada pelajar-pelajar untuk mendapat pencapaian pada peringkat kecemerlangan. Pencapaian seperti itu akan menolong membentuk satu budaya kecemerlangan. Saya amat tertarik dengan Bahagian IV, Fasal 11 di mana perbadanan ini boleh menerima deposit daripada seseorang rakyat Malaysia sebagai simpanan untuk pendidikan tinggi anak-anak mereka. Objektif ini bukan sahaja akan meninggikan simpanan negara kita tetapi juga akan membentuk suatu sikap dan nilai yang positif terhadap simpanan dan juga terhadap pendidikan anak-anak mereka. Ini juga akan mengurangkan the dependency syndrom, dengan izin, atas kerajaan oleh rakyat jelata.

Tabung Pendidikan Tinggi ini bukan sahaja memberi pinjaman pendidikan tetapi akan mencetuskan beberapa perubahan dalam pendidikan tinggi. Yang pertama sikap ibu bapa dan penuntut-penuntut tidak perlu berasa bahawa mereka tidak mempunyai kemampuan untuk pendidikan tinggi. Yang kedua, dengan adanya sumber kewangan untuk pendidikan tinggi mereka, penuntut-penuntut boleh memohon dan mengikuti kursus-kursus sejajar dengan kebolehan dan minat mereka. Ini akan mengelakkan masalah 'mismatched' di antara kursus yang diikuti dan minat pelajar itu.

Saya juga ingin tahu daripada Kementerian Pendidikan adakah masalah keciciran daripada IPT, adakah masalah ini serius dan jika ada, tabung ini akan mengurangkan masalah keciciran daripada IPT disebabkan oleh

kekurangan kewangan. Pelaksanaan tabung ini akan juga mempertingkatkan persamaan peluang pendidikan dan keadilan sosial kepada semua lapisan masyarakat di negara kita.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail. Pendek ya.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Okay.

7.27 mlm.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut membahaskan Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan tabung ini amatlah sesuai sekali dan saya percaya penuh rakyat biasa di seluruh pelosok negara ini akan mengalu-alukan penubuhan tabung ini. Saya amat tertarik dengan kumpulan wang yang disebutkan di muka surat 7 Bahagian II iaitu:

“(b) segala pemberian derma, hadiah, sumbangan dan bekues yang diberikan kepada atau bagi faedah perbadanan”.

Semuanya ada terdiri sampai (k) tetapi saya hendak sentuh yang itu. Kita harap pengurusan tabung ini akan memberi pengecualian cukai termasuklah pendeposit-pendeposit kepada pelajar-pelajar ataupun anak-anak yang dibuat oleh pendeposit. Jadi, kalau pengecualian cukai ini diberi mungkin akan memberi galakan kepada penderma-penderma sama ada secara individu ataupun syarikat-syarikat.

Saya juga ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan perkara seksyen 4:

“4. Kumpulan Wang boleh dibelanjakan bagi maksud - (c) menubuhkan skim insurans dan skim amanah saham”

Ini juga adalah satu perkara yang saya rasa menarik dan boleh membantu daripada pandangan kebanyakan Ahli Yang Berhormat tadi yang mana menyebutkan tabung ini perlu melaksanakan satu skim insurans dan di sini bukan setakat skim insurans sahaja, skim amanah saham pun ada di sini, maknanya pihak pengurusan tabung ini boleh melaksanakan skim ini dan ini satu daripada produk yang boleh menambahkan sumber pendapatan.

Kemudian di muka surat 15 juga ada disebutkan di sini perkara 15 ceraihan 2(1) iaitu:

“wang dalam Kumpulan Wang dalam subseksyen (1) boleh dilaburkan di dalam;

(a) sekuriti kerajaan;

(b) Pelaburan yang dibenarkan oleh atau di bawah Akta Pemegang Amanah 1949; dan

(c) sekuriti atau pelaburan lain yang diluluskan oleh Menteri Kewangan”.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ingin mengingatkan pihak pengurusan lembaga yang menguruskan tabung ini supaya dalam pengurusan ini hendaklah mereka berhati-hati supaya wang ini tidak disalahgunakan dan tidak ada sesuatu kepentingan pihak-pihak tertentu, sebab kita tidak mahu jumlah wang yang banyak ini akhirnya kegunaan kepada perkara-perkara yang penting peratusnya sedikit - sebaliknya digunakan untuk kepentingan lain. Kita juga berharap pihak kerajaan akan mempermudah proses kelulusan kepada peminjam-peminjam.

Saya ingin mencadangkan juga supaya pemberian kumpulan wang ini diberi dalam bentuk bantuan segera dan juga sumbangan yang merupakan jumlah yang tidak tetap. Misalannya ada yang diberi RM1,000, RM2,000 dan RM3,000 yang merupakan token dikeluarkan begitu sahaja.

Satu lagi, pihak perbadanan ini juga memberi dalam bentuk biasiswa kepada pelajar-pelajar miskin yang mereka ini tidak mampu tetapi pelajaran mereka adalah baik dan diberi dalam bentuk biasiswa, tidak payah tunggu sampai pelajar ini lulus baru dianggap sebagai biasiswa, peringkat pemberian awal pun boleh dianggap sebagai biasiswa.

Yang ketiganya, diberi di dalam bentuk pinjaman. Pinjaman ini sudah tentulah tertakluk kepada beberapa syarat terutama sekali apabila pelajar-pelajar ini melanggar syarat-syarat ini, pinjaman-pinjaman ini boleh dihentikan ataupun diarah suruh waris mereka membayar balik.

Saya percaya penuh syarat-syarat yang lebih lengkap lagi akan diwujudkan oleh pihak pengurusan tabung ini dan mudah-mudahan dengan adanya tabung ini masalah pendidikan di negara kita bagi semua rakyat, tidak kira kaum seperti disebutkan tadi, tidak akan lagi menjadi masalah. Dengan ini, saya menyokong usul ini. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

7.32 mlm.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pendidikan, saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil perbincangan dalam rang undang-undang ini. Oleh kerana ramai Ahli Yang Berhormat yang telah kemukakan pandangan-pandangan yang sama, jadi saya ambil kesempatan ini untuk menjawab secara keseluruhan supaya jawapan itu adalah ringkas.

Pertamanya, ramai Ahli Yang Berhormat telah sebutkan bahawa proses pinjaman ini haruslah merupakan satu proses yang simple dan licin, memang itulah juga tujuan Kementerian Pendidikan. Jadi, kita kenalkan sahaja peminjam itu ada satu persetujuan atau agreement dengan Kementerian Pendidikan, selepas itu dilakukan pinjaman itu boleh dikemukakan. Kedua, kita tidak perlukan ada guarantor dan sebagainya kerana konsep skim pinjaman ini ialah sipeminjam itu atau pelajar itu merupakan guarantor dia sendiri kerana kita gunakan, dengan izin, future income pelajar itu sebagai guarantor. Jadi, kalau pelajar itu bersetuju bahawa selepas dia tamat pengajian, pendapatan dia akan dipotong, kita beri pinjaman itu.

Saya juga mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan tabung itu, khususnya tabung itu dibuka kepada semua warganegara Malaysia tanpa mengira kaum sedangkan mereka terdiri daripada keluarga yang miskin yang amat memerlukan pinjaman itu, itu juga tujuan

Kementerian Pendidikan. Kita akan lakukan satu mince test supaya pelajar-pelajar yang sebenarnya memerlukan pinjaman itu diberi dan mereka yang terdiri daripada keluarga yang kaya tidak payahlah.

Tentang soalan bahawa bolehkah skim ini ditukar kepada biasiswa dan sebagainya, tujuan tabung ini ialah untuk menjamin bahawa semua pelajar khususnya pelajar-pelajar miskin dapat peluang untuk mengikuti universiti. Kalau ada pelajar-pelajar yang cemerlang memang ada skim-skim yang lain dalam bentuk biasiswa yang mereka boleh buat permohonan dan saya rasa skim-skim tersebut memang akan beri biasiswa kalau pelajar-pelajar itu adalah benar-benar cemerlang, terutamanya mereka yang memperolehi 5A atau 11 A1 dalam SPM dan sebagainya.

Selain daripada itu, dalam skim ini juga kita ada peruntukan untuk memberi insurans bagi menjaga kes-kes seperti pelajar yang malangnya meninggal dunia dan sebagainya supaya kes-kes tersebut akan dicover.

Memang juga adalah tujuan tabung ini untuk menggalakkan pelajar-pelajar mengikuti kursus-kursus yang amat diperlukan oleh masyarakat dan negara. Justeru itu, kita memberi perhatian atau prioriti kepada mereka yang akan mengikuti kursus dalam sains dan teknologi.

Cadangan tentang bolehkah Kementerian Pendidikan memberi insentif untuk menggalakkan syarikat atau korporat memainkan peranan yang lebih besar dan lebih tinggi, dalam konteks ini memang Kementerian Pendidikan akan memberi pertimbangan ke atas segala cadangan dan kita akan laksanakan skim-skim tertentu untuk menggalakkan sektor korporat, khususnya dari segi menggalakkan daya menyimpan dan sebagainya. Kita perlu juga sokongan dari pihak korporat supaya tabung ini bukan sahaja merupakan satu tabung kerajaan, tetapi kalau sektor-sektor korporat ada tabung-tabung yang lain mengikut contoh ini, kita juga galakan.

Sekian sahaja saya dapat jelaskan. Bagi pandangan-pandangan yang saya tidak dapat menjawab, Kementerian Pendidikan akan mengambil kira semua pandangan yang telah diberi.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 57 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENGAMBILAN TANAH (PINDAAN) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.40 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu rang undang-undang untuk meminta Akta Pengambilan Tanah 1960 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara kita telah mencatatkan pertumbuhan yang mantap lagi pantas bagi dekad ini dan dijangka ianya akan berterusan pada dekad yang akan datang sehingga menjangkau tahun 2020. Pembangunan ekonomi negara yang pesat ini menunjukkan peningkatan kepada faktor-faktor pengeluaran seperti modal, tenaga kerja dan keusahawanan. Walau bagaimanapun, satu lagi faktor pengeluaran yang penting tidak berkembang selari dengan lain-lain faktor, faktor itu ialah tanah. Secara relatifnya, dengan izin, 'land has shrunk'. Oleh kerana itu, permintaan terhadap tanah akan terus meningkat sedangkan sumbernya adalah terhad. Untuk mengatasi masalah ini, penggunaan tanah yang optimum dan pengurusan pentadbiran tanah yang cekap adalah diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pembangunan yang pesat yang dialami oleh negara ketika ini, keluasan tanah kerajaan yang sedia ada sudah tidak mencukupi bagi menampung projek-projek pembangunan yang dirancangan. Bagi mengatasi masalah ini, kerajaan tidak mempunyai pilihan lain kecuali menggunakan peruntukan undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini iaitu Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi memperoleh tanah yang sesuai untuk pembangunan negara.

Menyedari akan isu-isu yang timbul, maka kerajaan telah membuat kajian yang teliti dan mendalam bagi meminda beberapa peruntukan yang ada. Kajian yang dibuat bukan sahaja berdasarkan kepada keperluan dan kepentingan kerajaan, malahan mengambil kira juga pandangan dan ulasan dari badan-badan profesional bukan kerajaan. Rang undang-undang ini telah dibincangkan dalam Majlis Tanah Negara yang ke-53 di mana semua kerajaan negeri turut terlibat dan bersetuju.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya terdapat 33 peruntukan yang terlibat dengan cadangan pindaan ini. Antara objektif pindaan akta ini ialah:

- (i) untuk mengatasi kelemahan-kelemahan dalam melaksanakan seksyen 3(b) dan 3(c);
- (ii) untuk memperjelaskan cara-cara pelaksanaan seksyen 3(b) dan (c) supaya ianya seragam, lebih telus, rasional, bertanggungjawab dan boleh melindungi kepentingan tuan tanah secara total;
- (iii) untuk memperkemaskan lagi peruntukan-peruntukan lain di dalam akta ini dan memenuhi keperluan semasa; dan
- (iv) untuk menentukan asas penilaian pampasan yang lebih tepat, cepat dan adil kepada semua pihak serta menggambarkan nilai sebenar tanah yang diambil.

Bagi objektif pertama iaitu untuk mengatasi kelemahan dalam pelaksanaan seksyen 3(b) dan (c), beberapa peruntukan baru telah dimasukkan bagi menyenangkan dan menyeragamkan tatacara.

Fasal 3 rang undang-undang ini memperuntukkan bahawa mana-mana permohonan yang dibuat di bawah seksyen 3(1)(b) dan (c) perlu menggunakan Borang Khas yang akan disediakan di dalam Kaedah. Pemohon pengambilan tanah dikehendaki mengemukakan bersama-sama borang permohonannya dokumen-dokumen seperti cadangan projek, pelan tataatur dan pelan pengambilan tanah, laporan awal penilaian tanah, bayaran pemprosesan dan deposit. Ini adalah bagi memastikan hanya pemohon yang tulen sahaja akan memohon pengambilan tanah bagi maksud pembangunan ekonomi yang dinyatakan di bawah seksyen 3(1)(b) dan (c).

Peruntukan juga dimasukkan di dalam Fasal 3, subseksyen baru 3(6) di mana sekiranya tanah yang dipohon telah dikeluarkan kelulusan pembangunan dan permohonan pengambilan tanah itu bukan bagi maksud kemudahan awam (public utility), maka pihak berkuasa negeri tidak boleh menimbang permohonan tersebut dan Pentadbir Tanah hendaklah menolak permohonan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, objektif kedua iaitu untuk memperjelaskan lagi cara-cara pelaksanaan seksyen 3(b) dan (c) supaya ianya seragam, lebih telus, rasional, bertanggungjawab dan boleh melindungi kepentingan tuan tanah secara total ada diterangkan di dalam Fasal 4 rang undang-undang ini. Memandangkan Unit Perancang Ekonomi Negeri merupakan satu institusi yang mempunyai kepakaran dan pegawai dalam bidang yang diperlukan, maka ianya dipertanggungjawabkan untuk meneliti permohonan yang diterima daripada Pentadbir Tanah.

Bagi permohonan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pentadbir Tanah akan mengemukakan permohonan tersebut kepada Jawatankuasa Khas Pengambilan Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. UPEN atau Jawatankuasa Khas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, setelah menerima permohonan, perlu meneliti dan menyemak beberapa perkara seperti:

- (a) kepentingan awam;
- (b) keupayaan dan kemampuan pemohon;
- (c) daya maju projek; dan
- (d) kelulusan pembangunan yang dikeluarkan kepada pemilik tanah berdaftar.

Tuan Yang di-Pertua, bagi melindungi kepentingan tuan tanah, maka di bawah Fasal 4, iaitu seksyen 3A(2), (3), (4), (5), (6) dan (7) dan seksyen 3B, UPEN atau Jawatankuasa Khas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur perlu menentukan sama ada sesuai atau tidak tuan tanah melibatkan diri dalam projek yang dicadangkan. Sekiranya UPEN atau jawatankuasa khas berpendapat sesuai bagi tuan tanah untuk melibatkan diri, maka kedua-dua pihak ini dikehendaki mengarahkan supaya rundingan dijalankan antara pemohon pengambilan tanah dengan tuan tanah berkenaan mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang difikirkan sesuai.

Sekiranya rundingan tersebut gagal mencapai apa-apa persetujuan, maka UPEN dan Jawatankuasa Khas Wilayah Persekutuan perlu menilai dan mengkaji sama ada penglibatan tuan tanah sesuai atau tidak bagi projek yang dicadangkan. Bagi tanah yang tidak mempunyai apa-apa kelulusan pembangunan, UPEN atau Jawatankuasa Khas juga perlu menilai dan mengkaji sama ada penglibatan tuan tanah sesuai atau tidak dan rundingan perlu diadakan mengikut kaedah yang sama seperti yang dinyatakan di atas. Setelah perundingan selesai, UPEN atau

Jawatankuasa Khas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur perlu mengkaji laporan hasil perundingan yang dikemukakan oleh pemohon pengambilan tanah. Berdasarkan laporan ini dan setelah kajian teliti dibuat, UPEN akan membuat perakuan-perakuan yang difikirkan sesuai dan mengemukakannya kepada Jawatankuasa Khas Pengambilan Tanah di peringkat negeri.

Bagi memastikan wujudnya keseimbangan atau dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, check and balance di dalam akta ini, maka di bawah seksyen 3C, 3D dan 3E, satu Jawatankuasa Khas Pengambilan Tanah yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri atau bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan dianggotai oleh wakil-wakil jabatan yang berkaitan diwujudkan. Jawatankuasa Khas ini dikehendaki mengemukakan apa-apa perakuan yang difikirkan sesuai seperti mengenakan apa-apa syarat atau sekatan kepentingan ke atas tanah yang dipohon dalam tempoh dua bulan kepada pihak berkuasa negeri.

Tuan Yang di-Pertua, objektif ketiga ialah untuk memperkemaskan lagi peruntukan-peruntukan lain di dalam akta ini bagi memenuhi keperluan semasa bagi menentukan proses pengambilan tanah dapat dilaksanakan dengan teratur dan sempurna. Bagi mencapai matlamat ini, beberapa tafsiran di bawah Fasal 2 dicadangkan supaya dipinda dan beberapa takrif baru dimasukkan.

Tuan Yang di-Pertua, lain-lain pindaan yang dimasukkan ke dalam rang undang-undang ini adalah merupakan pindaan susulan atau dengan izin, consequential amendments yang juga penting bagi memperkemaskan lagi akta ini dan memenuhi keperluan semasa supaya proses pengambilan tanah dapat dilaksanakan dengan teratur dan sempurna.

Objektif keempat dan terakhir ialah untuk menentukan asas penilaian pampasan yang lebih tepat, cepat dan adil kepada semua pihak serta menggambarkan nilai sebenar tanah yang akan diambil. Sebagaimana yang kita semua maklum pampasan yang dibayar seringkali menjadi isu dalam pengambilan tanah. Oleh yang demikian, bagi mencapai matlamat ini, beberapa pindaan difikirkan perlu dibuat kepada Jadual Pertama akta ini seperti yang terdapat di bawah Fasal 33 di dalam rang undang-undang yang dibentangkan. Antara pindaan-pindaan yang dibuat ialah dengan memasukkan beberapa peruntukan baru semasa menentukan jumlah pampasan:

- (i) membolehkan penilai menggunakan apa-apa kaedah penilaian yang sesuai;
- (ii) harga pasaran sebahagian kecil tanah yang akan diambil hendaklah dibuat, dengan izin, proportionate dengan luas keseluruhan lot berkenaan;
- (iii) apa-apa bukti urusniaga yang dibuat selepas daripada tarikh tanah berjadual sepatutnya dinilai, tidak boleh diambil kira; dan
- (iv) baki tempoh tamat pajakan bagi tanah yang didaftarkan di bawah hak milik pajakan perlu diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa lagi pindaan-pindaan kecil yang saya tidak menjelaskan satu persatu dengan secara terperinci kesemuanya adalah untuk mengemaskan lagi akta ibu ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah diterangkan, matlamat pindaan Akta Pengambilan Tanah 1960 adalah untuk mewujudkan ketelusan dalam prosedur pengambilan tanah di samping memberikan keadilan kepada rakyat sesuai dengan kehendak Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan. Pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah berlandaskan kepada dengan izin, principle of rationality and accountability. Adalah diharapkan matlamat untuk meminda Akta Pengambilan Tanah 1960 ini akan tercapai, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sudah sampai masa yang singkat, saya rasa kalau boleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap ini sedikit, kurangkanlah. Masanya 10 minit seorang sahaja.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pengambilan Tanah 1960 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas, dan diharapkan dibahas dengan seberapa cepat yang boleh, dengan seberapa kurang ahli bercakap. *[Ketawa]*

Puan Tan Ah Keng: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat Yang Berhormat hendak balik ke Kota Tinggi.

Puan Tan Ah Keng: Oleh sebab itu, saya hendak cakap dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) 1997 ini. Umum diketahui perkembangan akta ini amat diperhatikan di kalangan rakyat terutamanya tuan tanah yang terlibat. Kami berasa bangga semasa tindakan pengambilan tanah oleh sebahagian kerajaan negeri, telah menimbulkan perselisihan kerana Kerajaan Barisan Nasional memutuskan untuk mengadakan pindaan kepada Rang Undang-undang Pengambilan Tanah di Dewan yang mulia ini.

Saya bersetuju dengan pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, iaitu beliau telah memberitahu kepada media tempatan semasa beliau melawat ke England bahawa tindakan pengambilan tanah yang dilakukan oleh sebahagian kerajaan negeri adalah berbeza dengan dasar Kerajaan Pusat. Walaupun pengambilan tanah merupakan hak kerajaan tempatan, akan tetapi kerajaan tempatan tidak seharusnya mengambil tanah dengan sewenang-wenangnya. Malahan ianya seharusnya dilakukan berdasarkan hasrat Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, atas perkembangan ekonomi negara yang pesat, memang tidak dapat dinafikan bahawa tanah kerajaan yang sedia ada itu tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan pembangunan dan seterusnya akan memerlukan pengambilan tanah rakyat. Namun begitu, ini tidak bermakna bahawa pihak kerajaan tempatan harus mengambil tanah rakyat dengan tidak menghiraukan kepentingan rakyat. Malahan ada di antara kerajaan

tempatan yang ambil tanah untuk dijual lalu mendapatkan keuntungan sepertimana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tindakan seperti ini telah menunjukkan bahawa akta ini telah disalahgunakan. Pada setiap pengambilan tanah, pembangunan negara merupakan faktor utama yang perlu dipertimbangkan di samping menjaga kepentingan tuan punya tanah. Oleh yang demikian, saya berasa amat bangga dan mengalu-alukan cadangan pindaan kepada rang undang-undang ini, di mana Fasal 3A dan 3C telah ditambah yang memastikan perkara pengambilan tanah untuk pembangunan tuan punya tanah seharusnya dijemput untuk menurut dalam pembangunan tersebut, dan syarat-syarat pembangunan akan diputuskan oleh pemaju semasa tuan punya tanah. Jika tuan punya tanah tidak berhasrat untuk mengambil bahagian, maka mereka boleh menuntut pampasan yang berpatutan. Sekiranya mereka tidak puas hati, maka mereka boleh menuntut melalui keputusan mahkamah.

Tindakan Kerajaan Barisan Nasional mengadakan pindaan ke atas rang undang-undang yang mempunyai pertentangan seperti ini telah menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional sentiasa mengambil berat tentang kepentingan rakyat, lalu membantu dalam penyelesaian masalah yang dihadapi oleh rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat cadangan terhadap pindaan rang undang-undang ini, iaitu jikalau tuan punya tanah sedang membuat permohonan untuk membangunkan tanah mereka kepada kerajaan tempatan, maka segala permohonan yang lain untuk membangunkan tanah yang sama mesti ditolak. Kepunyaan hak tuan tanah perlu dihormati serta dilindungi. Oleh itu, jika tuan punya tanah telah membuat permohonan untuk membangunkan tanah mereka dan membuat bayaran wang cagaran, ini menunjukkan bahawa mereka mempunyai kemampuan untuk pembangunan tersebut, dan tanah mereka tidak seharusnya diambil oleh kerajaan. Tindakan seperti ini akan dapat mencegah daripada berlakunya kegiatan yang tidak sihat seperti sengaja melambatkan kelulusan untuk memberi peluang kepada pihak ketiga membuat permohonan, di mana keadaan seperti ini amatlah tidak adil kepada tuan punya tanah.

Selain daripada itu, jika tuan punya tanah belum membuat permohonan untuk pembangunan atas dasar hakmilik tanah, tuan punya tanah seharusnya diberi satu tempoh yang sesuai untuk membentangkan cadangan pembangunan tanahnya, dan jikalau cadangannya dapat diterima, maka hak pembangunan itu perlu diberi kepada tuan punya tanah dan bukannya kepada pihak ketiga. Terdapat sebahagian kerajaan tempatan yang sentiasa menggunakan alasan pembangunan lalu mengambil tanah rakyat dan sebaliknya tanah tersebut telah dijual kepada korporat persendirian untuk dibangunkan.

Untuk mencegah berlakunya kegiatan yang tidak sihat seperti ini, saya bercadang supaya semasa pihak kerajaan tempatan mengambil tanah untuk dimajukan oleh pemaju, pihak kerajaan seharusnya memberi peluang kepada tuan punya tanah untuk membentangkan cadangan pembangunannya dan jika tuan punya tanah tidak mampu, maka pihak ketiga akan dijemput untuk menjalankan pembangunan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mengambil kesempatan ini untuk memberi pandangan atas perkembangan pembangunan yang mengakibatkan faktor di sekitaran. Oleh kerana ada di antara pemaju yang tidak menghiraukan faktor persekitaraan semasa membangunkan tanah. Mereka menebang pokok-pokok serta meratakan bukit untuk menjimat kos perbelanjaan. Perkembangan seperti ini telah mendatangkan keburukan kepada alam sekitar. Ada juga pemaju yang mengorek tanah sesuka hati, sehingga kabel elektrik di bawah tanah dirosakkan dan mengakibatkan bekalan elektrik terputus, dan ini telah mendatangkan kesulitan serta kerugian kepada rakyat jelata. Oleh kerana pemaju-pemaju ini hanya diminta memberi pampasan yang kecil, perkembangan seperti ini telah menimbulkan sikap tidak peduli di kalangan pemaju.

Oleh itu, saya mencadangkan supaya pihak kerajaan dapat meminda akta berkenaan untuk mencegah kegiatan yang tidak bertanggungjawab daripada pemaju tersebut. Selain daripada itu, pemaju yang berkaitan seharusnya dihalang untuk menjalankan kerja pembangunan kerajaan.

Akhir kata, adalah menjadi keinginan saya supaya pindaan rang undang-undang yang dibentangkan ini mendapat sokongan serta diluluskan demi menjaga kepentingan tuan punya tanah serta memberi kepercayaan kepada rakyat jelata. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong akta rang undang-undang ini.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Sedikit, pendek sahaja sudah. Banyak orang bercakap, jadi tak usah ulangilah apa yang telah diperkatakan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya....

Seorang Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang ini dahulu. Dia bangun dahulu daripada Yang Berhormat.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Saya mengucapkan terima kasih banyak-banyak kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang untuk saya menyentuh sedikit tentang rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pengambilan Tanah 1960.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan Barisan Nasional yang peka dengan keperluan rakyat bagi menentukan yang tanah yang diambil ini merupakan tanah yang akan digunakan bagi kepentingan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama, saya ingin juga hendak menyentuh berkenaan dengan tanah-tanah yang diambil oleh pihak kerajaan untuk kegunaan dari

segi tanah negeri, untuk kegunaan pihak Kerajaan Pusat di mana objektif untuk hendak membangunkan tanah itu terbengkalai, sehinggakan kini wujud tanah-tanah yang diambil alih oleh pihak Kerajaan Pusat daripada negeri merupakan tanah-tanah terbiar, kerana projek yang asal untuk hendak membangunkan tanah itu terbengkalai.

Jadi, saya hendak menyeru kepada pihak Kerajaan Pusat kepada tanah-tanah yang diambil terutama sekali di negeri Pahang, banyak tanah-tanah sekarang saya dapati diambil oleh Kerajaan Pusat untuk tujuan hendak membuat hospital seperti yang ada di Kuantan, untuk hendak buat universitilah, untuk hendak buat kepentingan dari segi Kementerian Pertahanan, tempat orang hendak menembak dan sebagainya di Temerloh. Seluas 200, 300 ekar tanah-tanah medan tetapi sehingga kini tanah-tanah ini masih lagi tidak dibangunkan.

Jadi, soalnya sekarang, pada masa yang sama kita terpaksa memikirkan, kalau sekiranya pihak Kerajaan Pusat tidak berniat untuk hendak mengusahakan tanah-tanah ini, eloklah pulangkan balik tanahnya. Saya tahu, kalau hendak pulangkan balik kepada kerajaan negeri dengan harga pasaran, dengan harga yang ditentukan oleh jabatan penilaian, ini pun saya rasa kemungkinan tidak wujud satu keadilan, kerana pada waktu yang sama kita tahu Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi di peringkat Kerajaan Pusat mengambil tanah dari kerajaan negeri dengan harga yang paling minimum.

Ada kerajaan negeri yang memerlukan projek, sanggup memberi tanah yang luas, yang medan dengan harga RM10 sebagai 'token'. Tetapi, pada masa yang sama, tanah itu tidak diusahakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil perhatian Dewan yang mulia ini berkenaan dengan kenyataan yang dibuat oleh kementerian bersangkutan-paut dengan tanah ini terutama dari segi tanah-tanah kepunyaan peneroka-peneroka Felda.

Kita dapati pihak kerajaan kini amat peka dengan wujudnya syarikat-syarikat RM2 yang memohon untuk hendak memajukan tanah secara raksaksa, yang berjumlah kalau ikut kos pembangunan berbilion, tetapi mereka hanya mempunyai syarikat yang dibayar dengan saham RM2 dan sekarang ini pihak kerajaan peka supaya ketelusan dari segi hendak membangunkan projek tanah-tanah peneroka ini sepatutnya kita lebih berwaspada bagi menentukan masa depan peneroka terjamin.

Jadi, kalau sekiranya adalah pemohon-pemohon yang hendak memohon tanah ini, hendak dibangunkan, kita hendaklah meneliti syarikat-syarikat ini, janganlah kita biarkan sewenang-wenangnya dari segi pakatan antara mereka hendak membangunkan tanah sehinggakan ianya terbengkalai.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin hendak menyentuh berkenaan dengan tanah-tanah kerajaan di mana ianya kadangkala secara senyap-senyap tengok-tengok dah diswastakan. Kalau ketelusan ini kita hendak buat di peringkat negeri, kita juga hendak memohon kepada kerajaan baik di Kuala Lumpur ataupun di mana-mana kalau ada tanah-tanah kerajaan yang dikhususnya untuk hendak dibangunkan secara penswastaan, elok kita pameran mengikut program perancangan. Kalau sekiranya di Kuala Lumpur misalnya, di Jalan Cochrane, sekolah ini, sekolah itu banyak sangat sekarang ini kita dengar dalam surat khabar sudah diswastakan, siapa yang dapat pun kita tidak tahu. Senyap-senyap sahaja, kadang-kadang projek kita masuk ke dalam EPU dan sebagainya, di'hijack' pula orang lain, kadang-kadang orang lain dapat. Ini saya dengar cerita ini,

fasal pelan itu dia sudah buat dengan harga dan kos yang tinggi dan sebagainya, orang lain yang dapat.

Kalau sekiranya kerajaan bersungguh-sungguh untuk hendak menentukan kawasan-kawasan yang tertentu yang dibangunkan secara swasta, pameran kepada orang ramai, buat 'bidding' - tender. Ini kawasan di Jalan Cochrane misal kata ada 100 ekar, siapa yang hendak memohon, hendak menswastakan kita buat 'bidding', kita buat masuk tender, barulah kerajaan mendapat secara maksimumnya dari segi pulangan.

Harga tanah sekarang meningkat, tetapi saya perhatikan tidak begitu. Jadi, soal ketelusan ini hendaklah dibuat dua hala. Bila kita ambil tanah orang ramai, kita wujudkan ketelusan dengan adanya sistem di mana UPEN memainkan peranan, jawatankuasa memainkan peranan dan bila kita hendak menswastakan tanah kerajaan secara senyap-senyap ini, saya rasa eloklah pihak kementerian sama ada Kementerian Kewangan yang incharge UPEN atau hal tanah, menentukan ianya dibuat secara tender, seperti juga kita menender barang-barang lain oleh pihak kerajaan.

Ini boleh menentukan bahawasanya projek itu memberikan pulangan yang lebih baik daripada pihak tertentu, mengoptimumkan, meningkatkan revenue kepada pihak kerajaan.

Jadi, saya mohonlah dalam membahaskan Usul ini, kita memikirkan segala hal dalam hal tanah ini supaya ketelusan itu benar-benar dapat dilakukan dengan penuh keinsafan bagi kepentingan kerajaan dan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, ini sahaja yang saya hendak cerita ini dalam perbahasan, tidak mengambil masa yang panjang sangat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali.

8.05 mlm.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Akta Pengambilan Tanah 1960, saya mengambil bahagian Tuan Yang di-Pertua, sebab saya kira dalam banyak akta sesi Dewan ini, inilah akta yang paling penting sekali pada pandangan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila pendekkan. Jika tidak cukup masa, boleh tulis!

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Insya-Allah, insya-Allah!

Tuan Yang di-Pertua, saya selalu bercakap terus kepada point sahaja. Dia padat dan selepas ini mungkin tidak ada lagi Ahli yang hendak bercakap, saya wakilkan mereka semua ini, insya-Allah! *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, jadi,

Tuan Yang di-Pertua: Beri jugalah peluang kepada orang lain pula. *[Ketawa]*

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Insya-Allah!

Seorang Ahli: Acah sahaja! *[Ketawa]*

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Saya acah sahaja. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan akta ini penting, perkara ini bab tanah dan isu tanah inilah yang menyebabkan ataupun mendorong berlakunya penyelewengan dan rasuah yang menjadi perhatian sekarang ini, salah satu isu yang penting, malah saya datang lewat tadi pun, Tuan Yang di-Pertua, hendak maklum kepada Tuan Yang di-Pertua, sebab ada mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO, ada keputusan yang begitu mengejut diumumkan oleh Pemangku Perdana Menteri hari ini kerana ianya berkaitan dengan soal rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz tadi. Isu pengambilan tanah ini sudah jadi satu perkara yang seolah-olah 'nasi

sudah menjadi bubur'. Kalau pun tak jadi bubur sudah hampir jadi bubur. Ambil tanah rakyat, tujuannya untuk pembangunan tetapi ada pemimpin-pemimpin menyalahgunakan.

Maka sebab itu akta ini dikemukakan iaitu hendak menjamin supaya tidak ada pemimpin-pemimpin yang bertanggungjawab soal pengambilan tanah ini mengambil kesempatan mengambil tanah rakyat dengan harga murah, lepas kemudian itu diberi kepada pihak lain dengan harga yang mahal dan berlakulah apa yang dikatakan 'instant millionaire'. Kaya di atas penderitaan rakyat! Ini satu dosa yang amat besar kerana tanah, air, api ini adalah kepunyaan Allah S.W.T. tetapi ada pihak yang telah mengambil kesempatan kerana undang-undang kita selama ini, peraturan akta tanah sekarang ini begitu longgar, maka ada pihak yang mengambil kesempatan.

Jadi, tindakan terpaksa dibuat kerana kelonggaran akta ini sebelum ini, maka ada pihak yang mengambil kesempatan membuat kekayaan, melakukan penyelewengan. Ini bukan terhad kepada mana-mana segolongan pihak, malah kita menyarankan supaya pemimpin yang menyalahgunakan kuasa termasuk pengambilan tanah ataupun di dalam apa hal sekali pun, bukan sahaja pemimpin UMNO, pemimpin MCA, pemimpin MIC dan semua pemimpin komponen parti Barisan Nasional, termasuk parti Pembangkang, baik pegawai kerajaan, baik sesiapa sahaja tidak terlindung daripada undang-undang supaya diambil tindakan dan kita menyokong penuh dan berdiri teguh, tidak berbelah bagi apa yang telah dibuat oleh kerajaan. Kerana ini masalah kredibiliti pihak parti pemerintah.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pergi detail oleh kerana masa tidak ada, tetapi saya menyokong apa yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz tadi, selain daripada tanah rakyat yang diambil, ada juga tanah-tanah kerajaan yang diswasta, yang tidak dibuat dengan secara telus, hanya pihak tertentu, gergasi-gergasi besar yang dapat tanah-tanah yang dikira tanah-tanah strategik, yang mempunyai value yang tinggi.

Saya tidak tahu, cuma saya hendak mencadangkan kepada kerajaan, kepada pihak Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, yang bertanggungjawab kepada akta ini supaya menterianya bawa dalam Mesyuarat Kabinet, saya hendak mencadangkan kalau boleh diadakan penyiasatan yang menyeluruh walaupun sudah ada tanah-tanah rakyat yang diambil selama ini, tetapi sesudah itu diberi kepada pihak-pihak tertentu yang menjadi kontroversi, saya hendak minta supaya Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi mengarah BPR mengadakan penyiasatan terbuka dan tegas dan tidak melindungi mana-mana pihak. Jangan kita anggap bahawa selesainya akta ini, perkara yang sudah berlaku sebelum ini dibiarkan begitu sahaja.

Saya berharap pihak Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi mengarahkan pihak BPR supaya membuat penyiasatan kepada semua negeri mengenai dengan pemberian tanah selama ini di mana yang menimbulkan kecurigaan tanah-tanah yang strategik yang ditimbulkan ataupun menimbulkan banyak rungutan rakyat wajar disiasat dengan secara terbuka.

Saya percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Pemangku Perdana Menteri tentu bersetuju dengan pandangan saya ini sebab tidak ada makna negara kita maju, tidak ada makna pemimpin kita dihormati ataupun pencapaian kita selama ini kalaulah rasuah dan penyalahgunaan kuasa termasuk isu tanah ini berlaku dalam negara kita ianya tidak ada makna sama sekali. Ianya akan mencacat-celakan kewibawaan, kepimpinan negara kita.

Jadi, saya cadangkan supaya diadakan penyiasatan secara terbuka di semua negeri mengenai dengan pengambilan tanah ini. Dan begitu juga tanah-tanah kerajaan sendiri, kalau hendak diswastakan diadakan cara tender terbuka. Itu saya menyokong sepenuhnya, bukan sahaja tanah-tanah kerajaan negeri, tanah-tanah Kerajaan Federal dan

yang paling perlu diberi perhatian ialah tanah-tanah kerajaan yang diberi kepada agensi kerajaan. Ini lagi dahsyat! Tanah-tanah yang sudah pun dipindahmilik kepada agensi kerajaan dan agensi kerajaan itu ada pula anak-anak syarikat. Agensi kerajaan, anak-anak syarikat, lepas itu anak-anak syarikat itu di bawah itu lagi ada macam-macam anak syarikat dan dalam anak-anak syarikat ini ada tanah-tanah yang bernilai, yang boleh mendatangkan hasil revenue untuk dikongsikan nikmatnya oleh rakyat jelata secara majoriti bukan oleh pihak-pihak tertentu.

Saya difahamkan, saya bimbang, takut nanti ada tanah ini diswastakan tanpa pengetahuan Unit Perancang Ekonomi, dibuat di peringkat kementerian. Saya hendak bertanya mengenai sebidang tanah kepunyaan Kementerian Belia dan Sukan, sebelum ini yang terletak di Kajang saya dengar sudah pun diswastakan kepada pihak tertentu.

Saya hendak tahu apakah ianya dirujuk kepada Unit Perancang Ekonomi. Begitu juga lain-lain tanah, ini saya percaya perlu dibuat dengan segera, sebab punca rasuah, punca manusia menjadi tamak ialah kerana pengambilan tanah. Pengambilan tanahlah yang menjadi barah kepada rasuah, pengambilan tanahlah yang menyebabkan manusia menyeleweng dan lupa daratan, lupa kepada tanggungjawabnya, bukan sahaja kepada rakyat, tetapi juga kepada Allah S.W.T. tanggungjawab sebagai seorang pemimpin.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah, saya cukup gembira, betul-betul seronok dan gembira dan ucap tahniah apabila akta ini dibentangkan. Sebab ini begitu penting sekali kerana saya percaya kalau kita melihat kepada perkembangan negara lain, jatuh bangunnya sesebuah negara itu ataupun berlaku revolusi, kudeta dan sebagainya ianya berpunca daripada rasuah.

Dan kita tahu punca rasuah yang paling besar ialah saya difahamkan pengambilan tanah, pemberian tanah, conversion, kelulusan dan untuk menukar syarat, ini semua

walaupun bukan bererti kita tidak bersetuju, untuk tujuan pembangunan kita bersetuju, tetapi kita tidak mahu berlaku rasuah. Bila berlaku rasuah, ertinya kerajaan hilang punca pendapatan yang lumayan, yang sepatutnya menjadi milik kerajaan, ini kepada semua pihak.

Saya memang menggesa supaya tindakan rasuah ini diambil kepada semua pihak, hari ini Alhamdulillah, UMNO sebagai tunjang kepada parti Barisan Nasional, tengok secara telus, secara terbuka, tidak mengira mana-mana pemimpin, kita baca dalam akhbar, sudah ada diambil tindakan, sudah ada didakwa di mahkamah walaupun belum tentu mereka bersalah.

Hari ini pun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan lagi beberapa tindakan. Kita harap bila UMNO bertindak begitu, pemimpin parti, pemimpin kerajaan bertindak kepada pemimpin UMNO, saya juga harap kalau ada juga kes-kes yang melibatkan pemimpin parti-parti politik lain dalam Barisan Nasional, kalau orang UMNO dapat menyokong kerajaan, kita harap juga bila kerajaan mengambil tindakan kepada pemimpin-pemimpin tertentu, jangan ianya menganggap ini satu tindakan pilih kasih ataupun membezakan soal kaum atau seumpamanya. Ianya mesti diambil tindakan demi ketelusan dan demi kewibawaan dan kepimpinan negara kita pada masa yang akan datang.

Saya haraplah cadangan saya tadi diberi perhatian dan akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, jawatankuasa yang dibentuk di bawah Fasal 3 ini, kalau boleh saya ingin mencadangkan supaya diperketatkan lagi. Maksudnya jawatankuasa ini, kalau ramai, tetapi kalau peraturan itu tidak ketat, ia boleh telus juga, sekarang ini dunia yang canggih, macam-macam orang boleh buat, committee yang diwujudkan di bawah 3C(1) ini di peringkat negeri ataupun di peringkat Wilayah Persekutuan, pengerusinya State

Secretary, lepas itu Pengarah Tanah dan Galian, Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Pengarah Perancang Bandar termasuklah wakil daripada jabatan-jabatan tertentu dan kalau boleh ditambahkan lagi, seorang, dua lagi sepatutnya diberi kuasa menteri untuk dilantik seorang, dua, orang-orang profesional, termasuk seperti boleh dilantik orang luar, maknanya daripada private sector, arkitek, sebab kalaulah pihak luar pun ada, pihak kerajaan pun ada, dalam itu barulah betul-betul telus. Ada pihak arkitek daripada luar patut dilantik duduk dalam jawatankuasa seumpama ini.

Begitu juga perancang daripada juruperunding dari luar boleh juga duduk dalam jawatankuasa seumpama ini. Dan jawatankuasa ini juga boleh menjadi jawatankuasa tender bagi melaksanakan tanah-tanah kerajaan yang hendak diswastakan dan dibuat secara tender dan saya percaya ini harus diberi perhatian oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih. Cukup-cukup lima minit. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Lebih lima minit [*Ketawa*].

Tuan Long bin Jidin: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat Yang Berhormat Datuk Ibrahim Ali sudah mewakili semuanya?
[*Ketawa*]

Tuan Long bin Jidin: Belum wakil lagi. [*Ketawa*]

8.16. mlm.

Tuan Long bin Jidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sedikit sangat. Saya ini hendak cerita fasal masalah Orang Asli. Orang Asli di Malaysia ini duduk dalam tiga tempat di mana disebut kawasan Orang Asli, rizab Orang Asli dan tanah hak milik Orang Asli. Jadi, dalam Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) 1997 yang melibatkan Orang Asli hanya 166 hektar sahaja yang ada hak milik, yang lain ini banyak sudah diambil. Ambil cara mana pun saya tidak tahu, kebanyakannya rizab dan kawasan Orang Asli kerana mereka tidak ada title dan yang saya dapat maklumat hanya 35% sahaja tanah-tanah Orang Asli di Semenanjung Malaysia ini yang mempunyai kelulusan rizab, yang lain-lainnya tidak ada cerita.

Jadi, setakat hari ini kita dapati terutamanya di negeri Selangor banyak.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ini bercakap mengenai pengambilan tanah ini?

Tuan Long bin Jidin: Ya. Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak berkenaan tanah rizab itu semua.

Tuan Long bin Jidin: Ya, ya.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau boleh buat lain kalilah, boleh tulis surat atau terus berjumpa dengan.....

Tuan Long bin Jidin: Pendek, pendek sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi berkenaan dengan pengambilan tanah sahaja ini?

Tuan Long bin Jidin: Ya, ya. Memang ada berlaku pengambilan tanah Orang Asli yang memang Orang Asli duduk di tanah mereka, sudah lama tidak ada hak milik tetapi diambil. Ini yang menjadi masalahnya, jadi sekurang-kurangnya diberi perhatian kepada mana-mana kerajaan negeri memberi ruang kepada Orang Asli ini untuk memiliki tanah supaya pengambilan tanah mereka mendapat sama rata hak mereka. Itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

8.17 mlm.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ingin melahirkan rasa satu pembelaan kepada apa yang telah berlaku akibat daripada pindaan Akta Pengambilan Tanah 1960 kerana apa yang telah berlaku ialah banyak penganiayaan telah terjadi kepada tuan-tuan punya tanah kerana ianya adalah hak asasi warganegara bahawa harta warganegara tidak boleh diambil tanpa pampasan yang cukup dan mengikut peraturan undang-undang yang lengkap. Ini adalah diperuntukkan di bawah Perkara 13(2) Perlembagaan Malaysia dan apa yang telah berlaku dengan pindaan pengambilan balik tanah yang lalu, ianya telah mencabuli Perkara 13 tersebut. Ini adalah perkara yang serius kerana ia merupakan hak asasi warganegara yang telah dicabuli. Kalau kita.....

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi sekarang ini hendak diperkemaskan ini.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Akta sekarang hendak diperkemaskan.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Ya, itu sebabnya kita perlu menyokong dan mengapa kita mengatakan bahawa apa yang akan dilakukan, apa yang akan diluluskan sebenar-benarnya adalah satu pembelaan. Jika tidaklah kerana ada kes-kes dibawa ke mahkamah saya rasa ramai yang rugi tanah kerana kita telah cuai dalam meluluskan rang undang-undang dan hanya satu perkara yang saya hendak bangkitkan, mungkin dapat penjelasan daripada pihak kementerian iaitu kuatkuasa pindaan undang-undang ini akan ditetapkan oleh menteri. Soalannya, adakah ianya akan berkuatkuasa kebelakangan iaitu untuk menepati tuntutan-tuntutan mereka yang tanahnya telah diambil dan pampasan yang tidak mencukupi yang telah diberi kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu tidak ada masa. Walau bagaimanapun, lagi sekali saya melahirkan rasa terkilan kami di Dewan ini, bukan saya sahaja ramai lagi kerana tidak dapat membahaskan rang undang-undang yang begini penting dengan lebih panjang lebar kerana ianya bukan kerana kami hanya hendak bercakap tetapi kerana hendak melahirkan rasa dan semangat dan amanah yang telah diberikan kepada kami.

Dengan kata-kata itu saya menyokong rang undang-undang yang dibentangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Insya-Allah kita akan minta supaya dipanjangkan di masa-masa akan datang. Tidak ada lagi dah?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Kalau tidak ada saya jawablah.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Hussin: *[Bangun]*

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Ada lagi?

8.20 mlm.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Hussin: Ya Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga insya-Allah akan mengambil masa yang pendek dalam membahaskan Akta Pengambilan Tanah 1960. Mungkin tadi saya tidak dengar apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Ibrahim Ali. Saya ingin menyebutkan pendek-pendek sahaja.

Kita minta supaya pihak kementerian menentukan supaya prosedur yang ditetapkan dalam Akta Pengambilan Tanah 1960 itu dipatuhi oleh semua pihak sama ada pihak kerajaan negeri ataupun pihak-pihak yang lain.

Yang keduanya konsep keadilan semula jadi. Konsep keadilan ini, Tuan Yang di-Pertua, dari segi pembayaran pampasan. Buat masa sekarang ini kita lihat bayaran pampasan kepada tanah-tanah yang diambil amatlah tidak adil jika diambil perkiraan kegunaan tanah dan jangka masa kehidupan seseorang yang

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, itu telah disentuh, sudah diambil ingatan semuanya ini.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Hussin: yakah?

Tuan Yang di-Pertua: Hmm.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Hussin: Dan satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, dari segi penggunaan tanah, ada juga kita dapati bahawa ada pihak-pihak yang telah pun mengambil tanah memohon untuk satu-satu penggunaan dan akhirnya penggunaan itu tidak dilaksanakan tetapi tanah itu telah jatuh ke tangan pihak swasta. Perkara ini juga kita harap akan dapat diambil perhatian oleh kerajaan kerana soal eksploitasi mengenai tanah-tanah ini memang sering berlaku dan memang dalam pengetahuan kita dirujuk kepada kita dan sebagainya. Itulah sebabnya kita mengambil peluang di sini sebagaimana juga Yang Berhormat senator-senator yang lain masa diberikan kepada kita agak singkat. Jadi, banyak perkara tidak dapat kita sebutkan. Walau bagaimanapun, kita berharap supaya pihak kementerian akan dapat memberikan perhatian kepada perkara-perkara tersebut dan kita berharap akta ini akan dapat mengatasi masalah-masalah yang saya sebutkan tadi. Biarlah pengambilan tanah dilakukan untuk keadilan semua pihak dan juga untuk pembangunan negara.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya turut menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan menjawab. Menjawab itu pun pendek sahaja.

8.22 mlm.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun sedar, saya pun orangnya tidak panjang, jadi saya menjawab pun pendek juga. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Sesungguhnya Tuan Yang di-Pertua, dengan cara kita mendengar persoalan dan pandangan mereka, ianya benar-benar mencerminkan bahawa senator-senator kita, Ahli-ahli Yang Berhormat merupakan orang yang prihatin dan mengikuti perkembangan semasa. Mempunyai concern yang tinggi mahu membela rakyat yang mereka wakili dan saya rasakan kalau inilah kiranya pandangan-pandangan yang boleh kita terima dari masa ke semasa, saya mempunyai harapan yang amat tinggi terhadap pandangan-pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Dewan Senat.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa kebanyakan daripada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah perkara-perkara yang sensible, yang boleh kita bawa ke tengah dan pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat tidak perlulah saya ulas satu persatu merupakan pandangan yang akan menjadi input kepada kementerian dalam melaksanakan tugas-tugas kita. Hanya saya hendak menjelaskan beberapa perkara bahawasanya kementerian memang sedar yang menjadi keperluan kita untuk meminda akta ini adalah kerana penyelewengan yang berlaku di peringkat-peringkat tertentu dan kita tidak lagi dapat melihat perkara ini berterusan berlaku kerana saya bersetuju dengan pandangan tadi bahawasanya ia boleh membawa dan mendorong kita kepada tindakan-tindakan yang merupakan rasuah dan ini sebenarnya akan meruntuhkan sistem atau institusi pemerintahan kita.

Tuan Yang di-Pertua, hanya saya hendak jawab sedikit sahaja khasnya yang menyatakan bahawa tanahlah sebenarnya merupakan punca rasuah. Saya hendak mengatakan bukan tanah yang merupakan rasuah, lesen juga boleh merupakan rasuah dan perkara-perkara lain pun boleh merupakan dan mendorong orang membuat rasuah. Sebenarnya yang menjadi masalah, persoalannya ialah what is the law - apakah undang-undang - the good don't require the law - orang yang baik dia tidak memerlukan undang-undang. The bad will break all laws. Jadi, yang sebenarnya ialah nilai-nilai moral. Di dalam Islam, dalam pemimpin kita yang dikehendaki dalam Islam, dua perkara. Yang pertama, dikatakan mesti pemimpin mempunyai kekuatan, yang kedua pemimpin mesti mempunyai sifat yang beramanah. Ada kekuatan tidak ada amanah pemimpin tidak boleh berkesan. Ada amanah tidak ada kekuatan pemimpin tidak berkesan, yang pokoknya yang menjadi semua punca ini ialah amanah. Kita buat undang-

undang macam mana sekalipun kalau pemimpin itu tidak beramanah, maka saya percaya bahawasanya undang-undang tidak dapat menyekat permasalahan yang berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, di atas beberapa pandangan secara detail tadi saya telah nyatakan, saya menghormati Tuan Yang di-Pertua, saya juga menghormati Dewan ini, saya berasa amat terkilan jugalah, saya ini di dalam keadaan terburu-buru, saya hendak jawab semua. Saya rasa tidak adil kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, saya hendak menegaskan bahawasanya soalan daripada Yang Berhormat Puan Kamelia sama ada ianya boleh retrospective, saya rasa tidak boleh dan yang kedua, ada yang ingin mencadangkan supaya diambil tindakan terhadap orang yang terdahulu. Saya rasa kalau sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai atau ada bukti-bukti yang nyata dan kukuh, yang benar, yang tidak berasaskan hanya kepada syak wasangka tetapi kenyataan, maka saya menggalakkan Ahli-ahli Yang Berhormat mengadu kepada pihak-pihak yang tertentu kerana saya rasa masalah penyelewengan ini bukanlah masalah yang perlu ditekan oleh hanya pihak pimpinan tetapi semua anggota masyarakat termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat boleh membawanya sama ada kita boleh mencadangkan kementerian supaya mengarahkan BPR, saya rasa mungkin itu adalah keterlaluan tetapi saya seperti yang saya nyatakan tadi kalau sekiranya Yang Berhormat ada bukti-bukti yang nyata, saya minta diberi kepada pihak-pihak yang berkenaan bolehlah melaporkan.

Dan akhirnya saya hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang telah menyuarakan. Saya akan ambil ingatan kepada semua yang saya tidak jawab dan untuk makluman, saya bersetuju dengan Tuan Yang di-Pertua tadi, kalau sekiranya ada Ahli-ahli Yang Berhormat merasakan apa juga yang berkaitan dengan kementerian, bukan sahaja akta ini, akta ini akta lain-lain di bawah kawalan kementerian, saya ingin menyeru kepada Yang Berhormat, sila menulis terus kepada pihak menteri ataupun kepada saya atau kepada mana-mana pegawai yang tertinggi dan saya beri jaminan menghormati Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai senator yang bertanggungjawab, yang prihatin kepada keadaan semasa dalam negara kita, kementerian saya memberi pengakuan akan mengambil tindakan yang sewajarnya di atas apa juga pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, demikian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 35 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG LEMBAGA LETRIK SABAH (PINDAAN) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.30 mlm.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Letrik Sabah 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Letrik Sabah telah ditubuhkan pada tahun 1983 sebagai satu daripada badan berkanun Kerajaan Persekutuan melalui suatu akta iaitu Akta Lembaga Letrik Sabah 1983. Walau bagaimanapun, di bawah akta tersebut tidak terdapat peruntukan yang membolehkan sebahagian atau kesemua aset LLS ataupun Lembaga Letrik Sabah dipindahmilik atau diswastakan kepada pihak lain. Oleh yang demikian, bagi membolehkan tindakan tersebut dilaksanakan, Akta Lembaga Letrik Sabah 1983 perlu dipinda terlebih dahulu sepertimana yang ternyata di dalam Fasal 2 rang undang-undang ini. Oleh yang demikian, rang undang-undang bagi Akta Lembaga Letrik Sabah (Pindaan) 1997 yang dicadangkan ini adalah bertujuan membolehkan LLS diswastakan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 2 bertujuan meminda seksyen 3 Akta Lembaga Letrik Sabah 1983 dengan memasukkan subseksyen baru (1A) yang memberi kuasa kepada LLS dengan kelulusan menteri untuk menswastakan atau memindahmilik atau melepaskan kesemua atau mana-mana aktiviti, aset dan liabilitinya.

Fasal 3 memasukkan Bahagian baru X yang mengandungi peruntukan bagi penubuhan LLS dan kesan pembubaran itu berikutan daripada pelaksanaan kuasa yang diberi di bawah Fasal 2.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan matlamat program penswastakan kerajaan, objektif utama penswastakan LLS adalah untuk meningkatkan tahap kecekapan pengurusan LLS iaitu sebagai sebuah agensi yang terlibat secara langsung dalam menyediakan kemudahan asas bekalan elektrik kepada rakyat di seluruh negeri Sabah. Adalah menjadi hasrat semua pihak terutama kerajaan untuk menjadikan LLS lebih efisien, kos efektif dan mengutamakan perkhidmatan berorientasikan pengguna. Adalah diharapkan juga supaya apabila LLS diswastakan kelak, kualiti bekalan elektrik akan dapat dipertingkatkan sejajar dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat berkembang di negeri Sabah. Di samping itu, masalah gangguan bekalan elektrik yang selama ini menimbulkan banyak kesulitan kepada orang ramai akan dapat dikurangkan ke tahap paling minimum.

Tuan Yang di-Pertua, antara langkah-langkah yang diambil oleh Lembaga Letrik Sabah untuk memperbaiki kualiti bekalan elektrik adalah dengan menambahkan kapasiti penjanaan secara IPP. Sebanyak 5 lesen IPP telah pun diluluskan bagi negeri Sabah setakat ini. 3 daripada IPP tersebut sudah pun mula beroperasi, manakala 2 lagi projek masih berada dalam peringkat pelaksanaan. Selain dari projek-projek penambahan kapasiti secara IPP ini, LLS juga sedang mempertingkatkan sistem penghantaran dan pembahagiannya bagi menjamin kualiti bekalan elektrik yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Letrik Sabah 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas dan barangkali tidak ada ahli-ahli yang hendak berbahas.....

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Oh, ada jugakah? Orang Semenanjung pun hendak bahas ini? Daripada Perlis ini.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Bolehkah, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Apa kena-mengena dengan Sabah?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Boleh dengan izin Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: 2 minit sahaja.

8.33 mlm.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya, sekejap, sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mewakili Dewan Negara ini menyokong satu akta untuk meminda Akta Lembaga Letrik Sabah 1983. Saya faham bahawa akta ini dibentangkan adalah membolehkan supaya Akta Lembaga Letrik Sabah ini dapat dengan adanya pindaan akta ini boleh diswastakan pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan dalam membahaskan rang undang-undang ini untuk meminta kepada pihak kementerian mengusulkan kepada pihak Tenaga Nasional kerana buat masa ini Tenaga Nasional telah pun menaikkan tarif elektrik. Saya minta supaya kementerian dapat mengusulkan kepada Tenaga Nasional tiap-tiap pengguna elektrik di negara kita telah pun membayar deposit kepada Tenaga Nasional dan deposit ini bila dikumpulkan bernilai berjuta-juta ringgit yang ada dipegang oleh TNB.

Saya percaya daripada deposit yang dipegang berpuluh-puluh tahun ini TNB sudah tentu menggunakan dana ini sebagai modal ataupun disimpan dalam simpanan dan sebagainya. Saya ingin mengusulkan supaya TNB membuat perkiraan membayar rebat kepada simpanan-simpanan yang dibuat oleh pengguna-pengguna ini supaya tarif elektrik yang dinaikkan baru-baru ini tidaklah membebankan kepada pengguna-pengguna, terutamanya pengguna-pengguna di luar bandar.

Jadi, dengan pandangan itu saya tidak berhajat untuk menghujahkan lagi akta bagi meminda Akta Letrik Sabah 1983 ini dan saya turut menyokong. Terima kasih.

Datuk Khoo Keok Hai: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Dari Sabah? Pendek sahaja ya.

8.36 mlm.

Datuk Khoo Keok Hai: Ya, pendek. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan juga syabas kepada kerajaan yang telah pun menggubal Akta Lembaga

Letrik Sabah (Pindaan) 1997. Akta ini merupakan satu penyelesaian jangka masa panjang masalah bekalan elektrik di negeri Sabah.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, rakyat Sabah hidup dalam keadaan yang sengsara lebih daripada 10 tahun kerana dengan gangguan elektrik, khususnya di daerah Sandakan keadaan yang lebih teruk. Misalnya, baru-baru ini gangguan elektrik berlaku setiap hari lebih daripada 8 jam. Dengan ketiadaan bekalan elektrik, perniagaan dan penghidupan harian pengguna-pengguna elektrik selalu terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan penswastan Lembaga Letrik Sabah mungkin mengambil masa yang lama untuk dilaksanakan tetapi sebelum ini rakyat Sabah masih menikmati ketiadaan yang sengsara dengan gangguan elektrik. Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos seharusnya bertanggungjawab untuk menangani permasalahan ini dalam masa sekarang.

Saya berharap Timbalan Menteri dapat mengambil tindakan yang tegas untuk memperbaiki pentadbiran dalam segala urusannya. Kita tidak boleh tunggu begitu sahaja sehingga penswastan Lembaga Letrik Sabah dilaksanakan dan seterusnya biarkan rakyat Sabah hidup dalam keadaan yang susah. Saya sekali lagi meminta Timbalan Menteri dapat menolong kami untuk menangani permasalahan ini.

Dengan itu, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

8.38 mlm.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat yang telah sudi mengambil bahagian dalam perbahasan tentang pindaan Akta Lembaga Letrik Sabah sebentar tadi.

Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin menyentuh tentang deposit yang dibayar oleh para pengguna kepada pihak TNB dan ini harus diberikan rebat kepada para pengguna. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak kerajaan memang telah mengambil satu keputusan bahawa segala deposit yang dikumpulkan oleh pihak TNB ini akan diberikan satu faedah sebanyak 5% setahun dan ini akan dipulangkan kepada pihak pengguna secara pemberian rebat. Perkara ini memang telah pun diberi perhatian dan satu keputusan telah pun diambil oleh pihak kerajaan.

Yang Berhormat Senator Datuk Khoo Keok Hai menyentuh tentang keadaan bekalan elektrik di negeri Sabah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sejak Kerajaan Barisan Nasional diberi mandat 2-3 tahun yang lepas ini, pihak Kerajaan Persekutuan telah pun mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk mempertingkatkan kualiti bekalan elektrik di negeri Sabah dan cukup banyak peruntukan telah pun diluluskan untuk melaksanakan

pelbagai projek seperti projek penjanaan, pembahagian dan juga penghantaran di seluruh negeri Sabah dan saya berpuas hati juga tentang perkembangan yang berlaku di dalam 2-3 tahun kebelakangan ini.

Walau bagaimanapun, tentang gangguan bekalan elektrik yang berlaku di Sandakan baru-baru ini, ini merupakan satu perkara yang tidak diinginkan dan sangat dikesali oleh semua pihak dan kementerian telah pun mengarahkan pengurusan pihak LLS supaya mengambil langkah untuk memulihkan keadaan di Sandakan secepat mungkin dan pihak kementerian telah pun menerima laporan bahawa pihak pengurusan LLS kena mengambil tempoh selama 6 minggu untuk memulihkan keseluruhan bekalan di bandar Sandakan ini. Walau bagaimanapun, pihak kementerian tidak puas hati tentang tempoh yang begitu lama iaitu 6 minggu yang akan diambil dan saya telah pun diberitahu oleh Pengurus Besar bahawa keadaan ini mungkin dapat dipulih pada keseluruhannya dalam tempoh 2 ataupun 3 minggu.

Walau bagaimanapun, program penswastaan LLS akan dimulakan sebaik sahaja pindaan Akta Lembaga Letrik Sabah ini disempurnakan. Walau bagaimanapun, semasa kita menunggu penswastaan ini, langkah-langkah yang telah dirangka dan projek-projek telah pun dirangka untuk mempertingkatkan kualiti bekalan elektrik di seluruh negeri Sabah ini, memang kita akan meneruskan bila kita menunggu penswastaan. Ini tidak bermakna masa kita menunggu penswastaan, semua rancangan yang telah pun dirangka ini akan diketepikan. Ini memang tidak benar.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya hendak merakamkan terima kasih kepada kedua-dua ahli Senator yang telah pun mengemukakan pandangan yang begitu membina. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (PINDAAN) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.45 mlm.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 1997 yang bertujuan untuk meminda seksyen 2, 6, 7, 9, 20, 30 Jadual Kedua dan Ketiga Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) 1995, Akta 533.

Berikutan daripada penguatkuasaan Akta LHDNM....

Tuan Yang di-Pertua: Ini hendak mengurangkan hasil, ya, mengurangkan cukai. [*Ketawa*]

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Berikutan dari penguatkuasaan Akta LHDNM pada 1 Mac 1996, juga semua pegawai Jabatan Hasil Dalam Negeri (JHDN), melainkan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri dan mana-mana pegawai yang tidak membuat option untuk berkhidmat dengan LHDNM bertukar status daripada pegawai awam kepada pegawai LHDNM.

Di bawah Akta LHDNM 1995 yang sedia ada, Pengerusi Eksekutif LHDNM tidak mempunyai kuasa untuk melihat mana-mana fail berkaitan dengan pembayar cukai ataupun memutuskan supaya penyiasatan dijalankan oleh mana-mana pihak di mana perkara ini terletak di bawah bidang kuasa Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri. Walau bagaimanapun, di dalam pengurusan harian sekarang Pengerusi Eksekutif LHDNM masih terus melaksanakan tugas-tugas ini. Memandangkan perkara ini adalah di luar bidang kuasa beliau dan bertentangan dengan peruntukan undang-undang, maka dikhawatiri tindakan-tindakan yang diambil oleh Pengerusi Eksekutif ini akan dipertikaikan oleh pembayar cukai atau pihak-pihak yang berkaitan.

Dengan demikian, bagi memastikan urusan pungutan cukai yang efisien terus dilaksanakan serta untuk mengelakkan sebarang percanggahan, dengan peruntukan undang-undang yang ada, maka Akta LHDNM 1995, Akta 533 perlu dipinda. Pindaan yang dibuat pada seksyen 2, 6, 7, 9, 20, 30 Jadual Kedua dan Ketiga Akta LHDNM 1995, Akta 533 adalah bertujuan membolehkan Ketua Setiausaha Perbendaharaan berdasarkan jawatan menjadi pengerusi bukan eksekutif LHDNM bagi menggantikan pengerusi eksekutif yang ada sekarang, di samping mengadakan peruntukan bagi pelantikan seorang Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga yang juga merupakan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri yang akan bertanggungjawab bagi pentadbiran harian lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada jugakah?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua,....

Tuan Yang di-Pertua: Ini cuma hendak tukar nama pegawai sahaja.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Saya bukan hendak bahas, saya hendak beritahu, oleh kerana administrative dan hal kedudukan jawatan sahaja. Jadi, tidak ada bahas, saya hendak menyokong supaya diluluskan sahaja.

[Ketawa]

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Datin pun hendak bercakap juga?

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Ya. Lima minit sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Oh, banyak juga. *[Ketawa]*

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong pindaan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995. Dengan pindaan ini, saya berharap organisasi lembaga ini akan lebih mantap dan pengurusannya akan menjadi lebih cekap. Dengan itu juga, pendapatan negara akan meningkat melalui kutipan hasil cukai. Tuan Yang di-Pertua, suruh kelam-kabut, kelam-kabut saya membacanya - akan menjadi lebih cekap. Dengan itu juga, pendapatan akan meningkat melalui kutipan hasil cukai. Saya juga ingin merakamkan penghargaan terima kasih dan tahniah kepada Pengerusi Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri dan semua kakitangannya yang telah berjaya meningkatkan jumlah kutipan hasil cukai dari tahun ke tahun semenjak ke belakang ini.

Ini adalah kerana kecekapan semua pegawai lembaga ini. Bagaimanapun, saya minta dan memohon supaya pegawai-pegawai lembaga ini juga lebih prihatin terhadap peniaga-peniaga makanan di lorong-lorong belakang bangunan tinggi atau warong-warong yang tersorok di tepi-tepi bangunan tinggi. Contohnya, cuba bayangkan berapa pendapatan seorang mamak yang menjual Nasi bariani sebanyak dua periok besar setiap hari di sebuah lorong di Bangsar? Saya kira pendapatannya lebih tinggi daripada guru siswazah. Cukai pendapatan mesti juga dipungut daripada mereka.

Satu perkara lagi yang saya anggap penting ialah peranan yang dimainkan oleh agensi-agensi yang menyediakan kemudahan membantu peniaga-peniaga dan kontraktor mengisi borang-borang cukai pendapatan. Saya berharap Lembaga Hasil Dalam Negeri mengawasi agensi-agensi ini supaya tidak berlaku penyelewengan sehingga menyebabkan kerajaan rugi berjuta-juta ringgit nanti. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tertinggal, orang yang jual kepala ikan. *[Ketawa]* Setiausaha, sila.

8.54 mlm.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Ibrahim Ali dan Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan kerana sudi mengambil bahagian dalam perbincangan ini. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Datin Hajah Wan Intan kerana telah memberi pujian kepada lembaga. Selain daripada itu, kita akan berjanji untuk bekerja lebih keras lagi untuk mengutip hasil dalam negeri. Pertama, pegawai-pegawai kita sekarang ini juga menyamar di kedai-kedai makan, di warong-warong mamak kepala ikan untuk mendapatkan hasil sebenar, kutipan sebenar, ataupun wang sebenar yang mereka dapati pada tiap-tiap hari dan tiap bulan, dan akhirnya nanti kita akan menghantar borang untuk mereka mengisinya.

Satu lagi mengenai korporat-korporat, kita juga ada menyemak perkara ini dan pergi ke tempat-tempat mereka untuk mendapatkan lagi penjelasan-penjelasan yang lanjut. Dengan itu, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.56 mlm.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 1997 bagi tujuan untuk meminda seksyen 134 Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta 53. Berikutan dari penguatkuasaan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia pada 1 Mac 1996, semua pegawai Jabatan Hasil Dalam Negeri, melainkan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri dan mana-mana pegawai yang tidak membuat option untuk berkhidmat dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bertukar status dari pegawai awam kepada pegawai LHDNM.

Berdasarkan Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta 53, Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri mempunyai kuasa untuk melihat mana-mana fail berkaitan dengan pembayar cukai ataupun memutuskan supaya semua penyiasatan dijalankan oleh mana-mana pihak. Kuasa ini kekal dan tidak boleh diturunkan kuasa kepada Pengerusi Eksekutif LHDNM. Walau bagaimanapun, di dalam pengurusan harian sekarang, Pengerusi Eksekutif LHDNM masih terus melaksanakan tugas-tugas ini, memandangkan perkara ini adalah di luar bidang kuasa Pengerusi Eksekutif LHDNM dan bertentangan dengan peruntukan undang-undang, maka dikhuatiri tindakan-tindakan yang diambil oleh Pengerusi Eksekutif LHDNM ini akan dipertikaikan oleh pembayar cukai atau pihak-pihak berkaitan.

Dengan demikian, bagi mengelakkan pengurusan sistem yang sedia ada, menimbulkan percanggahan dan tidak menjurus kepada satu sistem pungutan cukai yang efisien, maka peruntukan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta 53 perlulah dipinda. Pindaan yang dibuat pada seksyen 134 Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta 53 adalah bertujuan mengadakan peruntukan bagi perlantikan Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM yang juga merupakan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri selaras dengan pindaan yang dibuat ke atas Akta LHDNM 1995, Akta 533. Pindaan ini juga bertujuan mengadakan perlantikan bagi Timbalan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri, Pengarah Hasil Dalam Negeri Sabah dan Sarawak, Penolong Pengarah Kanan dan Penolong Pengarah Hasil Dalam Negeri di kalangan pekerja Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1997 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada juga. *[Ketawa]*

8.56 mlm.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perlu kerana ada beberapa cadangan untuk insentif yang hendak saya sampaikan. Terima kasih sekali lagi di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam perbincangan berhubung dengan Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 1997 ini.

Saya sesungguhnya ingin memberi beberapa pandangan berhubung dengan insentif-insentif yang saya kira dapat diberikan di dalam kita membicarakan soal cukai pendapatan ini. Yang pertama, saya ingin mengesyorkan satu pengecualian terhadap pembelian komputer untuk kegunaan di rumah. Relief for the purchase of home computers, dengan izin. Kita sedar bahawa kerajaan sememangnya menggalakkan agar setiap rumah memiliki komputer peribadi ataupun personal computer (PC), dengan izin. Galakan ini adalah antara lain kerana kerajaan mahukan agar rakyat secara menyeluruh terlibat di dalam teknologi maklumat dan juga agar rakyat jelata mempunyai pengetahuan dalam penggunaan komputer.

Kita tidak dapat menafikan pula bahawa terdapat sebilangan besar daripada ibu bapa yang tidak berkemampuan untuk memiliki personal computer ini, dan mungkinglah harapan dan hasrat kerajaan kita akan terbantut. Justeru itu, mungkinglah pihak kerajaan dapat menimbangankan agar pengecualian cukai di atas kos keseluruhan untuk membeli PC ini akan dapat diberikan mungking dengan had maksimum sebanyak RM5,000 jika dibeli untuk pendidikan anak-anak. Pengecualian ini juga pada hemat saya haruslah diberikan setiap dua atau tiga tahun sekali, kerana kita sedar teknologi maklumat sering berubah, dan komputer yang lama mungkin sudah ketinggalan.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa PC akan obsolete dalam jangka masa yang singkat. Bayaran ke atas kelas-kelas komputer untuk anak-anak rasanya patut juga dimasukkan dalam pengecualian yang dicadangkan ini. Dengan cara ini akan dapat merealisasikan harapan usaha gigih kerajaan yang menggalakkan penyertaan dalam Multimedia Super Corridor (MSC) juga akan dapat disambung dan dihubungkan ke setiap rumah melalui PC.

Seperkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat berharap agar kerajaan juga akan dapat memberi pengecualian kepada syarikat-syarikat ataupun individu yang memberi sumbangan-sumbangan derma atau bantuan-bantuan di dalam bentuk komputer kepada sekolah-sekolah, masjid-masjid ataupun badan-badan tertentu di peringkat kampung dan sebagainya. Pengecualian ini perlu diberikan untuk kos keseluruhan di atas sesuatu sumbangan yang diberikan. Dengan cara ini akan dapat memberi insentif, dan saya yakin insya-Allah akan menarik minat lebih ramai lagi syarikat-syarikat dan individu-individu untuk tampil ke hadapan memberi sumbangan komputer ini demi mempercepatkan peluang anak-anak kita dapat berkomunikasi melalui komputer, dan ianya sekaligus akan dapat mempercepatkan proses teknologi maklumat ini.

Yang kedua, pengecualian untuk orang-orang cacat, dealing for handicap people, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini mana-mana majikan yang mengambil pekerja yang cacat, yang tidak mampu performed normally, dengan izin, adalah diberi double deduction for tax, untuk kemudahan yang diberikan kepada pekerja-pekerja cacat tadi.

Namun yang demikian, berdasarkan perundangan yang ada sekarang, sekiranya pekerja yang cacat ini dapat berkhidmat sebagai seorang biasa, maka majikan tersebut adalah tidak layak untuk menikmati 'double deduction rebate' ini. Sebagai contoh, seorang pekerja yang cacat, katakanlah 'qualified engineer' yang diambil bekerja walaupun beliau hanya mampu sekadar bekerja di pejabat sahaja, yakni terpaksa duduk di atas kerusi sahaja, sedangkan kita semua sedar bahawa kerja-kerja seorang jurutera kadangkala terpaksa membuat 'field work' dan sebagainya. Oleh kerana beliau mampu duduk dan membuat kerja-kerja di pejabat, maka pekerja ini tidak dianggap oleh kerajaan sebagai pekerja cacat untuk membolehkan majikannya menikmati pengecualian cukai.

Di dalam kita mengamalkan semangat masyarakat penyayang, saya berpendapat bahawa pengecualian cukai harus diberikan kepada setiap majikan yang mengambil pekerja cacat untuk bekerja dengan syarikatnya 'irrespective' sama ada 'they performed normally or not'.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga, pengecualian bagi tujuan-tujuan melancong di dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dirasakan perlu suatu pengecualian cukai, katakanlah kepada suatu jumlah yang tidak melebihi RM3,000 harus diberikan kepada ibu bapa untuk menggalakkan penglibatan keluarga agar mereka membawa anak-anak mereka melancong ke pusat-pusat pelancongan tempatan di mana sahaja di dalam Malaysia.

Kita sedar bahawa kerajaan menggalakkan agar orang ramai melancong ke tempat-tempat pelancongan di dalam negeri. Justeru itu, suatu insentif rasanya perlu diberikan demi memberi penggalakan kepada rakyat.

Kerajaan boleh menghadkan perbelanjaan yang boleh dituntut adalah hanya sekadar untuk kos-kos pengangkutan, makanan, penginapan yakni hotel ataupun 'budgeted hotel' dan juga 'entrance fees'. Kita yakin bahawa dengan cara ini, dapat menggalakkan ibu bapa supaya dapat meluangkan lebih banyak dengan anak-anak mereka, yang mana dengan ini juga selain daripada akan dapat meluaskan pengetahuan anak-anak kita, ianya juga akan dapat mengakrabkan lagi hubungan di antara ibu, ayah dan anak-anak dan insya-Allah, dengan ini akan dapat melahirkan suatu keluarga yang bahagia dan harmoni yang sekaligus juga bukan sahaja akan dapat mengurangkan masalah sosial di kalangan remaja, tetapi akan juga dapat mengurangkan soal keruntuhan institusi keluarga.

Yang keempat, pengecualian cukai pendapatan peribadi, 'personal tax relief'.

Tuan Yang di-Pertua, personal tax relief, dengan izin, bagi pembayar cukai telah tidak dipinda untuk sekian lamanya. Pengecualian cukai sekarang ini adalah untuk peribadi RM5,000; isteri RM3,000; anak-anak RM800 bagi seorang anak.

Memandangkan inflasi yang telah berlaku beberapa tahun kebelakangan ini, tidak dapat dinafikan bahawa 'cost of living' telah meningkat sepertimana yang dapat kita lihat melalui consumer price index (CPI).

Pengecualian cukai terhadap pembayar cukai haruslah dikaji dan disemak semula dan rasanya perlu dipinda dan dinaikkan sekurang-kurangnya harus berpandukan kepada CPI yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, cubalah kita lihat pengecualian diberikan terhadap seorang anak hanyalah RM800 setahun, cuba kita bahagilah RM800 ini selama 12 bulan maknanya kita akan dapati pengecualian diberikan kepada seorang anak ialah lebih kurang RM66.67 sebulan. Cubalah kita bayangkan cara penghidupan yang ada sekarang ini, apakah pengecualiannya seperti ini masih lagi bersesuaian.

Marilah kita bandingkan secara ringkas, cara hidup dahulu dan sekarang. Dulu kita ke sekolah membawa bekalan kuih, nasi dan sebagainya. Tetapi sekarang, anak kita memerlukan sekurang-kurangnya RM1 satu hari. Dahulu kita ke sekolah dengan berjalan kaki ataupun yang sebaiknya, yang terbaik sekali ialah menunggang basikal - itu sudah kira hebat. Tetapi sekarang kita terpaksa menyewa van atau bas sekolah untuk anak-anak kita ke sekolah. Banyak lagi perbezaan yang dapat kita saksikan yang tidak perlu rasanya saya perkatakan satu persatu di sini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membuat cadangan di sini agar pengecualian kepada anak ini dibahagi kepada empat kategori:

- (i) bagi anak-anak yang berusia di bawah 6 tahun;
- (ii) bagi anak yang berusia di antara 6 hingga 12 tahun;
- (iii) bagi anak yang berusia di antara 12 hingga 18 tahun; dan
- (iv) bagi anak yang berusia 18 tahun ke atas.

Saya kira semuanya dapat bersetuju kerana tanggungan kita terhadap anak-anak kita dari suatu kategori-kategori yang lain adalah berbeza. Demikian juga dengan pengecualian lain yakni terhadap isteri dan peribadi. Kita yakin bahawa pengecualian ini telah out leave its purpose, dengan izin, dan ianya tidak mencerminkan keadilan. Justeru itu, kita mohon agar pihak kerajaan akan dapat melakukan sesuatu untuk membuat pindaan-pindaan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, yang kelima, pengecualian pembelian kereta-kereta untuk kegunaan kakitangan syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini 'the maximum capital allowance' yang dibenarkan untuk pembelian sesebuah kereta ialah RM50,000. Pada hemat saya had maksimum ini harus ditingkatkan kepada RM130,000. Sepertimana yang kita ketahui bahawa harga kereta telah meningkat dengan begitu drastik sekali dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini.

Sekarang ini kita tahu bahawa harga kereta biasanya dewasa ini adalah disekitaran RM60,000 hingga RM130,000. Manakala harga kereta mewah, the luxury cars, dengan izin, adalah melebihi RM200,000.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan pengecualian ini akan dapat memanfaatkan usahawan-usahawan dan syarikat-syarikat kecil dan sederhana di mana mereka terpaksa menyediakan dan membekalkan kereta-kereta untuk kegunaan kakitangan mereka demi membolehkan kakitangan mereka menyempurnakan tugas-tugas dan tanggungjawab mereka.

Kita sedar bahawa kereta-kereta mewah lazimnya tidak diberikan oleh syarikat untuk kegunaan kakitangannya. Justeru itu, kita tidak perlu resah atau bimbang bahawa peningkatan elaun ini akan disalahgunakan. Dengan peningkatan elaun ini juga akan dapat meningkatkan dan memajukan lagi industri kereta lantaran a higher tax rate are now been allowed, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, yang keenam, kadar cukai. Pada waktu ini kerajaan sedang mengenakan kadar cukai pendapatan sebanyak 30% kepada individu dan syarikat. Saya berharap agar kerajaan akan terus dapat mengurangkan kadar tersebut supaya kita akan

menjadi lebih kompetitif jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain dalam kawasan Asia Pasifik.

Dengan ini juga Malaysia akan dapat memiliki daya tarikan yang lebih untuk pelaburan jangka panjangnya. Kadar cukai pendapatan yang rendah terhadap individu akan juga dapat memberikan galakan kepada individu untuk bekerja dengan lebih gigih dan keras lagi bagi meningkatkan pendapatan mereka yang mana dengan ini sudah pasti akan dapat meningkatkan produktiviti.

Yang ketujuh, pendapatan hasil dari usaha di luar negara, 'foreign earn income'.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat!

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Sudah hendak habis dah! *[Ketawa]*

Kebelakangan ini terdapat ramai individu dan banyak syarikat yang sudah mula melabur di luar negara akan tetapi tidak membawa pulang hasil mahsul yang diperolehi oleh mereka di luar negara.

Pengecualian yang sepenuhnya harus diberikan kepada mereka yang membawa pulang segala pendapatan dan keuntungan yang diperolehi hasil dari pelaburan mereka di luar negara.

Dengan ini, insya-Allah, akan dapat mengimbangi masalah pembayaran luar kita, 'balance of payment'. Ini juga secara tidak langsung akan dapat memberi ganjaran kepada mereka seolah-olah kita mengiktiraf sumbangan oleh pelabur-pelabur tadi yang berani mengambil risiko yang tinggi semasa mereka membuat pelaburan di luar negara dan telah membuktikan kejayaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedar bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri begitu memberi galakan agar rakyat dan syarikat-syarikat perniagaan di

Malaysia untuk cuba melabur dan memasuki arena perniagaan di luar negara yang diyakini akan berjaya.

Justeru itu, haruslah ada suatu bentuk insentif yang dapat merealisasikan cita-cita dan harapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi itu.

Yang terakhir sekali, insentif pengecualian 100% sumbangan syarikat atau individu untuk Tabung Pendidikan Tinggi Nasional demi menggalakkan orang ramai dan syarikat-syarikat untuk turut menyertai suatu rancangan yang amat bererti ini dan supaya matlamat kerajaan menubuhkan tabung ini akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 1997. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

9.07 mlm.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail kerana sudi membahaskan rang undang-undang ini.

Pada saya tadi, rang undang-undang ini merupakan 'consequential' kepada rang undang-undang yang sebelumnya. Tetapi, nampaknya banyak insentif-insentif yang diminta untuk dibahaskan.

Tuan Yang di-Pertua: Dan boleh dipersetujukan! [*Ketawa*]

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Ya!

Tuan Yang di-Pertua, mengenai komputer dalam Ucapan Belanjawan pada tahun lepas, untuk tahun ini menteri telah pun meluluskan cukai tentang komputer peribadi ini.

Jadi, cukai sekarang ini kalau kita lihat dahulu komputer ini harganya RM5,000 atau lebih, sekarang ini berharga RM3,000 lebih sahaja.

Dan lain-lain insentif yang dipohon, saya minta nanti Yang Berhormat memberikan kepada saya semua cadangan itu supaya kita masukkan dalam perbincangan dialog Belanjawan ini yang akan dimulakan tidak lama lagi. Dan terima kasih semua cadangan itu. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*].

Fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Nampaknya kita sudah pun selesai. Ada satu Usul. Dijemput Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail akan mencadangkan.

USUL

**Kepimpinan Yang Amat Berhormat
Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad
Sebagai Perdana Menteri Malaysia**

[Usul oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail]

9.13 mlm.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Usul:

“Bahawa kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia, telah merobah rupa Malaysia melalui transformasi ekonomi, dari negara pertanian kepada negara industri, merobah jiwa bangsa melalui revolusi akliah, membaja keyakinan diri untuk menjadi satu bangsa besar, merangsang kefahaman Islam yang kukuh tetapi sederhana dan pragmatik, sekaligus mengangkat bangsa dan negara kita dari kedudukan terpencil ke tengah gelanggang dunia, menerima pengiktirafan dunia melalui anugerah dari Venezuela, India, Arab Saudi, Kuwait, Bahrain dan negara Afrika Selatan.”

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meringkaskan Usul saya ini, sebab masa sudah suntuk iaitu kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah diiktiraf oleh dunia dan sudah tentu rakyat di seluruh negara mengalu-alukan. Oleh itu, kita berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan terus menjadi pemimpin dan kita dapati kepimpinannya amat berkesan.

Perubahan kepimpinan di negara kita hanya perlu apabila pemimpin yang ada sekarang ini tidak dapat memimpin dengan baik. Oleh kerana Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir adalah seorang pemimpin yang memang diakui dan memang mempunyai kesihatan yang cukup baik, kita rasa dia perlu terus jadi pemimpin sehingga sampai satu masa yang dia sendiri rasa dia patut berundur diri.

Ini bukanlah bermakna Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim itu tidak layak memimpin. Tetapi biarlah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir menjadi tunggak kepimpinan negara kita sehinggalah kita sampai satu masanya Dato' Seri Dr. Mahathir rasa perlu pucuk pimpinan ini diambil alih.

Dengan itu, saya mencadangkan Usul ini.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong dengan sebulat suara, kita semua bersetuju ya. Terima kasih. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:

“Bahawa kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia, telah merobah rupa Malaysia melalui transformasi ekonomi, dari negara pertanian kepada negara industri, merobah jiwa bangsa melalui revolusi akliah, membaja keyakinan diri untuk menjadi satu bangsa besar, merangsang kefahaman Islam yang kukuh tetapi sederhana dan pragmatik, sekaligus mengangkat bangsa dan negara kita dari kedudukan terpencil ke tengah gelanggang dunia, menerima pengiktirafan dunia melalui anugerah dari Venezuela, India, Arab Saudi, Kuwait, Bahrain dan negara Afrika Selatan.”

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia, telah merobah rupa Malaysia melalui transformasi ekonomi, dari negara pertanian kepada negara industri, merobah jiwa bangsa melalui revolusi akliah, membaja keyakinan diri untuk menjadi satu bangsa besar, merangsang kefahaman Islam yang kukuh tetapi sederhana dan pragmatik, sekaligus mengangkat bangsa dan negara kita dari kedudukan terpencil ke tengah gelanggang dunia, menerima pengiktirafan dunia melalui anugerah dari Venezuela, India, Arab Saudi, Kuwait, Bahrain dan negara Afrika Selatan.”

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana telah memberi kerjasama meringkaskan perbahasan kita pada malam ini. Insya-Allah, pada

masa akan datang, kita akan kemukakanlah minta Ahli-ahli Yang Berhormat supaya memanjangkan sedikit masa perbahasan, insya-Allah, kalau berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, cubalah bercakap berkenaan hal ini.

Maka dengan itu, saya tangguhkan Majlis ini kepada suatu hari yang akan ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.15 malam.